
Sekata
Jurnal Bahasa & Persuratan 2022

Sekata

Jurnal Bahasa & Persuratan 2022

MAJLIS BAHASA



SEKATA DUA AWAL BICARA

Pembaca yang budiman, sukacita saya mempersembahkan SEKATA 2022 yang terlahir di bawah naungan Jawatankuasa Bahasa dan Persuratan. Walaupun dianggotai beberapa wajah baharu, berkat bimbingan dan nasihat ahli-ahli yang lebih mapan, jawatankuasa ini terus mampu menyajikan bahan-bahan bacaan yang menarik lagi bermutu.

Edisi kali ini merakamkan Suara; suara yang terkandung di sebaliknya perasaan, pandangan atau idea seseorang mengenai sesuatu perkara. Suara sastera dan budaya Melayu lantang bergema melalui barisan artikel yang tersenarai hasil pena penulis-penulis setempat. Saya juga ingin merakamkan rasa bangga akan penyertaan penulis-penulis muda yang mula berjinak-jinak dalam penulisan ilmiah. Semoga usaha untuk terus mendekati penulis-penulis muda ini akan menyemarakkan lagi bidang persuratan Melayu.

SEKATA 2022 juga menampilkan ruangan khas iaitu Suara Masyarakat. Berkisar tentang isu pandemik COVID-19, beberapa suara khas diketengahkan untuk berkongsi sudut pandangan mereka mengenai hal tersebut. Coretan petugas di barisan hadapan yang menggalas tanggungjawab yang berat bagi memerangi pandemik ini, renungan anggota masyarakat yang terpaksa mengharungi cabaran demi kelangsungan hidup pastinya akan memberi kesan yang mendalam kepada pembaca. Mentelah lagi, sebuah artikel tentang cabaran dan cara mengatasi tekanan dalam mengasuh kanak-kanak berkeperluan khas semasa pandemik juga akan meningkatkan kesedaran tentang keperluan khusus golongan ini.

Buat dua tahun berturut-turut, kulit jurnal SEKATA menampilkan lukisan seniman setempat. Lukisan kali ini yang berjudul 'Path to the Beach' disumbang oleh Encik Idris Mohamed Ali, penerima Hadiah Warisan 2021. Inilah usaha kami untuk menghargai jasa dan bakat para seniman setempat.

Suara-suara yang dipaparkan dalam edisi ini diharapkan dapat memperkaya ilmu pengetahuan pembaca tentang bahasa, budaya dan kesusasteraan Melayu serta meningkatkan kepekaan akan hal ehwal masyarakat sekeliling. Suara-suara yang disulam dengan kata-kata yang indah dan bahasa yang elok juga mencerminkan peranan jurnal ini untuk melestarikan bahasa Melayu.

Semoga jurnal SEKATA terus menjadi wadah yang menampung khazanah persuratan Melayu dan sekali gus menghidupkan penggunaan bahasa Melayu.

Prof Madya Dr Muhammad Faishal Ibrahim

Menteri Negara, Kementerian Ehwal Dalam Negeri(MHA)
Dan Kementerian Pembangunan Negara(MND)
Pengerusi Majlis Bahasa Melayu Singapura(MBMS)
Dan Penasihat Jawatankuasa Jurnal SEKATA



TINTA PENGERUSI

Tingkap papan kayu persegi,
Sampan sakat di Pulau Angsa;
Indah tampan kerana budi,
Tinggi bangsa kerana bahasa.

Tahap ketamadunan sesebuah bangsa berkait rapat dengan kehalusan bahasa yang digunakan. Hubungan bangsa dan bahasa terakam indah dalam pantun klasik di atas yang mendedahkan jalinan akrab antara "lidah" sesebuah komuniti dengan takat peradabannya, sinonim dengan pepatah, bahasa menunjukkan bangsa.

Melalui bahasa, kita kenal identiti bangsa tersebut. Dalam konteks bahasa Melayu, baik buruk sifat seseorang tercermin dalam kehalusan atau kekasaran bahasanya. Kemahiran seseorang menggunakan laras bahasa yang sesuai dengan konteks keadaan menyerlahkan ketinggian budi, pemikiran dan keperibadiannya.

Konsep budi bahasa pula tidak tertakluk kepada bahasa yang dituturkan tetapi juga bahasa lisan yang mengungkap komunikasi tanpa suara. Dalam konteks penulisan, hal ini terakam dalam intonasi dan diksi kata-kata selaras dengan tujuan sesebuah bentuk karya.

Senada dengan pandangan Profesor Madya Dr Muhammad Faishal Ibrahim tentang "suara" dalam Jurnal SEKATA tahun ini, kita temui corak suara yang berbeza-beza. Bermula dengan suara calitan warna iaitu kulit jurnal yang dilukiskan oleh seniman tempatan, Encik Idris Mohamed Ali berjudul 'Path To The Beach', hinggalah kepada suara-suara dalam penulisan.

Buat julung-julung kalinya, Jurnal SEKATA menampilkan ruangan Suara Masyarakat sebagai usaha untuk mencungkil isi hati masyarakat tentang isu-isu terkini. Untuk edisi kali ini, kami merakam pengalaman para pekerja di barisan hadapan dan dalam perkhidmatan penting tentang jerih perih mereka berdepan dengan wabak Covid-19.

Selanjutnya, Dr Haslina Hassan menekankan peri pentingnya penjaga kanak-kanak berkeperluan khas juga diberi perhatian terhadap tahap tekanan mereka. Dr Roszalina Rawi memaparkan kewibawaan tiga tokoh sarjana wanita dalam bidang akademi.

Karya-karya sastera tradisional turut diberi perhatian melalui esei-esei Farizan Md Amin yang mengupas pakaian pemimpin dalam teks Tuhfat Al-Nafis, Fadhli Fadzil meneliti konsep rupawan dalam karya sastera tradisional dan Dr Wan Roshazli Wan Razali mengkaji keadilan raja berdasarkan syair lama.

Karya-karya sastera moden pula dikupas di tangan Liyana Nasyita Shukarman yang meneliti pembangunan dalam karya Mohamed Latiff Mohamed sementara Muhammad Ilyia Kamsani membedah karya Anak Panglima Awang.

Penerima Anugerah Tun Seri Lanang 2020/2021, Hamed Ismail, berkongsi pengalaman dan nasihatnya dalam berkarya.

Di lapangan budaya, Afi Hanafi menyentuh tentang seni dendangan syair dan Fadhli Ramlee menyampaikan tentang perkembangan muzik tradisional Melayu di Singapura sejak abad ke-21.


Jurnal SEKATA terus berusaha untuk menampilkan artikel-artikel dalam bidang bahasa dan persuratan. Pada masa yang sama, suara-suara mereka yang bukan dalam lapangan-lapangan ini juga diambil kira, seperti dalam ruangan Suara Masyarakat.

Perbincangan tentang bahasa dan sastera tidak tertakluk kepada hal-hal linguistik dan akademik sahaja. Untuk sesebuah bahasa kekal relevan, bahasa tersebut harus digunakan dalam segala lingkup kehidupan sebagai wahana melahirkan pemikiran, pengalaman dan perasaan.

Semoga penerbitan Jurnal SEKATA kali ini memberi galakan untuk para pembaca turut sama meluahkan pemikiran mereka dalam bentuk esei dan artikel untuk edisi-edisi akan datang.

Dr Noridah Kamari

Pengerusi
Jurnal SEKATA



SALAM MUHIBAH

Masihkah ada Orang Melayu di Singapura?

Ketika saya membaca dapatan 'Banci Penduduk Singapura 2020' mengenai bahasa yang digunakan oleh keluarga Melayu Singapura sekarang, saya menjadi terpegun sebentar. Saya terhenti membaca dapatan yang menyebut bahawa sebanyak kira-kira 60 peratus keluarga Melayu sekarang sudah tidak lagi menggunakan bahasa Melayu sebagai alat berkomunikasi.

Sebaliknya, bahasa Inggeris telah menjadi bahasa dominan mereka. Saya termenung dan mata saya terkebil-kebil dan fikiran saya cepat menerpa berlari dan segera timbul pertanyaan: 'Apakah yang akan terjadi 20 tahun atau 40 tahun akan datang?'

Apakah masih ada orang Melayu di Singapura ketika itu? Ketetapan atau mungkin undang-undang yang tercantum di dalam perlembagaan Negara Singapura yang menetapkan bahawa klasifikasi atau ketentuan bahawa seseorang itu dianggap sebagai 'Orang Melayu' ada tiga dasar ikatannya; iaitu pertama beragama Islam, kedua beradat istiadat Melayu dan ketiga berbahasa Melayu dengan fasih.

Dua dasar ikatan sebagai pokok tidak akan mungkin menjadi masalah. Pertama, kebanyakan mereka masih kekal dalam kehidupan 'beradat istiadat Melayu'; umpamanya ketika dua orang Melayu bertemu, mereka bersalaman. Ketika berhari raya mereka bersilaturahmi. Ketika mengadakan kenduri walimah, saudara-mara dan sahabat terdekat akan dijamu dalam satu majlis. Pengantin lelaki akan diarak dengan pasukan kompang rebana. Kedua, kepercayaan, pegangan dan keyakinan mereka terhadap agama Islam sukar tergugat, malah mungkin bertambah kuat.

Akan tetapi bagaimanakah dengan dasar yang satu lagi, iaitu mereka harus 'fasih berbahasa Melayu'? Sedangkan sekarang sudah lebih 60 peratus, mereka sudah 'membuang bahasa Melayunya' dan menggantikannya dengan bahasa Inggeris.

Golongan orang Melayu yang membuang bahasa Melayunya dan mengambil bahasa Inggeris sebagai bahasa pertuturannya ialah golongan mereka yang menerima pendidikan secara total dalam bahasa Inggeris, sedang bahasa Melayu yang dianggap sebagai 'bahasa ibunda' atau 'bahasa kedua' itu hanya dipelajari sebagai syarat untuk menentukan mereka lulus dalam peperiksaan Peperiksaan Tamat Sekolah Rendah (PSLE); selanjutnya sebagai syarat lulus peperiksaan Sijil 'Am Pelajaran (GCE 'O') dan Sijil Tinggi Pelajaran ('GCE' A).

Saya kira begitulah yang berlaku kepada golongan pelajar Cina dan India; mereka belajar bahasa ibunda atau bahasa kedua mereka, iaitu Mandarin atau Tamil, sebagai syarat untuk lulus dalam peperiksaan yang saya sebutkan. Golongan mereka pun, saya kira lama kelamaan akan menggunakan bahasa Inggeris juga sebagai bahasa berkomunikasi dalam kalangan keluarga mereka.

Masyarakat Melayu, Cina dan India di Singapura sekarang, perlahan-lahan akan menjadi orang Singapura atau rakyat Singapura, yang akan menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa utama mereka. Bukan sahaja bahasa Inggeris digunakan sebagai bahasa berkomunikasi mereka dalam kalangan keluarga, bahkan sudah pasti bahasa Inggeris ialah bahasa berkomunikasi antara berbilang bangsa di Singapura akan menjadi bahasa dominan atau utama dalam kalangan mereka.

Apabila hal ini berlaku, maka sastera Melayu Singapura, sastera Cina Singapura dan sastera Tamil Singapura, akan pupus pula. Disebabkan bahasa ialah 'kenderaan' atau 'wahana' yang akan membawa atau mengangkat sastera-sastera berbahasa itu. Jika wahana atau kenderaan itu sudah hapus, bagaimanakah sastera-sastera itu akan bergerak?

Kembali kepada persoalan awal, apakah masih ada orang Melayu Singapura dalam masa 20 atau 30 tahun akan datang? Sesungguhnya, 'orang Melayu bekulit sawo matang' masih ada di Singapura ketika itu, tetapi apakah 'mereka layak mengaku sebagai orang Melayu?'

Di Sri Lanka dan Afrika Selatan umpamanya, ada keturunan orang Melayu, tetapi mereka tidak tahu dan tidak lagi berbahasa Melayu. Mereka menggunakan bahasa Sinhala dan bahasa Afrika dan mereka tidak lagi dikenali sebagai orang Melayu atau bangsa Melayu, tetapi mereka dikenali sebagai orang Sinhala dan orang Afrika sahaja. Apakah akan demikian kesudahan nasib bangsa Melayu dan bahasa Melayu di Singapura akhirnya?

Suratman Markasan

Ketua Editor
Jurnal SEKATA

JAWATANKUASA SEKATA - JURNAL BAHASA & PERSURATAN 2022

PENASIHAT

Prof Madya Dr Muhammad Faishal Ibrahim

PENGERUSI

Dr Noridah Kamari

TIMBALAN PENGERUSI

Zubaidah Mohsen

KETUA EDITOR

Suratman Markasan

PANEL EDITOR

Djohan Abdul Rahman

Farizan M. Amin

Jamal Ismail

Siti Fazila Ahmad

NARA SUMBER

Prof Madya Dr Hadijah Rahmat

Prof Madya Dr Lim Beng Soon

Dr Norshahril Saat

Hak cipta terpelihara dan dilindungi undang-undang. Buku ini atau mana-mana bahagiannya tidak dibenarkan diterbitkan semula, ditiru, disimpan dalam sistem pengeluaran semula (retrieval system) atau dipancar walau melalui sebarang cara sekalipun termasuk kaedah elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau lain-lain tanpa kebenaran bertulis pihak penerbit terlebih dahulu.

Judul : Sekata: Jurnal Bahasa dan Persuratan

Format : Cetak

ISSN : 2630-4589

Diterbitkan oleh **Majlis Bahasa Melayu Singapura**

Direka bentuk oleh **Oxygen Studio Designs Pte Ltd**

KANDUNGAN



10 **Idris Mohamed Ali: Belajar Sendiri Teknik Melukis**



14 **Penjaga Juga Perlu Dijaga**
Dr Haslina Hassan



17 **Suara Masyarakat: Cabaran Harungi Pandemik**



24 **Mutiara Jati Diri Wanita Arif Budiman**
Dr Roszalina Rawi



30 **Pakaian Pemimpin Dalam Kepimpinan Bugis Melalui Teks *Tuhfat Al-Nafis***
Farizan Md Amin



37 **Konsep Rupawan Dalam Sastera Melayu**
Fadhli Fadzil



41 **Keadilan Raja Sebagai Strategi Naratif**
Dr Wan Roshazli Wan Razali



46 **Pembangunan Dari Sudut Pandangan Mohamed Latiff Mohamed**
Liyana Nasyita Shukarman



52 **Memori, Naluri Dan Nurani Bangsa Dalam Karya *Anak Panglima Awang***
Muhammad Ilyia Kamsani



56 **Penulis Tidak Lahir Daripada Kekosongan**
Hamed Ismail



60 **Syair: Puisi Berirama, Dendangan Beraneka**
Afi Hanafi



65 **Muzik Tradisional Melayu Di Singapura Sejak Tahun 2000**
Fadhli Ramlee



IDRIS MOHAMED ALI:

Belajar Sendiri Teknik Melukis

Pepatah 'hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih' merakam semangat Encik Idris Mohamed Ali yang cekal mendalami bidang lukisan secara sendiri.

Pelukis, yang sudah meraih pelbagai anugerah ini, dibesarkan di Kampong Wak Tanjong dan mula mencalit warna ke kertas sejak zaman kanak-kanak lagi. Pada ketika itu, beliau tidak mampu mengikuti latihan melukis secara formal dan bergantung kepada pembacaan dan usaha sendiri.

Ketika ditemui di balai seni Maya Gallery baru-baru ini, Encik Idris, 78 tahun, menceritakan tentang detik-detik permulaan beliau berjinak-jinak dalam bidang lukisan.

"Sejak usia 10 tahun, saya belajar sendiri cara melukis. Saya gemar membaca komik Marvel dan cuba meniru lukisan-lukisan adiwiranya. Saya tidak ikuti mana-mana sekolah seni secara formal.

Sekitar tahun 1957, saya menyertai satu kelas bimbingan lukisan di balai rakyat. Yurannya sebanyak 10 sen."

Pada peringkat awal, Encik Idris mencari bimbingan daripada pelukis-pelukis veteran seperti S. Mahdar, Mas Ali Sabran and S. Mohdir.

"Saya membeli buku-buku yang mengajar teknik melukis dengan menggunakan pensel dan arang. Saya akan tekuni pengajaran dan tips-tips di dalamnya dan saya akan berlatih melukis tanpa jemu."

Berkat kegigihannya mendalami bidang seni ini, Encik Idris telah menyertai pameran pertamanya pada usia 18 tahun. Pameran yang diadakan di Panggung Victoria pada tahun 1963 itu telah dianjurkan oleh Angkatan Pelukis Aneka Daya (APAD) dan Lembaga Tetap Kongres. Lukisan kampung yang beliau hasilkan diterima baik dan menjadi permulaan penyertaan beliau dalam pameran-pameran seni di serata tempat.

Setakat ini, Encik Idris sudah menyertai lebih 80 pameran di Singapura, Malaysia dan Indonesia. Pameran solonya yang pertama iaitu *Water Strokes of Idris* dianjurkan oleh APAD pada tahun 1999.

Dua lagi pameran solo, iaitu Singapura *Chantek: Five Decades of Painting Singapore* (2013) and Khazanah (2017) dikendalikan oleh Maya Gallery, sebuah balai seni yang diusahakan oleh pasangan suami isteri, Encik Jeffrey Wandly dan Cik Masturah Sha'ari.

Berbekalkan bakat melukis yang semula jadi, Encik Idris berkhidmat sebagai ilustrator dalam industri pengiklanan selama 20 tahun.

Encik Idris menggunakan cat air untuk melukis potret, bangunan-bangunan dan tempat-tempat ikonik serata Singapura. Beliau pernah diundang untuk melukis potret mantan Presiden Singapura, Encik Wee Kim Wee, dan isteri.

"Sekitar tahun 1970-an, saya terpaksa tinggalkan kampung dan saya berasa sedih mengenangkan rumah dan kehidupan di situ. Saya melukis rumah itu sebagai tanda kenangan. Sebagai pelukis, rakaman bangunan dan tempat-tempat tertentu adalah sumbangan kepada generasi akan datang. Kalau kita tidak rakam dari sekarang, generasi akan datang tidak tahu."

Kecekalan dan ketekunannya telah membuahkan hasil. Encik Idris telah merangkul pelbagai anugerah, termasuk Pingat APAD pada tahun 1974 dan Anugerah Cipta Mekar pada tahun 1990. Ilustrasinya banyak terakam dalam buku, termasuk *Birds Seen At The Istana, The Mango Tree* dan *Leluhur: Singapore's Kampong Gelam*.

Tahun lalu, Encik Idris dinobatkan sebagai penerima sulung Anugerah Hadiah Warisan oleh Yayasan Warisan Melayu (MHF).

Lukisannya berjudul 'Path To The Beach' yang dihasilkan pada tahun 2016 menghiasi Jurnal SEKATA 2022 sebagai tanda penghormatan kami kepada bakat dan jasa Encik Idris Mohamed Ali.



Path To The Beach (2016) lukisan Encik Idris Mohamed Ali


Odiés 2016

PENJAGA JUGA PERLU DIJAGA

Oleh Dr Haslina Hassan



"Saya nak bunuh dia, Dr Has!"

Begitulah luahan seorang penjaga apabila tahap kesabaran menjaga anaknya yang berkeperluan khas mencapai tahap maksimum. Dugaan menjaga anak-anak berkeperluan khas bertambah tertekan dengan kehadiran pandemik yang menyekat pergerakan manusia. Para penjaga atau *caregivers* juga perlu dipantau kesihatan emosional dan mental mereka.

Artikel ini disiapkan melalui satu sesi temu bual bersama Konsultan Kanan Pendidikan Khas, Dr Haslina Hassan.

Pandemik duga kesabaran penjaga

Keadaan pandemik memang mencabar, bukan sahaja untuk para ibu bapa atau orang tua yang menjaga anak-anak berkeperluan khas, tetapi juga pada para guru, pakar terapi dan pakar-pakar yang lain.

Kami dalam sektor penjagaan anak-anak berkeperluan khas melalui keadaan dalam ke sekolah atau ke pusat-pusat khas yang segala perkhidmatan jitu dari segi terapi perbualan, terapi pendidikan, o*ccupational therapy* dan bimbingan psikologi.

Kami diminta menjalankan segala intervensi secara dalam talian. Hal ini bukanlah sesuatu yang saya anggap susah, tetapi seperti mustahil langsung!

Namun, kami tidak berputus asa.

Melaui komunikasi dalam talian, kami bekerjasama dengan ibu bapa yang memerlukan berbagai-bagai persiapan. Kami juga harus peka terhadap respons atau tindak balas para pelajar kami kerana mereka tidak mudah menerima perubahan. Mereka tidak biasa dengan keadaan yang mana para guru tidak berada di hadapan mereka. Sebaliknya, kami berada di dalam peti canggih yang bernama komputer!

Ibu bapa juga amat penat dan memikul beban yang berat semasa pandemik ini. Mereka mempunyai tugas-tugas harian yang perlu dijalankan dan berdepan pula dengan situasi anak-anak ini sentiasa berada di rumah. Kelakuan mereka juga menduga kesabaran ibu bapa.

Pabila ibu bapa terlalu tertekan

Saya kongsi luahan beberapa orang ibu bapa kepada saya;

"Saya tahu hal ini melanggar undang-undang, tapi boleh tak awak datang dan ambil dia daripada saya?"

"Saya menghargai masa yang awak luangkan bersama anak saya. Dulu, saya ada masa untuk diri saya, boleh berehat atau berdua-duaan bersama bapanya. Tapi kini.... *It's hell*, macam neraka, Dr Has!"

"Saya hanya mahu lari daripada anak saya. Jika tidak, saya akan bantai dia sampai patah tulang dia, Dr Has! Awak faham tak?"

"Rumah sudahlah sempit, dengan abang-abang dan kakak dia nak kena buat HBL (pembelajaraan dari rumah). Dia pula terpekik-pekik nak main *puzzle* berkali-kali. Lepas tu, asyik tanya, mana Dr Has? Dia nak naik bas, nak jumpa Dr Has. Dia cuma nak Dr Has. Dia tak nak rumah ini."

"Dr Has, ada tak satu padang kita boleh letak semua kawan-kawan yang kurang pendengaran dengan dia sekali. Memekak kat rumah! Saya dengan nenek dan atok dia penat tau! Kita dah tak boleh tahan ni!"

Penjagaan anak-anak berkeperluan khas

Pastinya, anak-anak istimewa ini memerlukan penjagaan yang lebih khusus, lebih padat dan pantauan 24/7 daripada ibu bapa atau sesiapa saja yang menjadi penjaga mereka. Untuk kanak-kanak istimewa ini, ramai dalam kalangan mereka yang memerlukan bimbingan yang berterusan.

Mereka perlu diingatkan berkali-kali. Mereka perlukan bahan-bahan visual untuk membantu mereka memahami keadaan. Mereka tidak dapat membuat keputusan sendiri dan mereka perlu ditunjuk ajar berkali-kali tentang perbuatan yang boleh mereka lakukan atau yang perlu mereka hindari.

Kami juga harus peka terhadap emosi mereka. Tidak seperti kanak- kanak biasa yang lain yang boleh meluahkan perasaan seperti marah, lapar, tidak suka, sakit dan sebagainya melalui kata-kata, amat sukar bagi kanak-kanak istimewa ini untuk meluahkan perasaan mereka, menerangkan apa yang mereka lalui atau apa yang mereka mahu atau tidak mahu.

Mengenal pasti anak-anak istimewa

Mereka tidak dapat berfungsi seperti kanak-kanak lain yang seusia dengan mereka. Mereka berada di dalam dunia mereka sendiri. Mereka menyendiri dan tidak mahu bergaul.

Mereka melakukan perkara-perkara yang boleh membahayakan diri mereka, menyakiti diri mereka dan mereka tiada atau kurang menggunakan bahasa yang betul dan sesuai untuk komunikasi harian.

Mereka menepuk-nepuk tangan mereka berterusan dan mengeluarkan bunyi-bunyi yang tidak sesuai.

Perjalanan mendalami bidang ini

Minat dalam bidang pendidikan khas ini bermula semasa saya mengajar di sekolah awam. Saya mendapati bahawa ada anak-anak didik saya yang tidak dapat mencapai tahap pencapaian yang setara dengan rakan-rakan mereka yang lain.

Ada yang tidak tahu membaca, ada yang seperti di dalam dunia mereka sendiri dan ada yang secara keseluruhan, tidak dapat duduk diam semasa berada di dalam kelas.

Saya juga berasa lelah dengan sikap guru-guru yang kurang mengerti atau tidak mahu mengerti bahawa pendidikan khas ini wujud dan harus diberikan perhatian. Saya juga berdepan dengan para ibu bapa yang dalam keadaan *denial* atau tidak mahu menerima realiti dan ada yang tidak tahu langsung tentang isu pendidikan khas.

Saya yakin sebagai pendidik, pasti ada sesuatu yang boleh saya lakukan untuk anak-anak ini. Maka dari situlah, minat dan cinta akan bidang ini terus mekar.

Saya bermula sebagai seorang guru di sebuah sekolah aliran utama. Saya memiliki diploma dalam bidang pendidikan dari Institut Pendidikan Nasional (NIE), Universiti Teknologi Nanyang (NTU).

Kemudian saya melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah bagi bahasa Inggeris dan sastera Inggeris di UK Open University. Saya sentiasa dahagakan ilmu, lalu melangkah pula ke tahap seterusnya untuk menggenggam ijazah Sarjana Pendidikan dalam Special & Inclusive Education, dari Sheffield University di United Kingdom.

Semasa menantikan permohonan ijazah doktor falsafah (PhD), saya sempat mengambil Diploma Pascasiswazah dalam Counselling & Applied Psychology dari Australia College of Applied Psychology (ACAP). Selesai pencapaian ini, bermulalah perjalanan saya untuk mendapatkan PhD dari Universiti Missouri.

Saya juga mempunyai kelulusan dalam bidang pembangunan awal kanak-kanak berkeperluan khas dari usia awal hingga ke peringkat sekolah rendah. Sijil ini saya peroleh dari University of Minnesota.

Mengesan tanda-tanda tekanan dalam kalangan penjaga

Berikut ialah tanda-tanda yang sering dipamerkan oleh penjaga yang berada dalam keadaan tertekan;

1. Mereka sering berkata, "Saya penat".
2. Mereka kerap kurang sihat.
3. Mereka batalkan sesi-sesi intervensi yang ada untuk anak-anak mereka.
4. Mereka mula '*shopping*' untuk cari program-program lain walaupun mereka tahu program-program ini tidak sesuai untuk anak-anak mereka. Mereka berbuat begitu bukan kerana keperluaan anak-anak mereka, tetapi kerana semasa anak-anak mereka menghadiri program-program tersebut, mereka dapat berehat.
5. Mereka mencari salah silap guru atau para pakar terapi. Mereka sering menyalahkan para guru dengan mengatakan bahawa tiada kemajuan dalam perkembangan anak-anak mereka.
6. Pasangan ibu bapa bertelagah dan saling menyalahkan satu sama lain.
7. Pembantu rumah turut dipersalahkan.
8. Mereka mula menyalahkan baka keturunan pasangan kerana ada ahli keluarga yang berkeperluan khas, seperti Down's Syndrome, kurang upaya intelek dan sebagainya.

Cara tangani tekanan

Ibu bapa harus sentiasa berkomunikasi antara satu sama lain dan juga dengan para guru atau pakar terapi. Pastikan ada masa rehat untuk para penjaga. Mereka perlu tahu apabila mereka berehat, itu bukan satu kesalahan atau membuatkan mereka ibu bapa yang tidak baik. Mereka berehat supaya mereka dapat terus memberikan yang terbaik untuk anak-anak istimewa mereka.

Luangkan masa bersama kawan-kawan agar minda dapat keluar daripada segala kerisauan kerana memikirkan hal dan keadaan anak-anak mereka yang berkeperluan khas. Hadiri kursus-kursus tertentu agar dapat menambah pengetahuan tentang penjagaan anak-anak mereka.

Libatkan diri dalam kegiatan-kegiatan lain seperti berkebun, memasak, membuat kraf tangan dan sebagainya. Jika boleh, pergi bercuti.

Jika perlu, dapatkan bantuan kaunselor untuk meluahkan segala perasaan yang berkecamuk.

Menuju endemik

Keadaan kini lebih baik kerana terdapat lebih banyak ruang untuk anak-anak istimewa ini menghadiri sesi-sesi intervensi, kelas-kelas khusus dan mereka boleh mendapatkan segala sokongan yang diperlukan.

Ibu bapa juga dapat menghantar anak-anak mereka ke pusat-pusat keperluan istimewa semula seperti dulu sebelum pandemik. Segala aktiviti secara fizikal dapat juga dilakukan semula.

Tambahan itu, lebih banyak sesi intervensi dan kelas untuk kanak-kanak berkeperluan khas kini dapat ditawarkan kerana jumlahnya sudah tidak disekat dengan ketat lagi.

Dr Haslina Hassan

mempunyai 30 tahun pengalaman mendidik kanak-kanak di aliran utama dan kanak-kanak berkeperluan khas. Beliau bermula sebagai guru di sekolah rendah. Pengalamannya dalam bidang pendidikan kanak-kanak berkeperluan khas termasuklah menjadi guru pakar dan kemudian ketua pusat di Persatuan Disleksia Singapura (DAS). Beliau pernah menjadi ketua Program Intervensi Awal untuk sebuah sekolah swasta. Dr Haslina kemudian berkhidmat sebagai Kaunselor Kanan Sekolah dengan Kementerian Pendidikan (MOE). Dr Haslina turut menjadi pensyarah untuk modul-modul berkaitan pendidikan anak-anak berkeperluan khas. Ketika menjadi Kaunselor Kanan Sekolah, Dr Haslina menyumbang kepakarannya dalam membentuk program-program khusus untuk kanak-kanak dalam bidang kemahiran belajar, kemahiran menduduki peperiksaan dan program bacaan yang spesifik untuk para pelajar.



SUARA MASYARAKAT:

Cabaran Harungi Pandemik



Setiap kali keadaan semakin pulih, terbit varian atau wabak baharu yang berterusan membuat warga dunia berwaspada.

Para pekerja barisan hadapan dan mereka dalam sektor perkhidmatan penting sentiasa cekal menjalankan tugas demi kemaslahatan negara. Apabila orang lain boleh pilih untuk bekerja di rumah, mereka di barisan hadapan perlu melangkah keluar supaya perkhidmatan penting dapat terus dijalankan.

Sektor-sektor barisan hadapan termasuklah penjagaan kesihatan, pendidikan dan penjagaan kanak-kanak, pemerintahan, makanan dan barang-barang keperluan, keselamatan awam, pengangkutan dan perkhidmatan utiliti, komunikasi serta kewangan. Para pekerja ini mempunyai kadar interaksi bersemuka yang tinggi dan perlu berdepan dengan orang awam untuk menjalankan tugas.

Ruangan Suara Masyarakat mencungkil suara hati para pekerja barisan hadapan dan perkhidmatan penting yang cekal, tegar dan berani menjalankan tugas dalam keadaan yang genting dan mencabar.

Pilih Jadi Juru Uji Swab Demi Penakatan



Saya bertugas sebagai Pengarah Acara dan Pemasaran selama 11 tahun. Apabila sekatan pergerakan dan perjalanan berlaku semasa Covid-19 dan melumpuhkan industri acara, hal ini memaksa saya untuk mencari kerjaya alternatif. Saya melihat bilangan jangkitan yang meningkat semasa fasa awal virus ini dan saya terpanggil untuk menyumbang di barisan hadapan. Saya memberanikan diri untuk mempelajari kemahiran baharu dan ditugaskan sebagai juru uji swab atau *swabber* dalam bahagian operasi.

Pengalaman bekerja saya jauh berbeza dengan tugas baharu ini. Saya perlu melakukan prosedur perubatan ke atas seseorang buat pertama kali dalam hidup saya. Ada juga protokol-protokol tertentu yang wajib saya patuhi. Tambahan pula, saya bekerja dalam lingkungan yang terkawal. Saya perlu memastikan bahawa keselamatan pesakit dan juga kakitangan terjaga daripada kemungkinan dijangkiti virus Covid-19. Keperluan untuk saya mengenakan Peralatan Perlindungan Peribadi (PPE) begitu mencabar kerana tidak selesa dalam cuaca negara kita yang panas dan lembab ini.

Satu cabaran yang saya hadapi adalah kesukaran untuk saya berkomunikasi dengan pekerja-pekerja hijrahan. Ramai dalam kalangan mereka yang kurang fasih berbahasa Inggeris. Risalah dan infografik dalam pelbagai bahasa yang disediakan oleh Badan Penggalakan Kesihatan (HPB) amat membantu saya menjalankan tugas seharian.

Saya sering berinteraksi dengan pekerja-pekerja hijrahan. Apabila wabak Covid-19 melanda, mereka merupakan golongan yang diwajibkan untuk menjalani ujian swab setiap minggu. Saya tahu mereka berasa bimbang lantas saya mengambil peluang ini untuk berbual-bual dengan mereka. Ada yang berkongsi pelibatan mereka dalam projek-projek yang berbeza.

Saya sering bertanyakan sama ada mereka merindui kampung halaman. Saya terkesan apabila saya menerima jawapan seperti "*Which home, Sister*"? Ternyata ramai dalam kalangan mereka yang menganggap Singapura seperti negara mereka sendiri. Di sini tempat mereka mencari rezeki, di sinilah juga rumah mereka buat masa ini. Pekerja-pekerja hijrahan yang saya temui juga menunjukkan semangat positif dan mereka optimistik walaupun terpukul hebat oleh pandemik ini. Interaksi sebegini sedikit sebanyak membuatkan saya bermuhasabah diri – adakah saya cukup menghargai negara saya ini?

Peluang saya menjadi sebahagian daripada pasukan yang menyumbang di barisan hadapan, mencorak perspektif saya tentang kehidupan. Saya teringat ungkapan dalam bahasa Jepun yang berbunyi 'Nana korobi ya oki' yang bermaksud sekiranya kita jatuh tujuh kali, bangkitlah kita lapan kali. Walaupun kita perlu melalui masa-masa sukar, namun dengan semangat positif, kita boleh terus bangkit dalam kehidupan. Harapan saya adalah agar kita terus kekal positif sebagai masyarakat dan negara semasa kita menuju ke arah endemik.

- Cik Siti Nur'Aishah Mohammed Zakariah, 36 tahun, Penyelia Prosedural di Badan Penggalakan Kesihatan (HPB)

Pilu Uruskan Pengebumian Jenazah Covid-19



Saya bermula sebagai seorang tukang mandi mayat. Sekarang, saya mengendalikan semua panggilan dan operasi harian. Jika perlu, saya akan mandikan jenazah atau membantu dalam proses pengebumian.

Saya dan pasukan saya sudah berkecimpung dalam bidang ini selama lebih 15 tahun. Ada yang pernah melalui wabak SARS. Kami juga dilatih untuk mengendalikan kes HIV/AIDS, yang prosesnya hampir sama dengan jenazah Covid-19.

Pandemik ini sangat mencabar bagi kami. Terdapat banyak perubahan yang perlu kami tangani. Yang paling mencabar adalah apabila diletakkan had 10 orang sahaja untuk menguruskan pengebumian di tanah perkuburan. Ada keluarga yang sangat besar dan ini adalah kali terakhir mereka akan melihat jenazah orang yang tersayang, seperti ayah, ibu atau nenek. Semua anggota keluarga ingin ikut bersama sehingga jenazah selamat dikebumikan. Amat menyedihkan apabila melihat ahli keluarga harus memilih siapa yang dapat ikut dan siapa yang terpaksa tinggal di rumah sahaja.

Kami perlu menguruskan pengebumian jenazah Covid-19. Terdapat banyak risiko yang kami hadapi. Pada mulanya, tidak ramai yang sanggup mengendalikan jenazah Covid-19 kerana risiko jangkitan. Kita tanya diri sendiri, jika kita tidak melakukannya, siapa yang akan melakukannya? Memandangkan kami pernah menangani wabak SARS, kami lebih bersedia. Namun, keluarga kami tetap risau setiap kali kami keluar bekerja.

Apabila berdepan dengan jenazah Covid-19, perkara pertama yang saya lakukan adalah membahagikan pasukan saya kepada dua kumpulan. Memandangkan risiko jangkitan adalah tinggi, saya tidak boleh mengambil risiko menggunakan semua tenaga kerja saya untuk satu-satu kes yang sama. Kedua-dua imam dan pemandu saya tidak boleh melakukan kes Covid-19 yang sama.

Selepas proses itu, kedua-dua pasukan tidak dibenarkan bertemu antara satu sama lain selama tiga hari. Mereka juga perlu mengambil Ujian Pantas Antigen (ART) setiap hari.

Pasukan yang mengendalikan jenazah Covid-19 perlu memakai PPE penuh. Jenazah hanya dibenarkan tayamum. Tiada ahli keluarga dibenarkan masuk ke tempat kami bertayamum. Setelah tayamum dan kafan, kami akan memasukkan jenazah ke dalam keranda dan menutupnya. Tiada ahli keluarga dibenarkan membuka atau melihat tubuh jenazah selepas kami menutupnya.

Ada satu kes yang melibatkan seorang ayah yang meninggal dunia akibat Covid-19. Anak dan isterinya tidak dapat menghadiri pengebumiannya kerana mereka juga dijangkiti virus. Kami membuat panggilan video dan membenarkan mereka melihat bapa mereka buat kali terakhir.

Bayangkan keperitan yang mereka terpaksa lalui, melihat ayah mereka buat kali terakhir melalui panggilan video. Mereka tidak dapat menyentuh atau mencium ayah mereka buat kali terakhir. Kami sangat sedih pada ketika itu. Saya berjanji kepada keluarga arwah bahawa saya akan mengendalikan jenazah ayah mereka ini seolah-olah dia ialah bapa saya sendiri.

Saya harap dapat diadakan kursus-kursus pendek untuk orang ramai mempersiapkan diri sekiranya ada ahli keluarga mereka meninggal dunia akibat Covid-19 supaya mereka dapat membantu kami dalam proses pengebumian. Seperti vaksinasi, anda tidak tahu bila keperluan itu akan timbul. Jadi lebih baik untuk bersiap sedia.

– Encik Mohamed Ali Mohamed Hassan, 44 tahun, Pengurus Syarikat Persatuan Khairat Kematian Singapura

Saling Timbang Rasa Terhadap Tekanan Orang Lain



Pandemik ini telah menambah cabaran dan tekanan kepada para penghuni kami dan keluarga mereka. Ramai yang bergelut dengan emosi kerana sekatan pergerakan dan tidak ada akses kepada keluarga secara terbuka seperti dahulu. Isu-isu ini bukanlah baharu untuk penghuni kami, tetapi pandemik telah meruncingkan keadaan.

Tempoh pemutus litar menguji kecekalan kami semua. Para pekerja sosial dan pengurus kes harus bertugas untuk syif 12 jam. Kami menghabiskan 95 peratus masa di tempat kerja untuk bersama para penghuni rumah tumpangan demi memastikan mereka melakukan pembelajaran di rumah (HBL) dan menghadiri sesi zoom bersama pakar psikologi atau kaunselor.

Di samping itu, kami berusaha melakarkan cara-cara kreatif untuk mereka bertemu dengan ahli keluarga untuk memberi sokongan emosi. Hal ini dilakukan melalui sesi zoom bersama keluarga dan lawatan yang mematuhi jarak selamat.

Antara skop tugas saya adalah memenuhi keperluan emosi, sosial, terapi dan pendidikan, memantau kelakuan dan pembangunan para penghuni rumah tumpangan ini melalui rancangan-rancangan yang sesuai.

Sikap menghormati orang lain adalah sesuatu yang harus dipraktikkan saban hari. Namun, dalam keadaan yang tertekan ini, amatlah penting untuk kita semua saling bertimbang rasa dan memikirkan tahap tekanan yang dilalui oleh kedua-dua penghuni dan kakitangan.

Pandemik ini mendedahkan bahawa hubungan manusia saling terkait antara satu sama lain. Tindakan kita boleh menjejas keselamatan orang lain. Kita harus fikirkan tanggungjawab kita terhadap kehidupan orang lain dan bertindak dengan empati dan kasih sayang.

Pengajaran yang boleh diraih daripada pengalaman ini adalah setiap krisis memberi peluang kepada kita untuk melakukan perubahan yang positif. Hal ini memberi kami motivasi untuk memperkasakan para penghuni rumah tumpangan kami dan keluarga-keluarga mereka melalui program-program yang dapat memenuhi keperluan mereka secara lebih holistik.

– Cik Sarah Sulaiman, 28 tahun, Timbalan Ketua Pusat Wanita dan Gadis (PCWG) Persatuan Taman Pengajian Islam Singapura (Pertapis)

Takut Bawa Kuman Pulang



Tugas saya adalah untuk memberi konsultasi dan membuat sijil kematian. Perubahan utama yang berlaku dalam rutin kerja adalah menggunakan PPE semasa bekerja atau sedang melakukan swab ke atas pesakit. Protokol-protokol baharu Covid-19 juga perlu dilakukan, seperti memastikan jarak selamat dan kebersihan klinik.

Detik paling mencabar adalah setiap kali saya pulang ke rumah, saya takut saya akan membawa pulang kuman Covid-19

Sabar Melayan Ragam Pelanggan



Tugas saya adalah menghantar makanan atau barang pasar raya kepada pelanggan. Apabila pandemik melanda, lebih banyak pesanan yang telah diterima.

Saya harus menggunakan pelitup muka sepanjang hari tidak kira panas atau hujan kerana bekerja di luar dan berdepan dengan ramai orang.

Namun, disebabkan pandemik jugalah, kerja ini menjadi agak senang kerana kami hanya perlu menggantung makanan atau tempahan di pintu, ambil gambar, picit loceng pintu dan beredar. Tidak perlu tunggu orang membuka pintu.

Detik paling mencabar adalah saya harus melayan pelanggan-pelanggan yang berbagai-bagai ragam.

Ada pelanggan mesej dan kata dia dijangkiti Covid-19. Dah ada Covid, duduklah diam-diam di rumah, jangan buka pintu. Ini tidak! Apabila mereka lihat di aplikasi bahawa saya sudah hampir sampai ke rumahnya, dia akan keluar untuk buka pintu dan ambil makanan.

Ada pula yang layan penghantar makanan seperti saya macam virus Covid-19. Mereka akan tunggu di luar rumah, dan apabila saya mahu menghulurkan makanan, mereka suruh letak di luar sahaja. Sebelum beredar, mereka sudah mula sembur sanitiser di sekitar saya.

Ada juga pelanggan yang baru sahaja membuat tempahan dan harapkan makanan sampai dalam masa setengah jam. Selepas itu, mereka akan telefon atau mesej dan marah-marah. Apabila makanan sampai, mereka rampas makanan dan rentap pintu dengan kuat.

Namun, ramai pelanggan yang baik dan berikan tip.

Yang seramnya semasa pandemik ini, kami berjumpa dengan banyak orang. Bila-bila sahaja kami boleh dijangkiti. Kalau kami dijangkiti, keluarga kami yang akan merana. Jika badan saya terasa lain sikit, saya akan ambil ujian swab dahulu sebelum pulang ke rumah.

Saya harap pandemik ini mengajar manusia untuk menjadi lebih berperikemanusian.

- Cik Daliah Mohd Ishak, 33 tahun, Penghantar makanan dan barang pasar raya

dan menjangkiti keluarga saya. Apabila pesakit saya disahkan positif Covid-19, saya menginap di hotel untuk beberapa hari sebelum pulang ke rumah.

Ketika kes semakin meningkat, saya hanya boleh berserah. Ajal maut di tangan Tuhan. Semuanya sudah ditentukan. Oleh sebab saya telah memilih kerjaya ini, inilah bakti saya kepada nusa bangsa.

Pada Mac 2022, saya sekeluarga dijangkiti Covid-19. Namun, kami semua sudah pulih.

Wabak ini memberikan banyak pengajaran kepada kita semua. Ianya satu ujian yang besar. Sama ada kita keluar daripadanya dengan kemenangan atau kita kecundang bergantung kepada tindakan yang kita ambil.

- Dr Muhammad Iqbal Abdullah, 44 tahun, Doktor Keluarga di The ClinIQ

Antara Keselamatan Diri Dan Keselamatan Awam



Saya ingin memberi penghormatan kepada semua pekerja barisan hadapan kerana dapat mengharungi fasa yang sukar. Hal ini membuatkan kita lebih berpengalaman. Semoga kita semua dapat menjalankan tugas dengan sempurna walaupun berdepan dengan berbagai-bagai rintangan ketika pandemik melanda.

Skop pekerjaan saya adalah menjaga keselamatan awam, termasuklah tempat-tempat awam yang penting, seperti pusat-pusat membeli-belah, kedutaan dan tempat-tempat tarikan pelancong.

Ketika pandemik, kami terpaksa diasingkan kepada tiga kumpulan di tempat kerja. Semasa bekerja, semua pegawai polis harus memakai pelitup dan mengurangkan pergaulan dengan pegawai-pegawai yang lain untuk mengelak jangkitan Covid-19. Kami juga harus selalu menjaga jarak selamat antara satu sama lain dan harus patuh dengan arahan pengurusan.

Sejak pandemik juga, banyak pegawai polis yang dijangkiti wabak Covid-19 dan kemudian terpaksa dikuarantin. Mereka hanya boleh bekerja setelah negatif.

Saya akui memang sukar apabila kes semakin meningkat dan ramai pegawai polis yang terjejas dengan jangkitan Covid-19. Kami perlu sentiasa mengambil Ujian Pantas Antigen (ART) sebelum ke tempat kerja. Jika tidak sihat, kami harus memberitahu pihak pengurusan.

Saya harap menuju endemik kita akan dapat hidup seperti sediakala dan lebih berhati-hati setelah melalui pandemik selama lebih 2 tahun ini.

- Encik Niaz Mohamed Ghazali, Pegawai Polis di Komand Keselamatan Perlindungan (ProCom) Pasukan Polis Singapura (SPF)

Bantu Perniagaan Bapa Harungi Pandemik



Saya bertugas menguruskan kewangan dan pemasaran kedai daging Hj Abu Bakar Fresh & Frozen yang terletak di Pasar Geylang Serai.

Perubahan ketara yang berlaku semasa pandemik adalah pembelian yang bertambah melalui Facebook, Whatsapp dan sistem tempahan dalam talian.

Disebabkan pelanggan kami memilih penghantaran ke rumah, kami harus memikirkan cara terbaik untuk menyimpan bahan mentah seperti daging, ayam, ikan dan sebagainya sebelum dihantar ke rumah mereka.

Kami juga perlu mendapatkan khidmat penghantaran dengan harga yang berpatutan dan dalam masa yang singkat agar barang yang dihantar kekal segar semasa diterima pelanggan.

Detik mencabar adalah apabila kami tidak dapat khidmat penghantaran pada saat-saat akhir setelah menerima tempahan daripada pelanggan. Kami menggunakan kenderaan sendiri untuk menghantar tempahan.

Ada juga insiden yang mana tempahan yang dihantar oleh pihak penghantaran agak lewat menyebabkan barangan tersebut tidak begitu segar. Bagi kes sebegini, kami akan gantikan barangan tersebut.

Saya menceburi bidang perniagaan ini semenjak pandemik dengan niat untuk memberi sokongan kepada perniagaan bapa saya. Saya telah berada dalam bidang pendidikan selama 30 tahun. Mungkin atas dasar itu, saya terus cekal dan berusaha untuk memberikan yang terbaik. Disebabkan saya tidak ada latar perniagaan, saya mendapatkan bantuan daripada jurulatih perniagaan untuk membimbing saya.

Saya juga menjalinkan hubungan atau *networking* dengan kumpulan-kumpulan peniaga yang lain agar saya dapat mencedok pengalaman mereka dan memperkenalkan perniagaan kami.

Pengajaran yang dapat saya kongsikan adalah kita harus berani bertanya dan sentiasa berlapang dada untuk menerima nasihat atau tunjuk ajar daripada mereka yang lebih berpengalaman. Saya yakin dengan bimbingan daripada mereka yang lebih arif, kita dapat melangkah lebih jauh dalam memberi khidmat kepada masyarakat.

- Cik Hadijah Abu Bakar, 51 tahun, Pengurus Hj Abu Bakar Fresh & Frozen yang terletak di Pasar Geylang Serai



MUTIARA JATI DIRI WANITA ARIF BUDIMAN:

3 tokoh wanita dalam dunia pendidikan Bahasa Melayu di Singapura

Oleh Dr Roszalina Rawi

Semasa memilih topik bagi makalah ini, saya menimbangkan beberapa tajuk. Antaranya bidang pengkhususan saya iaitu penilaian, kemudian saya fikirkan tentang pendidikan guru-guru Bahasa Melayu. Saya juga mengenang semula perjalanan akademik yang saya lalui dan kajian-kajian lampau yang pernah saya lakukan tetapi tidak sempat terbitkan. Saya teringat topik kajian peringkat Sarjana saya iaitu "Konsep wira di kalangan kanak-kanak Melayu". Antara dapatan saya dalam kertas kerja itu adalah kurangnya tokoh-tokoh wanita yang dinobat mahupun dikenali sebagai wira dalam kalangan masyarakat Melayu Singapura.

Profesor Madya Dr Kamsiah Abdullah, Profesor Madya Dr Hadijah Rahmat dan Dr Sa'eda Buang merupakan para pendidik yang telah banyak berkhidmat kepada pembangunan guru-guru Bahasa Melayu di Singapura. Dalam esei ini, saya mengetengahkan tiga tokoh wanita ini, bukan sahaja dari sudut profil pencapaian mereka (saya percaya senarai pencapaian ketiga-tiga wanita ini diketahui ramai dan juga mudah dicari dalam talian!), tetapi yang lebih penting, saya memfokuskan penulisan ini kepada gagasan idea berkenaan konsep **jati diri** yang dikemukakan oleh ketiga-tiga tokoh wanita ini di dalam salah satu naskhah tulisan mereka. Kemudian, konsep-konsep itu saya sintesiskan dalam satu rangka teori yang dinamakan "Teori Mutiara Jati diri Wanita Arif Budiman" bagi meraikan keunggulan intelektualisme dalam ketiga-tiga tokoh wanita ini.

Profesor Madya Dr Kamsiah Abdullah:
Perintis pendidikan guru-guru Bahasa Melayu di Singapura



> **Wanita Melayu Singapura mempunyai jati diri yang unggul dan tidak mudah rapuh.**
>
> **- Jati diri Wanita Melayu Singapura (Kamsiah, 1995)**

Seawal 30 tahun dahulu, dalam *Seminar Antarabangsa Minda Melayu 1995: 'Menilai diri mencapai wawasan'* di Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, profesor wanita Melayu pertama di Singapura, Dr Kamsiah Abdullah telah berhujah tentang ciri-ciri yang membentuk jati diri wanita Melayu Singapura. Beliau membentangkan faktor-faktor dalam tiga domain utama yang membangunkan jati diri kumpulan tersebut. Tiga domain yang beliau ketengahkan adalah pertama; domain peribadi, kedua; domain rumahtangga dan keluarga dan akhirnya domain negara. Menurut beliau, dalam domain peribadi, jati diri wanita Melayu Singapura dipengaruhi oleh agama, pendidikan dan penguasaan kedua-dua Bahasa Inggeris dan Melayu dalam diri mereka (Kamsiah, 1995).

Penekanan yang beliau berikan kepada peri pentingnya pendidikan bagi wanita sejajar dengan pencapaian beliau sebagai guru Melayu Singapura pertama dalam sejarah yang menerima gelaran PhD dari Department of International and Comparative Education, Institute of Education, University of London pada tahun 1994. Tesis PhD beliau bertajuk: "The Critical Reading and Thinking Abilities of Malay Secondary School Pupils in Singapore." (Kamsiah, 1994) Pencapaian Dr Kamsiah merupakan satu titik bersejarah bukan sahaja bagi guru-guru secara umum, tetapi bagi wanita Melayu khususnya.

Beliau menerajui idea dan imej wanita Melayu yang berani mengorak langkah. Keberanian dan kegigihan Dr Kamsiah untuk menaik taraf pendidikan para guru Melayu terbukti dengan usaha beliau berjuang untuk meyakinkan pihak NIE membuka Program Sarjana Muda Sastera (dengan Kepujian) dalam Pengkhususan Bahasa Melayu di NIE pada tahun 2001 (Hadijah Rahmat & Majlis Bahasa Melayu Singapura, 2015). Ketika itu beliau merupakan Ketua Jabatan Bahasa dan Kebudayaan Melayu di NIE.

Dalam membincangkan jati diri wanita Melayu Singapura, Dr Kamsiah turut menghuraikan secara statistik, purata corak pimpinan rumah tangga dalam kalangan masyarakat Melayu dan eratnya hubungan di antara isu-isu kaum wanita dengan isu-isu nasional (Kamsiah, 1995). Visi yang beliau utarakan berdekad dahulu, ternyata relevan sehingga sekarang. Sumbangan wanita kepada pembangunan negara Singapura tidak dapat dinafikan.

Dalam masyarakat moden Singapura, seorang wanita memainkan pelbagai peranan. Pendidikan memberi peluang kepada wanita daripada semua lapisan masyarakat dan memartabatkan kewanitaan. Sejak 1990, peratusan wanita yang memainkan peranan sebagai ketua rumah tangga telah melonjak daripada 16.7% (tahun 1990) kepada 28% (tahun 2019). Kadar literasi dalam kalangan wanita juga kian bertambah daripada 88.6% (tahun 2000) kepada 96.1% (tahun 2019).

Pendidikan untuk wanita adalah kunci kepada peningkatan kesihatan keluarga dan status sosio-ekonomi masyarakat. Menurut Majlis Pertubuhan Wanita Singapura (SCWO), semua wanita harus diiktiraf sama rata atas sumbangan mereka kepada masyarakat dan dihormati serta dilayan sama rata (Singapore Council of Women's Organisations, 2021). Ternyata, seperti yang awal lagi telah ditimbulkan oleh Dr Kamsiah, wanita mempunyai peranan penting dalam keluarga, masyarakat dan negara.

[1] Jabatan Perangkaan Singapura mentakrifkan ketua rumahtangga sebagai orang yang secara amnya diakui sedemikian oleh ahli seisi rumah yang lain. Mereka lazimnya ialah ahli yang paling tua, orang yang berpendapatan utama, pemilik rumah atau orang yang menguruskan hal ehwal rumah tangga. Jika isi rumah terdiri daripada sekumpulan orang yang tidak berkaitan antara satu sama lain, ketua rumahtangga merujuk kepada orang yang menguruskan hal ehwal isi rumah, atau mana-mana orang yang membekalkan maklumat yang berkaitan dengan ahli lain.

Profesor Madya Dr Hadijah Rahmat:
Peneraju pemikiran intelektual Melayu berlandaskan budi

> Kitalah yang perlu menentukan arah, jati diri dan masa depan kita sendiri. Tanpa perubahan dan penguasaan falsafah baru dan ilmu serta kemahiran yang perlu, yang cukup maju, sukar untuk membaiki kelemahan bangsa, menukar imej bangsa yang negatif, apatah lagi untuk mencapai cita dan citra unggul bangsa di mata dunia.



- Melayu Arif Budiman: Jejak perjalanan sejarah mencari jati diri dan menerokai visi kebudayaan Melayu di tengah alam jagatraya (Hadijah, 2021)

Pembentukan konsep Arif Budiman yang diketengahkan pada tahun 2005 oleh Kementerian Pendidikan Singapura sebagai visi pendidikan Bahasa Melayu di sekolah-sekolah merata Singapura, dibangunkan oleh jawatankuasa yang diketuai oleh Dr Hadijah (Hadijah, 2021). Beliau telah menerajui penggalian sejarah dan warisan ilmu, pemikiran dan tamadun Melayu sehinggalah terbina rangka teori insan Arif Budiman. Jati diri seorang manusia yang Arif Budiman dibentuk oleh kearifan menyeluruh yang merangkumi kearifan indera dalaman dan luaran.

Dr Hadijah mentakrifkan kearifan luaran dalam berbahasa dari segi 'budi bahasa', sementara dari segi kelakuan, yang diharapkan adalah insan yang mempunyai 'budi pekerti' atau tingkah laku yang baik terhadap masyarakat sekelilingya. Kearifan indera dalaman pula dimanifestasikan dari segi minda (akal budi), emosi (hati budi), kerohanian (hati nurani budi) dan sistem pertimbangan moral (budi bicara) seseorang (Hadijah, 2021).

Sumbangan Dr Hadijah kepada peningkatan kualiti pendidikan Bahasa Melayu melalui pembentukan visi Arif Budiman ternyata amat besar sekali. Visi ini digunakan secara meluas bukan sahaja dalam kurikulum Bahasa Melayu sejak 2005 tetapi juga dalam mengiktiraf sumbangan guru Bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah melalui Anugerah Guru Arif Budiman (AGAB) yang diperkenalkan pada tahun 2007 (Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu, 2021).

Semangat yang dipaparkan oleh Dr Hadijah untuk menentukan jati diri guru-guru Bahasa Melayu dengan penguasaan falsafah yang baru, sesuatu yang setimbal dengan perwatakannya sebagai seorang pemimpin wanita yang terkedepan. Beliau merupakan sasterawan wanita pertama yang memenangi Anugerah Tun Seri Lanang (2011) sejak 1993 (Nurul Dayana, 2011). Beliau juga kini memegang jawatan sebagai Ketua Kumpulan Akademik Bahasa dan Budaya Asia di NIE/NTU yang mana beliau menguruskan para akademik daripada tiga bahasa yang berbeza, yakni Bahasa Cina, Melayu dan Tamil.

Kesedaran tentang peri pentingya berbakti kepada negara yang berbilang bangsa dibangunkan sejak awal lagi ketika beliau seorang pelajar Maktab Rendah Kebangsaan (NJC) pada tahun 1975 (Ummu Rabbisyfina, 2019). Di NJC juga, Dr Hadijah menanam cita-citanya untuk mencapai pendidikan yang tertinggi yang berjaya beliau kecapi melalui ijazah PhD dari Universiti London pada 1996 untuk tesisnya bertajuk "In search of Modernity - A study of the concepts of literature, authorship and notions of self in "traditional" Malay Literature" (Hadijah, 1996). Ternyata bagi Dr Hadijah, pemahaman tentang jati diri seorang Melayu boleh dirungkai melalui kajian karya-karya sastera warisan.

Dr Sa'eda Buang:
Guru sejati, pejuang kemanusiaan

> Aku yakin kita adalah sebahagian kecil yang dianugerahkan Allah dengan nikmat kelebihan intelek. Pastilah nikmat dan anugerah tadi harus digunakan dengan sebaik-baiknya demi kebajikan masyarakat. Bagiku, menyimpan nikmat akal tadi hanya untuk ketenangan sendiri sedangkan masyarakat tidak tenteram, adalah satu sifat mementingkan diri sendiri.



- Watak Rosnah dalam "Ke Puncak Pun Tidak" oleh (Sa'eda, 2012)

Dalam cerpen "Ke Puncak Pun Tidak," Dr Sa'eda Buang membidas golongan elit yang mengabaikan tanggungjawab mereka kepada masyarakat melalui watak-watak utamanya, Rafeah dan Rosnah. Cerpen yang memenangi Hadiah Cerpen (2005) Anugerah Persuratan oleh Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS) itu jelas menganjurkan wacana humanisme (Said Mahadi, 2017).

Dr Sa'eda menekankan pentingnya potensi dan agensi individu dan sosial manusia dalam pembangunan **jati diri** seseorang. Watak Rosnah mencontohkan jelas falsafah humanisme. Beliau seorang wanita yang mempunyai pengaruh yang tenang namun kuat dan sentiasa menggalakkan temannya Rafeah ke arah kelakuan yang betul atas dasar kemanusiaan semata-mata.

Konflik antara dua watak ini, yang secara dasar mungkin nampak sebagai sekadar konflik antara dua teman yang mempunyai pegangan yang berbeza tentang apa yang harus dijadikan prioriti dalam kehidupan, sebenarnya merupakan satu cerminan mendalam isu-isu eksistensialisme yang mencabar jati diri wanita moden merentas fasa-fasa kehidupan yang berbeza.

Fokus yang diberikan terhadap isu tanggungjawab wanita kepada "unit keluarga yang lebih besar, yakni masyarakat" merupakan soalan pangsi *(pivotal question)* yang begitu relevan kepada wanita hari ini. Watak Rosnah menegaskan bahawa seorang wanita itu tidak seharusnya tertumpu hanya kepada tanggungjawab domestik, dan beliau memujuk temannya Rafeah agar terus menyumbang kepada masyarakat (Sa'eda, 2012).

Sifat prihatin kepada isu-isu masyarakat jelas kelihatan dalam diri Dr Sa'eda sebagai seorang penulis. Beliau sering mengetengahkan nilai-nilai kemanusiaan dalam karya-karyanya dan menyeru pembaca untuk bersifat kritis dan menggunakan akal dalam pemilihan nilai-nilai tradisi (Said Mahadi, 2017). Penulisan beliau juga memberi tekanan kepada pentingnya pembinaan kepimpinan masyarakat yang beretika, mempunyai belas kasihan dan turut sama mengambil bahagian dalam pembangunan negara secara kolektif.

Sebagai Pensyarah Kanan dalam kumpulan akademik Bahasa dan Budaya Asia, NIE, Dr Sa'eda merupakan seorang pendidik yang sentiasa menggalakkan dan menghidupkan semangat kebajikan dan kesetiaan dalam perlaksanaan amanah sebagai guru dalam diri para pelajarnya. Anugerah *NIE Excellence in Teaching Commendation Award, NIE/NTU* yang diterima beliau sebanyak 5 kali sejauh ini (antara 2006-2018) adalah gambaran hemah dan ketinggian budi beliau sebagai seorang guru yang sejati dan dikasihi ramai.

Dr Sa'eda Buang meraih PhD beliau daripada Universiti Teknologi Nanyang dan tajuk kajian beliau: *"The evolution of madrasah school system in Singapore: with special emphasis on its curriculum development"* (Sa'eda, 2009) diselia oleh Profesor Madya Dr Kamsiah Abdullah.



Membina Rangka Teori Mutiara Jati Diri Wanita Arif Budiman

Berdasarkan konsep-konsep jati diri yang dikemukakan oleh ketiga-tiga tokoh wanita ini, saya lakarkan satu rangka teori (Lihat Rajah 1) yang meraikan keunggulan intelektualisme dalam diri mereka dan sekali gus boleh digunakan untuk menilai. Pemilihan sebutir mutiara sebagai tunjang rangka Teori Mutiara Jati diri Wanita Arif Budiman ini berdasarkan fahaman yang diterima luas bahawa mutiara adalah simbol kewanitaan dan menawarkan perlindungan serta ketenangan.

Dalam Rajah 1, bahagian kaki cengkerang terbentuk oleh nilai-nilai teras peribadi dalaman yang membentuk jati diri seorang wanita yang arif budiman, iaitu seorang yang memiliki kearifan indera dalaman dalam domain-domain peribadinya. Mutiara jati diri wanita yang arif budiman terbentuk apabila wanita itu:

- berakal budi dalam pendidikan (beradab dan merendah diri walau berilmu)
- berhati nurani dalam agama (berilmu agama tetapi tidak berkeras ke atas orang lain, malah meyakinkan dengan mengamalkan akhlak yang mulia dalam ruang peribadinya)
- berbudi bicara dalam berbahasa (cermat dan halus dalam pemilihan kata-kata)



Rajah 1: Rangka Teori Mutiara Jati Diri Wanita Arif Budiman

- berhati budi dengan keluarganya (mengamalkan tatahidup keluarga yang murni, penuh belas kasihan dan berkasih sayang)

Bahagian induk mutiara, yang ternampak jelas apabila cengkerang dibuka, terdiri daripada kearifan luaran dan kelakuan seorang wanita dalam domain-domain masyarakat dan negara. Wanita yang arif budiman:

- berbudi bahasa kepada masyarakat sekelilingya (memuliakan orang lain dalam tutur katanya,sopan dalam pergaulan dan perkongsian pemikirannya)
- berbudi pekerti kepada masyarakat dan negara (berperikemanusiaan dan melakukan kebajikan serta mengajak kepada kebaikan secara kolektif)

Ketiga-tiga tokoh wanita dalam esei ini, Profesor Madya Dr Kamsiah Abdullah, Profesor Madya Dr Hadijah Rahmat dan Dr Sa'eda Buang merupakan wanita-wanita mutiara yang harus dipandang tinggi dan diraikan. Semoga segala sumbangan mereka kepada keluarga, masyarakat dan negara menjadi perangsang kepada kita semua dan mereka sentiasa terpelihara "seperti mutiara yang tersimpan dengan sebaik-baiknya." (Al-Waaqi'ah 56:23).

Rujukan

Hadijah, R. (1996). *In Search of Modernity - A Study of the concepts of literature, authorship and notions of self in "traditional" Malay Literature.* School of Oriental and African Studies, University of London.

Hadijah, R. (2021). MELAYU ARIF BUDIMAN – Jejak perjalanan sejarah mencari jati diri dan menerokai visi kebudayaan Melayu di tengah alam jagatraya. WarisanSG, 54.

Hadijah Rahmat & Majlis Bahasa Melayu Singapura. (2015). *Yang terukir: Bahasa dan persuratan Melayu: sempena 50 tahun kemerdekaan Singapura. https://www.mbms.sg/en/-/media/mlc/documents/yang-terukir-ebook-master---23-nov-2015.pdf*

Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu. (2021). *Anugerah Guru Arif Budiman 2021* (p. 74). *https://mllpc.sg/assets/upload/publications/pdf/1636711311_AGAB%202021_Ebooklet_for%20download.pdf*

Kamsiah, A. (1994). *The Critical Reading and Thinking Abilities of Malay Secondary School Pupils in Singapore.* Institute of Education, University of London.

Kamsiah, A. (1995). Jati diri wanita Melayu Singapura. *Menilai diri mencapai wawasan*, 17.

Nurul Dayana. (2011, July). *Anugerah tertinggi sastera untuk Dr Hadijah. https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/issue/eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/issue/beritaharian20110731-1*

Sa'eda, B. (2009). *The evolution of madrasah school system in Singapore: With special emphasis on its curriculum development* [Thesis]. *https://repository.nie.edu.sg/handle/10497/2120*

Sa'eda, B. (2012). Ke Puncak Pun Tidak. In Z. Rahimidin & A. Kartini, *Melangkaui jambatan kedua: Cerpen terpilih dari Malaysia & Singapura.* Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.

Said Mahadi, B. S. I. (2017, October 30). *Critical Introduction: The Creative Works of Sa'eda Buang. http://www.poetry.sg/saeda-buang-intro*

Singapore Council of Women's Organisations. (2021). *SCWO proposes to name public spaces after Singapore women to honour their contributions in its report following the Conversations on Singapore Women's Development* (p. 3). SCWO. *https://www.scwo.org.sg/wp-content/uploads/2021/09/18SepMedia-Release-SCWO-Releases-Report-following-the-Conversations-on-Singapore-Womens-Development.pdf*

Ummu Rabbisyfina, A. H. (2019, May 17). *Jubli Emas NJC: Dr Hadijah kongsi pengalaman manis 44 tahun lalu.* Berita Mediacorp. *https://berita.mediacorp.sg/singapura/jubli-emas-njc-dr-hadijah-kongsi-pengalaman-manis-44-tahun-lalu-175931.*



Dr Roszalina Rawi

merupakan seorang Pensyarah di Institut Pendidikan Nasional, Universiti Teknologi Nanyang, Singapura dalam Kumpulan Akademik Bahasa dan Budaya Asia. Beliau penerima anugerah NTU Overseas Graduate Scholarship (OGS) pada tahun 2013 dan meraih ijazah PhD daripada Universiti Cambridge, UK. Penyelidikannya tertumpu kepada masyarakat Melayu di Singapura dan isu-isu pendidikan di dalam kelas bahasa ibunda. Beliau telah menerbitkan makalah-makalah tentang penilaian untuk pembelajaran dan perencanaan bahasa. Ketika ini beliau sedang mendalami minatnya dalam penyelidikan mengenai isu penilaian di dalam pengajaran serta isu-isu masyarakat khususnya remaja transgender dan kumpulan-kumpulan yang terpinggir di dalam masyarakat Melayu.

Penerbitan terbarunya ialah "Mediating Culture and Identity for Malay and Indian Transgender Youth in Asia" dalam R. Wills, M. de Souza, J. Mata-McMahon, M. Abu Bakar, & C. Roux (Eds.), The Bloomsbury Handbook of Culture and Identity from Early Childhood to Early Adulthood: Perceptions and Implications, Bloomsbury Publishing oleh Roszalina Rawi dan Hema Letchamanan (2021). Dr Roszalina juga merupakan konsultan bagi Institut Pendidikan Awal Kanak-kanak (NIEC), konsultan MUIS bagi semakan kurikulum penilaian untuk pendidikan madrasah dan juga penasihat bagi Bahas 4PM.





PAKAIAN PEMIMPIN DALAM KEPIMPINAN BUGIS MELALUI TEKS *TUHFAT AL-NAFIS*

Oleh Farizan Md Amin


Pendahuluan

Naskhah *Tuhfat al-Nafis* merupakan sebuah karya sastera sejarah karangan Raja Ali Haji, Riau pada 1885. Naskhah ini menceritakan susur galur masyarakat Bugis di mana kecenderungan penulis menggambarkan tentang kehandalan pahlawan-pahlawan Bugis yang hebat dalam medan peperangan sehingga memegang jawatan tinggi dalam tampuk pemerintahan kerajaan Melayu-Johor. Perjanjian Sumpah Setia Melayu-Bugis merupakan suatu lakaran sejarah yang tidak dibincangkan secara meluas jika dibandingkan dengan konsep waad yang terkandung di dalam naskhah agung, *Sulalatus Salatin*. Perjanjian tersebut menggambarkan kemunculan tampuk kepimpinan Bugis di Johor-Riau. Karya *Tuhfat al-Nafis* juga disifatkan sebagai "Hadiah yang Bernilai" *(The Precious Gift)* oleh Matheson & Andaya (1982) kepada dunia Melayu.

Peristiwa-peristiwa peperangan, pemerintahan yang adil dan zalim, dan perpecahan golongan istana digambarkan juga melalui catatan-catatan dalam teks tersebut. Pendekatan kepimpinan Melayu dibincangkan secara teliti dalam bentuk ungkapan melalui buku Tenas Effendy (2000), iaitu *Pemimpin dalam Ungkapan Melayu*. Beliau menjelaskan bahawa terdapat 194 jenis pemimpin dalam pengamatan beliau. Maksudnya, jenis perilaku atau tindak-tanduknya dalam memimpin dan bukan mengikut bidang kepimpinannya. Beliau menambah, dalam tradisi Melayu, perumpamaan atau kiasan atau lambang-lambang seringkali digunakan untuk menyatakan sesuatu secara tersirat yang memerlukan kecermatan untuk memahaminya. Orang tua-tua mengatakan, "banyak pemimpin, banyak pula ragam jenisnya".

Kepentingan Kajian

Kajian mengenai konsep kepimpinan Melayu merupakan sebuah kajian yang memperlihatkan kepentingan gaya tadbir pemimpin sesebuah kuasa. Melayu dan Bugis yang muncul sebagai sebuah empayar yang terkenal dan tiada tandingannya pada abad ke-15 Masihi bagi Kesultanan Melayu Melaka dan abad ke-18 Masihi bagi kerajaan Johor-Riau-Lingga.



Naskhah *Tuhfat al-Nafis*

Hasan Junus (1988:109) menyifatkan teks *Tuhfat al-Nafis* sebagai sebuah naskhah sejarah berisikan rentetan peristiwa yang mencakup lingkaran luas kawasan daerah Melayu sepanjang pesisir timur Pulau Sumatera, Tanah Semenanjung sehingga ke Pulau Kalimantan di sebelah barat (ada yang menjelaskan sehingga ke kepulauan Sulu dan Sulawesi) dipusatkan pada kawasan Kepulauan Riau selama abad ke-18 dan abad ke-19. Teks *Tuhfat al-Nafis* juga merupakan paparan untuk pembaca dengan menerangkan tentang contoh-contoh raja yang layak dan yang tidak layak memerintah di negeri-negeri yang penduduknya beragama Islam dan yang adat serta hukumnya adalah Islam.

Beliau menukil kata-kata Raja Ali Haji kepada Temenggong Abu Bakar, iaitu "Maka hendaklah membaca sejarah dan siarah karangan aku dari awal hingga akhirnya dan perhatikan baik-baik". Begitulah nasihat Raja Ali Haji yang diberikannya pada bulan April 1868 melalui dua orang utusan, saudara sepupu Temenggong itu dan Datuk Bentara Johor. Maka, tidak syak lagi bahawa teks *Tuhfat al-Nafis* merupakan sebuah karya atau hadiah yang berharga untuk diteladani oleh masyarakat akan datang. Hakikat ini tidak dapat disangkal oleh para sarjana tentang status teks *Tuhfat al-Nafis* sebagai "hadiah yang berharga" atau the *precious gift*.

Noorduyn (1988:63-92) menerusi perbincangan beliau yang bertajuk *The Bugis Genealogy of the Raja Muda Family of Riau-Johor* mengatakan bahawa teks *Tuhfat al-Nafis* merupakan karya yang sangat terkenal dan mencatatkan sejarah Kesultanan Johor dan juga mencatatkan sejarah jurai keturunan penulis, iaitu Raja Haji Ahmad yang mencetus laluan untuk penulisan kepada anakanda beliau, Raja Ali Haji untuk meneruskannya. Mereka merupakan jurai keturunan Bugis yang menjadi raja-raja muda. Dalam teks *Tuhfat al-Nafis*, Sitti Mallangke, merupakan jurai keturunan daripada Sulaiman dan Balqis menurut versi Pontianak yang dijelaskan oleh Ahmad al-Patani sementara Datu Palinge merupakan putera pasangan tersebut. Sejak awal lagi, Islam sudah memasuki rumpun ini. Menurut Noorduyn, *"... the authors of the Tuhfat al-Nafis mention no supernatural deeds of the early kings and perhaps in an attempt to rationalise the story, confine themselves to noting that Sawerigading was a man who travelled widely... The authors of the Tuhfat al-Nafis also give evidence of a similar rational attitude towards the story of Queen Balqis being the ancestor of their line of descent."*

Peranan dan Sikap Pemimpin dalam teks *Tuhfat al-Nafis*

Norain Ismail (2012) melihat aspek pensejarahan atau historiografi Johor yang mewakili masyarakat Bugis. Beliau meneliti punca peperangan, motif peperangan dan individu atau peserta yang terlibat dalam sesebuah peperangan serta yang disertai oleh orang Melayu dan Bugis khasnya dalam teks *Tuhfat al-Nafis*. Di samping itu, beliau mengkaji bentuk strategi yang dirancang dan diaplikasikan dalam pertempuran. Hasil kajian beliau berdasarkan teks *Tuhfat al-Nafis* bahawa peperangan yang nyata wujud dalam teks tersebut telah banyak mempengaruhi kehidupan orang Melayu dan Bugis pada ketika itu.

Beliau menambah bahawa peranan dan sikap negatif yang dimainkan oleh para pemerintah juga turut mengundang berlakunya sesebuah pertempuran. Pada

masa yang sama, kuasa-kuasa luar secara tidak langsung akan bertindak dengan mengambil peluang yang ada untuk memecahbelahkan sesebuah negara dan kaum. Teks tersebut juga mengangkat kehebatan dan kekuasaan orang Bugis sebagai orang yang sangat agresif dalam mempertahankan kedudukannya.

Dengan campur tangan kuasa-kuasa barat dalam kerajaan Johor-Riau menerusi perdagangan, berlakunya sikap ketidakadilan, tamak dalam memperolehi harta, pembahagian harta yang tidak seimbang, dan tidak jujur dalam perniagaan telah menyebabkan hubungan baik yang terjalin menjadi permusuhan.

Sikap anakronistik timbul tatkala berhubung dengan kejatuhan Melaka. Antara sebab-sebab utamanya ialah orang asing yang menyogok pegawai kerajaan Melaka, dan tidak ada persiapan untuk perang. Mereka cukup 'terjamin' dengan hanya membawa hikayat, mereka bakal mendapat kesaktian daripadanya. Timbul ketidakfahaman akan kewujudan sistem kepimpinan serta nilai-nilai yang ada di dalam sistem kepimpinan untuk dimajukan dengan nilai-nilai Islam. Terlalu banyak sikap syak wasangka, hasad dengki dan pengkhianatan yang berlaku dalam kalangan pemimpin di alam Melayu.Akibatnya, pengaruh barat mendalangi kekayaan sumber asli di alam Melayu secara fizikal dan mental.

Pemimpin dalam Ungkapan Melayu

Yang diberikan kepercayaan
Yang diberikan kekuasaan
Yang diberikan beban berat
Yang diberikan tanggungjawab
Yang diikat janji dan sumpah
Yang disimpai petua amanah.

Menurut Tenas Effendy (2000:2), seseorang pemimpin telah diberikan kepercayaan dan kekuasaan bagi menjalankan tugas berat dan memegang amanah. Hal ini adalah untuk mensejahterakan umatnya. Maka, pemimpin diminta untuk berjanji dan bersumpah setia supaya tidak berkelakuan sewenang-wenangnya. Wajib bagi seorang pemimpin memiliki 'pakaian', yakni 'pakaian batin' yang disebut sebagai sifat dan keperibadian terpuji yang sentiasa melekat dalam dirinya.

Memakai syarak lahir dan batin
Imannya tebal adat pun kental
Takwanya nampak ilmu pun banyak
Berdada lapang berfikiran panjang
Bermuka jernih berlidah fasih
...

Adil menjadi hakim
Bijak dalam bertindak
Cermat dalam melihat
Teliti dalam berjanji
Amanah dalam bersumpah.
...

Tahu membela segala rakyatnya
Tahu menjaga kampung halamannya.
...

Membela rakyat tahan dikerat
Membela bangsa tahan binasa
Membela negeri tahan mati.

Seperti yang dirungkaikan melalui ungkapan di atas, seorang pemimpin perlulah mempertahankan keimanan, memiliki minda terbuka, kebijaksanaan, serba tahu, membela yang hak dan yang paling penting adalah memperjuangkan keadilan. Tenas Effendy telah menjelaskan 194 jenis pemimpin di dalam bukunya.

Kepimpinan Bugis dalam teks *Tuhfat al-Nafis*

> **Hai Raja Bugis, jikalau sungguh hamba berani, tutuplah kemaluan beta semua ini, maka relalah beta menjadi hamba raja bugis: jika hendak disuruh jadi penanak nasi raja sekalipun rela beta.**
>
> (Tuhfat al-Nafis, 2002:45)

Latar belakang peristiwa tersebut ialah peperangan Johor antara Sultan Abdul Jalil dan Raja Kecil. Angkara berahikan wanita yang cantik, Raja Kecil sanggup untuk mengahwini Tengku Kamariah adik kepada Tengku Tengah, tunangnya. Klimaks kepada konflik golongan istana tersebut adalah apabila Raja Kecil menghina dan mengaibkan baginda Sultan Abdul Jalil sehingga mengakibatkan Raja Sulaiman menjadi marah dan berang akan kehinaan yang perlu ditanggung mereka. Termasuk halnya memperlekehkan keadaan Tengku Tengah yang ditingalkan oleh Raja Kecil. Maka, Upu-upu Bugis telah dijemput untuk menyelamatkan keadaan mereka. Tengku Tengah sanggup untuk menjadi isteri Upu Daeng Parani. Begitulah kenyataan yang dipetik di atas sebagai berkata Tengku Tengah kepada Upu-upu lima bersaudara.

Hasil daripada perjanjian baharu itulah Raja Sulaiman menjelaskan bahawa jika Upu-upu dapat membalas segala aib yang telah dilakukan oleh Raja Kecil, maka salah seorang akan ditabalkan menjadi Yang Dipertuan Muda turun-temurun. Setelah kejayaan peperangan dengan Raja Kecil, bagi penaklukan Johor dan Riau, Raja Sulaiman meminta salah seorang Upu lima beradik menjadi Yang Dipertuan Muda dan memerintah kerajaan Riau dan Johor dan Pahang dengan segala takluk daerahnya.

Konsep Musyawarah

Menurut Dudung Abdullah (2014), konsep musyawarah merupakan kegiatan perundingan dengan cara bertukar pendapat daripada pelbagai pihak. Perbincangan akan suatu masalah untuk dipertimbangkan dan diputuskan serta diambil yang terbaik suatu jalan demi kemaslahatan bersama. Dalam Islam, musyawarah adalah suatu amalan yang mulia dan penting sehingga mereka yang terlibat dalam musyawarah akan senantiasa memperhatikan etika dan sikap bermusyawarah sambil bertawakkal kepada Tuhan Yang Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana. Namun, tidak semua persoalan dapat diselesaikan dengan cara bermusyawarah. Musyawarah hanya dilaksanakan untuk mencapai keputusan bagi kemaslahatan bersama mulai daripada lingkungan keluarga, masyarakat sehingga kepada kehidupan bangsa dan negara, serta agama.

Peristiwa muafakat banyak disentuh di dalam teks *Tuhfat al-Nafis*. Salah satu peristiwa yang dapat dinukil ialah tatkala Sultan Sulaiman Badr al-Alam Syah ingin membalas jasa Upu-upu Raja Bugis setelah menakluki Johor dan Riau daripada Raja Kecil. Maka, kelima-lima beradik itu bermusyawarah dengan cara perundingan yang memberi kejayaan kepada semua pihak terutama rakyat yang akan dipimpin. Perbincangan yang dinukil adalah seperti yang berikut:



Foto ihsan Sarafian Salleh

> **(Daeng Parani) Adapun seperti sahaya semua ini adik-beradik sama sahaya ini, tiadalah sahaya mahu menjadi raja kerana sahaya ini yang tua sekali... (Daeng Menambun) Adapun yang seperti sahaya ini, tiadalah sahaya sanggup menjadi Yang Dipertuan Muda di tanah barat ini... (Daeng Chellak) Adapun sahaya ini selagi ada abang yang sahaya yang tua ini, iaitu (Daeng Merewah) Kelana Jaya Putera, maka tiadalah saya mahu menjadi Yang Dipertuan Muda... (Daeng Kemasi) Adapun sahaya ini tiadalah berhajat menjadi Yang Dipertuan Muda di dalam negeri Riau ini kerana jauh amat dengan Bugis... (Namun, Daeng Merewah menjawab) Adapun sahaya jikalau bercerai dengan saudara-saudara sahaya tiadalah sahaya mahu menjadi Yang Dipertuan Muda di tanah barat ini.**
>
> (Tuhfat al-Nafis, 2002:60)

Satu lagi peristiwa yang menunjukkan konsep musyawarah adalah apabila hendak berlaku peperangan di Riau untuk melawan Raja Kecil. "Kemudian muafakatlah ia dengan segala saudaranya serta punggawanya, menterinya, iaitu Daeng Menampuk, dan Daeng Massuro dan Daeng Mangantuk."

Maka, mereka mengatur langkah untuk memenangi angkatan perang. "Adalah yang dijadikannya kepala perang oleh Upu Daeng Parani, iaitu saudaranya Upu Daeng Merewah... raja dalam peperangan. Adapun Daeng Chelak menjadi panglima besar di dalam peperangan. Manakala, Daeng Menambun dan Daeng Kemasi ialah menjadi panglima kanan dan panglima kiri peperangan... Syahdan apabila sudah teguhlah ikatan perangnya berangkatlah ia belajar ke Riau."

Agak terlalu banyak konsep musyawarah yang tercatat di dalam teks *Tuhfat al-Nafis* yang menjadikan perhubungan keakraban para pemimpin utuh untuk mempertahankan hak rakyat.

Amanah Sebagai Pakaian Pemimpin dalam teks *Tuhfat al-Nafis*

Seperti mana amanah merupakan konsep yang paling menonjol dalam teks *Tuhfat al-Nafis*, teks ini memaparkan peristiwa amanah seorang pemimpin dalam melaksanakan tugas dalam lapangan sebagai pembesar negeri di samping pegangan hidup seorang pemimpin dalam melaksanakan sumpah setia. Amanah merupakan salah satu

'pakaian pemimpin' yang dibincangkan oleh Tenas Effendy (2000).

Apabila pemimpin memegang amanah,
negeri makmur rakyat semenggah.

Menjadi pemimpin ia amanah
Taat memegang janji dan sumpah
Terhadap rakyat ia peramah
Terhadap sahabat ia pemurah
Dalam bekerja ia semenggah
Dalam bercakap berhalus lidah.

Dijadikan pemimpin membawa berkah
Bersamanya tegak tuah dan maruah.

Dijadikan tua besar faedah
Umat sentiasa rezeki bertambah.

Dijadikan induk ia ternama
Negeri terjaga umat terpelihara.

Maka, pemimpin yang memegang amanah akan menjadikan negaranya makmur, ternama dan terpelihara. Pemimpin amanah juga menegakkan tuah dan maruah rakyat serta sentiasa elok tutur kata. Hal ini sejajar dengan peristiwa di mana Daeng Merewah memegang amanah yang telah diberikan kepadanya sebagai Yang Dipertuan Muda.

Yang Dipertuan Muda (Daeng Merewah), yang juga dikenali sebagai Kelana Jaya Putera, ditugaskan untuk melawan Raja Kecil. Raja Kecil telah merampas Riau dengan menggunakan kekerasan. Peristiwa peperangan saudara tersebut bermula apabila Johor difitnah seolah-olah negeri satu beraja dua. Ada yang berpihak kepada Raja Kecil dan ada pula dengan Sultan Abdul Jalil. Kemarahan Raja Kecil bertambah apabila Tengku Kamariah, isteri Raja Kecil diambil oleh Tengku Tengah, kakak kepada Tengku Kamariah kerana timbul banyak lagi fitnah yang mengatakan tentang susur galur Raja Kecil yang bukan daripada Marhum Mangkat di Julang. Tatkala Raja Kecil hendak mengambil isterinya, terjadi perkelahian. Maka, Raja Kecil melanggar Sultan Abdul Jalil. Berperanglah Minangkabau dengan Johor.

> **"...ialah yang mengalahkan Raja Kecil yamtuan Siak diambilnya Riau daripada tangan Raja Kecil diserahkannya Riau dengan segala takhluk daerahnya kepada Raja Sulaiman, serta dilantiknya Raja Sulaiman itu menjadi raja Johor dengan segala takhluk daerahnya."**
>
> (Tuhfat al-Nafis, 2002:45)

Setelah kejayaan Kelana Jaya Putera berserta raja-raja Bugis lima bersaudara menakluki semula Riau kemudian diserahkan kembali kepada Raja Sulaiman seperti yang telah dijanjikan. Begitulah halnya 'pakaian pemimpin' yang disebut oleh Tenas Effendy antara jenis-jenis pemimpin yang menyerlah di dalam kepimpinan Melayu. Contoh lain yang berkaitan dengan sifat amanah kepimpinan Bugis ialah peristiwa Raja Kecil mungkir janji setelah sumpah setia di masjid. Sila lihat nukilan berikut:

> **"Syahdan maka berperanglah antara kedua pihak itu. Adalah kira-kira dua hari maka Raja Kecil pun tewaslah maka alahlah ia kerana banyaklah orang-orang binasa sebab dipintas Bugis dengan sampan pada malam-malam hari, diamuknya oleh Bugis itu dari sebelah belakangnya itu. Maka tiadalah berketentuan lagi pada malam itu, ianya lari lalulah balik ke Siak."**
>
> (Tuhfat al-Nafis, 2002:87)

Raja Kecil datang ke Riau untuk mengadap Sultan Sulaiman dan berjumpa Yang Dipertuan Muda, memohon untuk membawa isterinya, Tengku Kamariah ke Siak. Raja Kecil menyatakan pada ketika ini bahawa dia tidak mahu berniat salah lagi kepada Sultan Sulaiman dan Yang Dipertuan Muda, serta mahu memulangkan



rakyat-rakyat Johor. Perjanjian ini diterima oleh Baginda Sultan Sulaiman dan Yang Dipertuan Muda dengan diajak bersumpah di dalam masjid. Oleh kerana mempunyai sifat yang iri dan dendam, Raja Kecil telah memungkiri janji yang telah dilaksanakan di dalam masjid.

Raja-raja Bugis yang bersifat amanah berperanglah Bugis dengan Minangkabau selama dua hari. Peperangan itu telah berjaya dipintas oleh Bugis dengan sampan pada waktu malam. Serangan hendap daripada belakang merupakan satu strategi yang sangat berjaya bagi memperdayakan musuh. Maka, Raja Kecil dengan sekalian angkatannya bertempiaran pulang ke Siak. Peristiwa ini menggambarkan bahawa amanah merupakan sifat yang terpuji dengan syiar Islam. Perlakuan amanah ini menunjukkan tingkah yang elok serta budi perkerti yang tinggi sebagai seorang pemimpin yang berkeperibadian mulia yang beragama Islam.

Adil Sebagai Pakaian Pemimpin dalam teks *Tuhfat al-Nafis*

Menurut Tenas Effendy (2000), pemimpin yang adil merupakan seorang yang benar dalam melaksanakan hak dan kewajipannya (sesuai menurut ketentuan hukum, undang-undang, agama, adat dan norma-norma sosial masyarakat). Dalam ungkapan beliau, ada menyentuh tentang ciri-ciri adil seorang pemimpin. Antaranya ialah pemimpin yang menegakkan hukum dan syarak serta adat lembaga sebagai suatu keadilan. Pemimpin ini juga mengingat-ingat dan berfikiran panjang serta menjaga hati agar penyabar, seperti ungkapan berikut:

Menjadi pemimpin adil dan benar
Tidak memilih kecil dan besar
Petua diingat amanah didengar
Terhadap yang buruk ia tak gemar
Pada yang baik ia mengakar
Fikiran panjang hati penyabar.
Dijadikan pemimpin manfaatnya besar
Hukum tegak syarak mengakar
Adat lembaga sama tiada tercemar
Negeri yang kecil menjadi besar
Tegak kukuh sayap pun lebar.

Di samping itu, orang tua-tua ada mengatakan, "apabila keadilan sudah tertindas, negeri kacau rakyat melengas" atau "apabila keadilan sudah hilang, manusia berubah menjadi binatang" seperti yang dijelaskan di dalam ungkapan berikut:

Tuah negeri adil berdiri
Tuah bangsa adil merata
Dijadikan tua ia bertuah
Dijadikan induk ia bermaruah
Memimpin negeri ia sempurna
Hidup tenang umat sentosa.

Kestabilan politik menghasilkan kitab undang-undang sebagai panduan. Tambahan lagi, keperibadian diplomatik para pembesar Melayu pada waktu itu, memperlihatkan pengaruh kesultanan Melayu yang luas termasuk China, negara-negara Arab dan Asia. Dengan pemimpin yang adil, kemuncak kesultanan Melayu Melaka menjadi padu sehingga zaman pemerintahan Sultan Alauddin Riayat Syah.

Kesinambungan hasil daripada kegemilangan di negeri Melaka itu, dapat juga menempiasi bumi Riau. Beberapa peristiwa digambarkan dalam teks *Tuhfat al-Nafis* dengan kemajuan sistem yang terlaksana terutama setelah kemunculan Yang Dipertuan Muda oleh Upu-upu Bugis lima bersaudara. Beberapa catatan daripada teks *Tuhfat al-Nafis* dalam contoh berikut:

> **"Maka apabila jadilah gambir itu, maka semakin ramailah Riau. Maka datanglah segala perahu-perahu dagang dari timur seperti Jawa dan Bugis. Maka berpalulah dagangan tanah Jawa dengan gambir, makin sukalah segala dagang- dagang masuk Riau itu, kerana segala dagangannya berlawan sama dagangan pulang perginya untung banyak."**
>
> (Tuhfat al-Nafis, 2002:118)

Catatan kegemilangan negeri Riau akibat sistem perdagangan yang makmur. Pedagang yang berdagang datang daripada negeri jauh-jauh termasuk Benggal. Pada waktu inilah dicatatkan bahawa Yang Dipertuan Muda, Daeng Chelak menyuruh Punggawa Tarum dan Penghulu untuk mendapatkan benih gambir yang terdapat di Pulau Perca supaya dibawa ke Riau untuk memulakan operasi menanam gambir.

Kegiatan cucuk tanam gambir ini yang sangat berhasil bertujuan untuk memakmurkan ekonomi orang Bugis dan orang Melayu. Yang menariknya kuli-kuli mereka merupakan orang Cina yang datang dari negara China. Kesan daripada penanaman gambir, ramai pedagang datang dari Timur, Jawa dan sebelah Bugis, sehingga mencatatkan pulangan yang menguntungkan. Keberhasilan daripada kejituan sistem ekonomi tersebut, sistem pencukaian dan labuh batu memaksimumkan pendapatan rakyat dan menjadikan mereka kaya-raya. Apabila pemerintahan adil, ekosistem kehidupan menjadi padu dan jaya termasuk sosio-ekonomi negeri.

Bagi melaksanakan sifat keadilan di dalam sebuah empayar yang besar dan luas bukanlah perkara yang mudah. Contoh nukilan di bawah memaparkan sikap pemimpin yang sangat adil dalam melaksanakan tanggungjawabnya. Peristiwa permusuhan terhadap orang Bugis di Riau dan Perang Linggi acapkali difitnah dan diadudombakan oleh suku-suku Melayu sepertimana dicatatkan dalam teks *Tuhfat al-Nafis*. Bukan sekali atau dua kali tetapi kekerapan yang berlaku sehingga Yang Dipertuan Muda menghimpunkan kedua-dua belah, iaitu Bugis dan Melayu untuk mencari jalan penyelesaian. Sebagai seorang pemimpin, penting untuk memeriksa dahulu kesahihan sesebuah khabar berita.

> **"Maka kata Raja Abdul Jalil, "Engkau kenalkah orang yang meradak itu? Orang Bugiskah atau orang mana? Adakah engkau suluh mukanya orang yang meradak itu?" Maka jawab mereka itu, "Tiada Tuanku." Maka titahnya, "Jikalau tidak engkau suluh mukanya, di mana engkau tahukan orang Bugis dengan sebegini gelapnya malam ini?" Maka jawabnya mereka itu, "Periksalah Tuanku, pacal-pacal itu yang mengatakan orang Bugis konon. Maka patik pun mengikutlah."**
>
> (Tuhfat al-Nafis, 2002:134)

Pada awal peristiwa tersebut, dinukil, "Maka (adalah suku-suku Melayu serta) Raja Terengganu gaduhlah tiap-tiap malam (berjaga katanya, "Bugis-Bugis hendak khianat." Maka tiap-tiap malam berbuatlah gaduh mengatakan segala Bugis-Bugis hendak membakar rumah, dan hendak mengamuk). Maka di dalam sebulan dua tiga kali datang fitnah. Maka diperiksa oleh Yang Dipertuan Muda (serta tafahhus) bersama-sama dengan bendahara, (dan Raja Indera Bongsu. Maka, tiada pula dapat seperti fitnah yang difitnahkan itu." Peristiwa itu berlaku lagi selang empat lima hari bergaduh orang Terengganu dan suku Melayu mengatakan Bugis membakar kota.

Ketegasan pemimpin memainkan peranan kritikal untuk menangani keadaan yang gempar menjadi reda. Yang Dipertuan Muda menangani perkara tersebut dengan memeriksa keadaan sebenar. Kelemahan dalam berfikir oleh rakyat sebegini yang mudah rapuh dalam masyarakat kerana sering diperdaya dengan hasutan dan fitnah. Dengan pemimpin yang mempunyai nilai adil, masalah yang dihadapi dapat ditangani dengan saksama. Hanya akal pemimpin yang adil, pembelaan kepada fitnah dapat diusahakan.

Kesimpulan

Konsep kepimpinan mencerminkan keperibadian bukan hanya dirinya bahkan masyarakatnya dan juga negara yang dipimpinnya. Sifat amanah dan keadilan yang dibincangkan di dalam penulisan ini merupakan antara 'pakaian pemimpin' yang paling menonjol. Konsep musyawarah juga memainkan peranan yang sangat penting untuk menjaga kemaslahatan dan kesejahteraan negara.

Berdasarkan teks *Tuhfat al-Nafis*, Upu-upu Bugis lima bersaudara sangat berperanan dalam melakar dan mencipta sejarah sendiri di 'negeri sebelah barat'. Keberadaan mereka yang membawa konsep musyawarah memainkan peranan yang sangat penting selain permuafakatan dan kerjasama antara mereka, justeru sebagai pemimpin seharus dijadikan 'pakaian', iaitu pedoman bagi keselamatan dunia dan akhirat.

Bibliografi

Abd Hakim Mohad@Mohamad Ramli. (1999). *Konsep Kepimpinan Dalam Peradaban Islam*. (Disertasi Ijazah Sarjana). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Ahmad Jelani Halimi. 2008. *Sejarah dan Tamadun Bangsa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Dudung Abdullah. 2014. Musyawarah dalam Al-Quran. *Jurnal Hukum Pidana & Ketatanegaraan*. Vol. 3 No. 2 (2014). https://journal.uin-alauddin.ac.id/ 10.24252/ad.v3i2.1509.

J. Noorduyn. 1988. The Bugis Genealogy of the Raja Muda Family of Riau-Johor. Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society. Vol. 61. No. 2 (255), pp. 63-92. Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.

Hasan Junus. 1988. *Raja Ali Haji: Budayawan di Gerbang Abad XX*. Pekanbaru, Riau, Indonesia: Universitas Islam Riau Press.

Matheson, V. 1982. *The Precious Gift (Tuhfat al-Nafis)*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Matheson, V. 1991. *Tuhfat Al-Nafis: Sejarah Melayu-Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Taib Osman. 1980. Sejarah Kebudayaan Melaka Mengikut Sejarah Melayu. *Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.

Mohd Yusof Md Nor. 1984. *Salasilah Melayu dan Bugis*. Petaling Jaya, Malaysia: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.

Muhd Yusof Ibrahim. 2013. *Ilmu Sejarah: Falsafah, Pengertian, Kaedah dan Pensejarahan Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tenas Effendy. 2000. *Pemimpin dalam Ungkapan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zilfalila A. Rahman. (1962). *Tuhfat al-Nafis: Chorak Historiografinya Persamaan dan Penyimpangan Dari Tradisi Historiografi Melayu*. (Latihan Ilmiah Pendek). Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Farizan Md Amin

merupakan seorang guru bahasa Melayu selama hampir 20 tahun. Kini, beliau ialah ketua jabatan di salah sebuah sekolah menengah di Singapura. Beliau pernah mengajar di sekolah rendah selepas berkhidmat di Kementerian Pendidikan dan pada awal perkhidmatan sebagai seorang guru. Penerima Anugerah Guru Arif Budiman (AGAB) 2011 ini masih juga menjadi sukarelawan dalam memberi khidmat kepakaran kepada penganjuran Bulan Bahasa sejak 2016 sehingga kini. Pendidikan Sarjana Muda di Universiti Malaya menjadi pembakar semangat untuk beliau meraih Ijazah Sarjana menerusi Universiti Teknologi Nanyang dalam bidang linguistik. Kini, beliau merupakan calon PhD yang memberikan tumpuan kepada kajian kesusasteraan dalam bidang historiografi.





KONSEP RUPAWAN DALAM SASTERA MELAYU:

Analisis Prosa Tradisional Pilihan


Oleh Fadhli Fadzil

Keelokan paras rupa merupakan satu perkara yang subjektif mengikut masyarakat, generasi dan budaya. Peletakan ciri-ciri tertentu sebagai suatu piawaian kecantikan menggerakkan masyarakat berusaha mencapai standard kecantikan yang ideal. Dalam sastera Melayu tradisional, kecantikan sering dikaitkan dengan ketinggian status dan keelokan peribadi manakala sebaliknya bagi watak yang disisih masyarakat. Lantas, makalah ini akan menyelongkar imageri kerupawanan dalam dua prosa tradisional pilihan - *Hikayat Malim Deman* dan cerita jenaka *Si Luncai* untuk memperdalam standard kecantikan dari lensa masyarakat Melayu lama serta menggeledah kesesuaian ideologi ini dalam konteks masyarakat kini yang sudah semakin serba progresif.

Sastera Sebagai Cerminan Masyarakat

Warisan sastera Melayu secara lisan dan tulisan memperlihatkan pemikiran, sosiologi, falsafah dan kepercayaan masyarakat Melayu, sesuai dengan konteks dan zaman karya-karya ini ditulis (Mohamed Imran Mohamed Talib, 2008). Peralihan zaman telah menyaksikan peralihan fasa sistem kehidupan orang Melayu di mana dahulunya masyarakat Melayu pernah mengikut sistem feudal dan berkasta. Maka, dalam membicarakan tentang karya-karya tradisional, susun lapis masyarakat lama adalah relevan untuk menerangkan mengapa seseorang watak digambarkan sebegitu rupa dalam karya yang dibaca.

Dengan pemahaman ini, tidak hairan jika watak-watak golongan atas (diraja dan bangsawan) digambarkan secara sempurna manakala watak-watak golongan bawah (rakyat jelata dan hamba) seringkali diperkecil dalam karya-karya tradisional. Hal ini kerana golongan diraja dan bangsawan bagi masyarakat Melayu lama merupakan "pusat tumpuan hidup dan puncak masyarakat mereka" (Ismail Othman, 1972). Oleh itu, menjadi satu norma masyarakat untuk melihat golongan atas sebagai golongan yang mempunyai kesempurnaan dari segi paras rupa dan keistimewaan dalam kuasa yang luar biasa.



Kecerahan Kulit Sebagai Ideal

Dalam karya tradisional *Hikayat Malim Deman* dan cerita jenaka *Si Luncai*, golongan atas digambarkan mempunyai paras rupa yang elok serta ciri-ciri kelelakian dan kewanitaan yang ideal. Sebaliknya, golongan bawah mempunyai imej negatif, sering diberikan ciri-ciri buruk dari segi fizikal dan sikap. Berdasarkan susun lapis masyarakat, watak-watak dalam kedua-dua prosa ini dikenal pasti dan dikategorikan sedemikian rupa:

	Hikayat Malim Deman	***Si Luncai***
Diraja	Tuan Malim Deman Tuan Puteri Bongsu Raja Jin Islam Puteri Terus Mata	Maharaja Isin Puteri Lela Kendi
Rakyat Jelata	Nenek Kebayan	Si Luncai

Bagi watak diraja Tuan Malim Deman, konsep cahaya banyak digunakan untuk menggambarkan keserian rupanya sebagai seseorang yang berstatus tinggi dalam masyarakat. Apabila beliau pergi merawat dengan Nenek Kebayan setelah mengalami luka meredah hutan, badan Tuan Malim Deman telah digosok Nenek Kebayan untuk membersihkan luka, lumut dan najis yang ada pada tubuhnya. Dalam pada itu, Nenek Kebayan menyaksikan keserian wajah Tuan Malim Deman yang digambarkan sebagai tampan dan bercahaya.

> "Maka dipandang Nenek Kebayan sangatlah elok rupanya, cahaya muka gilang-gemilang tiadalah dapat ditentang nyata."
>
> (Pawang Ana & Raja Haji Yahya, 1998:21)

Perihal ini menjadi lebih terserlah dalam serangkap talibun di mana kecerahan kulit tubuh Tuan Malim Deman dikatakan dapat mengalahkan sinaran matahari apabila Nenek Kebayan menggosok badan Tuan Malim Deman daripada segala daki-daki:

> "Sekali digosoknya,
> Dua tiga panau tercelik;
> Sekali digosoknya,
> Tiga empat panau tercelik;
> Hilanglah cahaya matahari,
> Timbullah cahaya Malim Deman."
>
> (Pawang Ana & Raja Haji Yahya, 1998:22)

Unsur cahaya yang terpancar daripada tubuh badan Tuan Malim Deman boleh ditafsirkan sebagai satu ciri istimewa yang dimilikinya, sebagai seorang yang tergolong dalam kerabat diraja. Secara tidak langsung, ini meletakkan kecerahan kulit seseorang sebagai satu ciri kecantikan yang ideal kerana hanya golongan yang dihormati sahaja pada zaman hikayat ini dikarang memiliki sifat ini.

Kecerahan kulit ini juga digambarkan bagi watak Tuan Puteri Bongsu dalam *Hikayat Malim Deman*, seorang puteri kayangan yang bersifat jelita dan elok perilakunya. Dalam bahagian awal hikayat ini, Tuan Malim Deman bermimpi didatangi seorang wali Allah yang telah menyeru kepadanya akan kehadiran seorang puteri dalam kalangan tujuh puteri beradik iaitu Puteri Bongsu. Berikutan mimpi ini, Tuan Malim Deman terbayangkan bentuk wajah Puteri Bongsu sepertimana yang digambarkan wali Allah itu:

> **...terkenangkan perkataan wali Allah yang berkhabarkan sifat Tuan Puteri Bongsu itu, seolah-olahnya sudah terpandang kepada matanya cahaya muka Tuan Puteri itu seperti bulan penuh purnama empat belas haribulan, gilang-gemilang cahayanya.**
>
> (Pawang Ana & Raja Haji Yahya, 1998:4)

Selain disebutkan kegilangan cahaya muka Tuan Puteri ini serupa dengan gambaran kecerahan kulit Tuan Malim Deman tadi, raut wajah Puteri Bongsu digambarkan seperti bulan purnama pada hari keempat belas. Secara permukaan, ini ialah satu peribahasa yang membawa maksud kecantikan wajah seseorang wanita. Namun, jika dikaji dan diteliti, bulan pada hari keempat belas ialah fasa bulan penuh di mana bulan berada di posisi 180 darjah di hadapan matahari (Haworth). Maka, cahaya bulan adalah paling terang pada waktu ini. Hal ini bermakna seri muka Tuan Puteri Bongsu adalah amat terang dan bersinar, mencitrakan keistimewaan yang ada pada dirinya sebagai golongan diraja.

Penggunaan unsur cahaya sebagai simbol keagungan golongan atas meletakkan kecerahan kulit sebagai satu ciri kecantikan yang ideal. Menariknya, standard kecantikan ini masih lagi berleluasa sehingga hari ini, terbukti dengan kemunculan produk-produk mencerahkan kulit dan pemaparan kecerahan kulit sebagai lebih cantik dan elok daripada kulit yang gelap (Meera Senthilingam et. al., 2022). Hal ini berlarutan sehinggakan wujud kaedah yang membahayakan seperti pelunturan kulit di mana penghasilan melanin dihentikan supaya kulit dapat menjadi cerah (Aramide, 2019).

Saiz Badan Yang Ideal

Apabila membicarakan tentang isu sindir badan *(body shaming)*, jarang dibangkitkan hal ini berkenaan karya tradisional sedangkan dalam cerita jenaka *Si Luncai*, terserlah pemaparan obesiti sebagai satu ciri yang diperkecil. Daripada nama watak si Luncai sendiri, dapat dikesan rujukan kepada tubuh badan si Luncai yang kurang 'ideal'. Perkataan 'luncai' sudahpun memberikan makna buncit dan gendut (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), menandakan si Luncai sebenarnya dipanggil dengan nama yang diberikan atas tubuh fizikalnya. Citra penampilan si Luncai digambarkan menerusi pemerian berikut:

> **...namanya disebut oleh sekalian kanak-kanak dengan gelaran Si Luncai, kerana perutnya besar dan punggungnya tonggek serta pula apabila ia berjalan itu menjemur dada.**
>
> (Hassan Ahmad, 2007:107)

Jelas dilihat dalam pemerian ini bahawa ciri-ciri yang disebutkan merupakan ciri yang tidak dipandang ideal daripada mata masyarakat. Tambahan pula, paras rupa si Luncai tidak dipandang elok oleh masyarakat apabila dia dititahkan untuk berkahwin dengan anak Maharaja Isin, Puteri Lela Kendi. Reaksi pertama Puteri Lela Kendi yang pengsan tatkala mendengar berita ini benar-benar mencerminkan kejijikannya terhadap fizik si Luncai:

> **Aduhai, demi terdengar sahaja kepada tuan puteri keduanya perkhabaran dan titah baginda demikian itu, hancur luluh, remuk redamlah hati tuan puteri kedua, lalu menangis menghempaskan dirinya... Maka tuan puteri kedua pun lalu pengsan tiada sedarkan dirinya.**
>
> (Hassan Ahmad, 2007:116)



Setelah selesai perkahwinan mereka, Puteri Lela Kendi bersua muka dengan si Luncai buat pertama kalinya dan seraya melihat rupa si Luncai, beliau menangis dan berasa mual dan loya, menunjukkan betapa jijiknya rupa si Luncai pada Tuan Puteri.

> **Maka Tuan Puteri Lela Kendi pun menangis oleh teramat meluat ia melihat rupa Si Luncai itu.**
>
> (Hassan Ahmad, 2007:117)

Peristiwa ini, selain memperlihatkan sikap dan persepsi golongan atas terhadap golongan bawah, ini juga mencerminkan ketidakcenderungan Puteri Lela Kendi kepada paras rupa si Luncai yang bertubuh besar. Meskipun begitu, pemikiran ini tidak asing malah relevan bagi masyarakat kini juga di mana masih lagi terdapat penghinaan terhadap saiz-saiz badan yang tidak ideal biar kurus ataupun berbadan besar.

Penyebaran pemikiran yang percaya bahawa orang yang berbadan besar perlu menguruskan badan untuk diterima masyarakat dan merasai kebahagiaan juga masih banyak dipromosikan di media, menggerak ramai untuk memakan pil-pil kurus dan kaedah-kaedah ekstrim demi mencapai bentuk badan ideal (Ravary, 2019). Justeru, benar bahawa standard kecantikan bagi masyarakat umum dan masyarakat Melayu belum banyak berubah meski sudah dimakan masa.

Menggeledah Standard Kecantikan Hari Ini

Standard kecantikan berubah demi masa dengan perubahan corak minda dan peralihan norma masyarakat akibat pendedahan kepada jenis-jenis kecantikan yang semakin berkembang. Dengan gerakan inklusi sosial oleh aktivis-aktivis kini, representasi pelbagai jenis tubuh dalam media menyumbang kepada peluasan definisi kecantikan bagi masyarakat (Thorpe, J. R., 2017). Meski diakui bahawa standard kecantikan yang lama (kulit cerah, kurus, sasa dan sebagainya) masih berleluasa dalam pemikiran masyarakat kini, kepelbagaian jenis kecantikan dalam media menjanjikan masa depan di mana lebih ramai akan berasa diri lebih yakin kerana tergolong dalam standard kecantikan yang lebih longgar.

Penutup

Walau bagaimanapun, langkah progresif ini tidak membenarkan golongan aktivis untuk menidakkan kepentingan sastera Melayu tradisional. Dalam kita bergerak maju untuk menerima kepelbagaian dalam kecantikan, tidak bermakna keseluruhan teks tradisional yang kontroversial harus dibuang begitu sahaja. Keterbukaan minda apabila mendedahkan diri kepada sastera Melayu tradisional membenarkan pembaca untuk mengenali konteks masyarakat pada zaman ia dikarang, tidak kira dari segi pemikiran, gaya hidup mahupun sistem kepercayaan.

Pembaca sastera hari ini harus bijak dalam menyaring dan menilai isi yang terdapat dalam teks-teks tradisional. Dengan minda yang objektif, barulah karya sastera tradisional seperti *Hikayat Malim Deman* dan cerita jenaka *Si Luncai* dapat dinikmati dan didalami bak pepatah 'umpama memerah nyiur, santan diambil hampas dibuang'.

Rujukan

AMohamed Imran Mohamed Talib. (2008). Seni, Sastera dan Budaya dalam Cerminan Masyarakat. The Reading Group.

Ismail Othman. (1973). Ulasan dan Kajian Hikayat Merong Mahawangsa. Pustaka Aman Press.

Pawang Ana & Raja Haji Yahya. (1998). *Hikayat Malim Deman*. Selangor: Fajar Bakti.

Haworth, D. (n.d.). 29 Days of the Moon. 29 Days Moon Images Index. http://www.stargazing.net/david/moon/index29days.html.

Hassan Ahmad. (2007). *Cerita Jenaka*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.

Thorpe, J. R. (2017). This Is How Fast It Takes For A Single Image To Completely Warp Your Beauty Standards. Bustle. https://www.bustle.com/p/why-do-beauty-standards-change-this-studyshows-that-just-one-image-can-warp-your-beauty-standards-79973

Meera Senthilingam et. al. (2022). What is skin whitening, what are the risks and who profits?. CNN. https://edition.cnn.com/2022/01/25/world/as-equals-skin-whitening-global-market-explainerintl-cmd/index.html.

Aramide, K. O. et. al. (2019). Health Information Literacy on the Risks of Using Skin Bleaching Products. University of Ibadan.

Ravary, A. et. al. (2019). Shaping the Body Politic: Mass Media Fat-Shaming Affects Implicit Anti-Fat Attitudes. Volume: 45 issue: 11, page(s): 1580-1589. Canada: McGill University.

Fadhli Fadzil,

23, seorang guru pelatih di Institut Pendidikan Nasional (NIE) khusus dalam Bahasa Melayu dan Kesusasteraan Melayu di samping seorang pencipta kandungan tentang bahasa Melayu di Instagram. Sebagai Rakan Bahasa 2021, beliau berminat dalam mengkaji penggunaan tatabahasa Melayu di media massa dan berkongsi pengetahuannya tentang tatabahasa di media sosial. Setelah menerbitkan buku sulungnya 'Di Sebalik Jendela' (2020), Fadhli kini sedang meneroka bidang kajian sastera khususnya sastera tradisional.



KEADILAN RAJA SEBAGAI STRATEGI NARATIF DALAM "INI SYAIR TENGKU PERABU DI NEGERI SINGAPURA ADANYA" BERDASARKAN *NASIHAT AL-MULUK:*

Satu Kajian Bandingan

Oleh Dr Wan Roshazli Wan Razali



Pendahuluan

Karya sastera klasik merupakan peninggalan berharga pengarang silam untuk masyarakat kini. Meskipun karya-karya ini dihasilkan pada zaman lampau, ia masih sesuai untuk dibaca dan difahami oleh masyarakat kini. Karya-karya sebegini cukup kaya dengan kehalusan dan ketinggian bahasa serta mempunyai nilai sejarah. Kehalusan dan ketinggian yang dimiliki oleh karya-karya klasik menjadikan karya-karya ini unik dan mempunyai kedudukan yang tersendiri dalam dunia persuratan Melayu. Karya-karya silam tidak hanya merakam serta menghurai kebudayaan masyarakat silam tetapi juga memperlihatkan kritikan terhadap masyarakat, baik penjajah mahupun pemerintah.

Kebiasaannya, karya-karya sastera berbentuk kritikan terhadap pemerintah dilakar atau dinaratifkan dengan penuh halus dan tersirat sehinggakan orang yang membacanya kadang kala tidak memahami karya-karya tersebut sebenarnya berbentuk kritikan. Sindiran-sindiran berbentuk tamsilan dan kias ibarat sering ditemui dalam karya-karya sastera silam seperti teks *Sulalatus Salatin, Hikayat Merong Mahawangsa* dan *Hikayat Raja-raja Pasai*. Dalam perbendaharaan kesusasteraan Melayu, turut terdapat karya-karya silam yang mengkritik keperibadian raja secara terbuka tanpa berselindung. Antaranya ialah Syair Tengku Perabu.

Syair Tengku Perabu telah ditemui oleh Sasterawan Negara Muhammad Haji Salleh di Perancis dalam bentuk tulisan tangan yang masih belum dicetak. Syair ini adalah berbentuk tantangan dan dikenali sebagai syair gelap kerana isinya menentang raja, golongan istana dan juga kuasa British. Akibatnya syair ini sukar untuk diterbitkan, walhal teknologi percetakan telah memasuki negara Singapura. Muhammad Haji Salleh (1992:viii) menyatakan syair ini merupakan cerminan perasaan penduduk Melayu Singapura sebagai masyarakat di bawah jajahan pihak British yang telah ditindas bukan hanya oleh kuasa asing dan pedagang, tetapi lebih malangnya mereka juga turut ditindas oleh pemerintah mereka sendiri iaitu sultan yang sepatutnya menjadi tempat menerima pembelaan sewajarnya. Ketidakadilan ini menjadikan masyarakat Singapura menyuarakan protes terhadap kuasa istana iaitu raja yang tidak melaksanakan tanggungjawabnya sebagai seorang khalifah di muka bumi ini. Lantaran itu, perbincangan ini bertujuan untuk mengupas pergeseran konsep keadilan raja dalam dua karya kesusasteraan klasik iaitu Syair Tengku Perabu dan Nasihat al-Muluk.

Perbincangan

Ketidakadilan Sultan Hussain akibat kelemahan akal dan keperibadiannya telah dijadikan pengarang sebagai pemangkin untuk menghasilkan karya ini dengan begitu lantang dan berani sekali. Kelemahan diri sultan begitu ketara apabila kesemua urusan pentadbiran negara telah dikawal oleh isterinya yang dikenali sebagai Tengku Perabu. Kelemahan kedua-dua tokoh dalam pemerintahan ini telah dijadikan sebagai strategi naratif pengarang dalam mengetengahkan punca kepada kemerosotan taraf kehidupan di Singapura. Strategi bererti tindakan, rancangan, kaedah, pendekatan, cara atau teknik yang digunakan oleh individu untuk mencapai matlamat atau tujuan (Wan Azmi Ramli, 1997:85).

Mieke Bal (2017) menjelaskan pengarang merupakan pusat kawalan yang mendominasi penceritaan dan mempunyai kuasa tersendiri dalam mengembangkan penceritaan tersebut. Perkembangan naratif yang dibina oleh pengarang adalah bersandarkan kepada ideologi dan persekitarannya. Ideologi dan persekitaran telah membentuk episod-episod naratif dalam dunia penulisan dan hasilnya akan menjadikan pengarang tersebut berkuasa. Pengarang sebagai pencipta naratif turut diperakui oleh Muhammad Haji Salleh (2019:53), setiap pengarang memfokuskan penulisannya terhadap satu tema. Melalui tema ini akan membantu pengarang untuk meluaskan lagi naratifnya namun matlamat utama penulisannya masih teguh. Objektif pula merupakan ideologi atau idea utama yang hendak dicapai oleh pengarang (Mieke Bal, 2017:36). Oleh itu, idea utama pengarang dalam penulisan syair ini adalah mengkritik secara terbuka kelemahan nilai-nilai moral raja yang menyebabkan kemerosotan Singapura.

> “Dengarkan karangan suatu cerita
> **kisahnya sultan raja yang nyata**
> **seisi negeri ramai menista**
> terlalulah rayu sekalian kita.
>
> Di dalam sihat selamat sentosa
> ditakdirkan Allah Tuhan
> yang kuasa
> adalah kepada suatu masa
> **isteri baginda berbuat termasa**
>
> Lakunya laksana air yang hening
> sedap dan manis tidak berbanding
> **senduduk dengan**
> **peranakan Keling**
> **ditertawakan orang**
> **rata keliling**”
>
> **(Syair Tengku Perabu, 1994:55).**





Berdasarkan kepada pembukaan rangkap di atas pengarang yang mewakili suara rakyat Singapura telah memulakan naratifnya telah mengeji Sultan Hussain kerana perbuatan isterinya iaitu Tengku Perabu yang telah berkelakuan sumbang dengan seorang 'peranakan Keling' yang digelar Tambi. Kebiasaannya, syair-syair Melayu akan dimulakan dengan kalimah-kalimah suci dan pujian kepada Allah dan para anbia. Sebaliknya, pengarang memulakan syair ini dengan kata-kata kasar kerana kemarahan yang membuak-buak di dalam jiwa pengarang terhadap raja. Kelakuan sumbang Tengku Perabu telah menjadi bahan umpatan, cacian dan cemuhan oleh rakyat. Namun yang lebih dimarahkan oleh rakyat ialah kebodohan sikap sultan yang tidak mengendahkan berita tersebut. Walaupun sudah disampaikan oleh para menteri:

> Dari halnya sultan raja
> yang asli
> **gagap dan buta lalai dan tuli**
> beberapa dipersembahkan ke
> bawah duli
> **sedikit pun tidak baginda peduli**

(Syair Tengku Perabu, 1994:56).

Kemarahan pengarang tidak dapat dikawal lagi melalui penggunaan frasa 'gagap, buta lalai dan tuli'. Frasa ini bukan bererti sultan tersebut lemah anggota badannya tetapi lemah akal dan buta hatinya kerana membiarkan isterinya terus berkelakuan sumbang. Keperibadian sultan cukup bertentangan dengan adab seorang raja berdasarkan nilai-nilai Islam seperti yang terdapat dalam teks Nasihat al-Muluk oleh Imam al-Ghazali. Buku-buku yang membincangkan tentang keadilan raja-raja telah meletakkan akal dan ilmu sebagai landasan kepada seorang untuk menjadi raja yang adil. Apabila seorang raja itu memiliki ilmu, sudah pastilah ia berakal dan akal inilah yang akan memandu raja untuk menjadi seorang yang adil.

> Dan ketahui olehmu, hai raja,
> bahawasanya bagi kayu ini sepuluh
> pohon dan sepuluh cabang. Maka
> pohon itu, iktikad dengan hati
> dan **cabang itu berbuat amal**
> **dengan segala anggota.**

(Nasihat al-Muluk, 2006:4).

Petikan ini bermaksud seorang raja haruslah menggunakan setiap anggota badannya untuk berkhidmat kepada rakyatnya. Anggota telinga, hati, mulut dan akal haruslah kuat dan tidak lemah; dapat membuat keputusan dengan betul dan adil dan tidak berat sebelah dalam menjatuhkan hukuman meskipun satu-satu hal itu melibatkan anggota keluarga sendiri. Anggota badan raja yang lemah akan menyebabkan raja tidak dapat membuat keputusan dengan adil dan mereka yang lemah akan terus-menerus ditindas seperti yang terjadi kepada rakyat Singapura ketika itu kerana memiliki raja yang lemah anggota termasuk akal. *Nasihat al-Muluk* (2004:9), turut menekankan konsep keadilan yang digambarkan melalui penciptaan langit dan bumi oleh Allah, termasuklah makhluk-makhluk di dunia. Allah telah menciptakan kesemua makhluknya secara adil dan tiada satu makhluk atau ciptaannya yang teraniaya. Justeru, sebagai hamba-Nya, seorang raja tidak seharusnya melakukan kezaliman kepada rakyat di bawah jagaannya.

Raja merupakan pemimpin yang memikul tanggungjawab berat dan besar dalam negaranya. Seorang raja harus memiliki keperibadian yang mulia untuk menjadi contoh tauladan kepada orang-orang bawahannya. Sekiranya raja tersebut tidak memiliki keperibadian yang baik, raja tidak dapat memimpin rakyatnya. Justeru, dalam sastera ketatanegaraan, selain adil, akal yang sihat harus ada dalam diri seorang raja. Sikap adil tidak akan terlaksana jika raja tidak memiliki akal yang sihat (Jelani Harun, 2003:133).

> Di dalam kenangan tidak berputus
> segala raja-raja utus mengutus
> **bergaji sebulan tiga belas ratus**
> **habis terjahanam**
> **bagai dihembus.**
>
> **Menurutkan kehendak**
> **bicaranya isteri**
> jadilah baginda
> meninggalkan negeri
> membawa putera remaja puteri
> diumpati orang kanan dan kiri

(Syair Tengku Perabu, 1994:56).

Sultan Hussain juga memiliki sifat boros serta mementingkan kebendaan dan langsung tidak mengambil tahu tentang masalah yang dihadapi rakyatnya. Akibat terlalu mementingkan kesenangan dan kemewahan hidup, Sultan Hussain tidak segan silu melakukan perjanjian dengan pihak Inggeris demi menerima gaji bulanan daripada mereka. Namun, wang tersebut tidak pernah mencukupi sehingga beliau harus meminjam lagi wang daripada Inggeris (Rahimah Hamdan & Arba'ie Sujud, 2018:251). Disebabkan tidak menggunakan akal dan kurangnya ilmu, sultan tidak mampu mengawal nafsunya daripada melakukan pembaziran. Seorang raja seharusnya mengamalkan kesederhanaan dalam kehidupan dan tidak bermegah mahupun bermewah. Hal ini bertujuan untuk

mengelakkan raja daripada menggunakan harta kekayaan untuk kepentingan diri dan menjerumuskan diri kepada perbuatan tamak, zalim, sombong dan takbur. Selain tidak adil dan boros, sultan juga membenarkan maksiat berlaku di istananya sehingga Tengku Perabu telah hamil dengan anak Tambi. Sebagai seorang suami, sultan gagal mengawal isterinya daripada terus berkelakuan sumbang sehingga terjadinya peristiwa yang memalukan ini.

> **Hatta beberapa dianuti Keling**
> **Tengku Perabu berasa empat bulang bunting**
> segera dipanggil bidan yang asing
> masuk ke bilik pintu dikacing.
>
> **Disuruh buangkan anak celaka**
> **ditanamkan di bawah pohon cempaka**
> dibuangkan itu Tambi tak suka
> Tengku Perabu digocoh kena di muka
>
> **(Syair Tengku Perabu, 1994:57).**

Apabila maksiat sudah bermaharajalela dalam sesebuah masyarakat dan pemimpin tidak mengambil sebarang tindakan untuk mencegahnya daripada berlaku, ini membuktikan bahawa moral raja sudah hancur dan hanya menunggu waktu sahaja negerinya akan dibinasakan oleh Allah. Kehancuran negeri akibat perlakuan sumbang raja mahupun pembesar dapat ditemui dalam karya-karya bercorak sastera melalui persetiaan wa'ad dan wa'adat yang menjadi induk kepada perjanjian di antara raja dengan rakyat.

Tengku Perabu juga telah memecat semua orang Melayu yang menjadi pegawai di istana dan menggantikan mereka dengan 'orang Benggali'. Pegawai-pegawai istana turut teraniaya kerana pekerjaan mereka telah dirampas dan sultan tidak membela nasib mereka:

> Tengku Perabu dengan Tambi tidak peduli
> **disuruhnya ambil mata-mata Benggali**
> **sekalian melayu-Melayu dihalaunya sekali**
> Tengku Yahya, Encik Abu bersama sekali
>
> **(Syair Tengku Perabu, 1994:58-69).**



Sultan bukan sahaja tidak berlaku adil kepada para menteri dan pegawainya, Sultan juga bertindak sedemikian terhadap anak-anaknya sendiri iaitu Tengku Jalil dan Tengku Andak. Tengku Perabu telah memfitnah Tengku Jalil kepada Sultan dengan mengatakan beliau telah melakukan perbuatan tidak bermoral. Tanpa usul periksa, Sultan telah mengenakan hukuman buang negeri tanpa menyiasat terlebih dahulu. Nasihat al-Muluk (2004:14-16), juga menjelaskan bahawa raja yang adil lebih baik daripada bakti 70 tahun dan raja yang adil mendapat naungan Allah pada hari kiamat iaitu syurga. Laknat Allah akan menimpa sultan yang tidak adil atau dusta dan orang tua yang melakukan zina. Konsep ini gagal dihayati dan difahami oleh Sultan Hussain dan Tengku Perabu. Begitu juga nasib Tengku Andak yang terpaksa bernikah dengan Tambi tanpa mendapat persetujuannya:

> **Lalulah disembahkan pada Yang Dipertuan**
> **mengatakan Tengku Jalil jahat kelakuan**
> ke sana ke mari
> mengusik perempuan
> patik mendengar sangatlah maluan
>
> **Dititahkan ke Pahang bersegera-segera**
> **dengan Tengku Perabu empunya bicara**
> dari halnya tuanku tidaklah kira
> dirinya baginda datangnya cidera
>
> **(Syair Tengku Perabu, 1994:58-69).**

> Aku nan bini raja bernegeri
> sekaliannya pun tahu kanan dan kiri
> **baiklah Si Andak pulak ku beri**
> **kepada Tambi menjadi isteri**
>
> **(Syair Tengku Perabu, 1994:72).**

> Bermula raja yang adil itu barang yang siapa adil ia pada antara segala hambanya, dan takut ia daripada aniaya, dan binasa. **Dan raja aniaya itu celaka ia, tiada tinggal kerajaannya itu, dan tiada ia kekal.** Dari kerana bahawasanya nabi sallallahu alaihi wassalam berkata, "Bermula kerajaan itu kekal ia serta yang kafir dan tiada kekal serta yang aniaya

(Nasihat al-Muluk, 2004:63).

Nasihat al-Muluk (2004:249), turut menjelaskan berkaitan hak ayah untuk mengahwinkan anak-anak perempuannya dengan lelaki yang baik agama dan akhlaknya namun hak puterinya sendiri telah diabaikan oleh Sultan. Sebaliknya, Sultan bersetuju dengan pilihan Tengku Perabu yang memilih Tambi sebagai menantunya untuk kepuasan dirinya. Nasihat al-Muluk turut menjelaskan wanita tidak ketinggalan dalam membentuk keperibadian seorang pemimpin dan membentuk keharmonian negeri. Kehancuran, perbalahan serta pembunuhan juga sering terjadi dalam karya-karya historiografi yang berpunca daripada golongan wanita. Justeru, Iman al-Ghazali turut menekankan perihal yang berkaitan dengan keperibadian wanita, terutama mereka yang bergelar isteri kepada raja. Menurut Imam al-Ghazali, wanita memiliki banyak sifat. Justeru, pemimpin (suami) harus berakal dalam membentuk keperibadian mereka:

> Dan sifat segala sesuatu daripada mereka itu menyerupai sifat segala haiwan. Maka suatu ia seperti babi, kedua seperti kera, ketiga seperti anjing, keempat seperti ular, kelima seperti baghal, keenam seperti kala, ketujuh seperti tikus, kelapan seperti burung, kesembilan seperti luak dan kesepuluh seperti kambing

(Nasihat al-Muluk, 2004:208).

Tafsiran ini bermaksud binatang-binatang ini mencerminkan keperibadian wanita. Frasa sifat babi yang dimaksudkan dalam Nasihat al-Muluk ialah seorang yang tamak dan tidak pernah puas dengan apa yang diperolehi, tidak mengikut lunas agama seperti solat, puasa dan lain-lain perkara berkaitan agama, dan tidak memelihara anak-anaknya dan melakukan perkara yang dilarang oleh agama. Adat kera pula suka bermegah-megah dengan kemewahan dan tidak menghormati suami. Adat kala pula wanita yang suka berkelahi, dengki dan membuat fitnah. Tikus pula ialah wanita yang suka mencuri (Nasihat al-Muluk, 2004:209-210). Petikan di atas telah memperlihatkan kesahihannya melalui sikap Tengku Perabu yang tidak mempunyai nilai-nilai moral seperti yang terdapat dalam Nasihat al-Muluk. Keruntuhan akhlak Tengku Perabu adalah disebabkan oleh suaminya tidak menggunakan akal untuk membentuk sahsiah isteri yang baik; sebaliknya membenarkan Tengku Perabu melakukan hal-hal yang hanya berlandaskan nafsunya.

Kesimpulan

Keadilan merupakan teras utama yang harus dimiliki oleh raja. Raja yang memerintah tanpa akal diibaratkan 'orang buta kehilangan tongkat'. Ketidakadilan bukan sahaja memberi kesan kepada sistem pemerintahan tetapi turut dirasai oleh rakyat kerana mereka akan terus dizalimi. Syair Tengku Perabu memperlihatkan nilai-nilai tempang yang dimiliki oleh pemerintah Singapura. Oleh itu, watak Sultan Hussin dan Tengku Perabu gagal menghayati konsep keadilan seperti yang terdapat dalam Nasihat al-Muluk. Walaupun karya ini berbentuk kritikan, ideologi utama pengarangnya untuk menjadikan konsep keadilan raja sebagai strategi utama dalam penceritaannya telah tercapai. Strategi yang digunakan oleh pengarang Syair Tengku Perabu bukan hanya bertujuan untuk mengkritik tetapi pada masa yang sama, memberi nilai-nilai pengajaran kepada pemerintah seterusnya, khususnya untuk menjadi seorang raja yang berkaliber.

Rujukan

Bal Mike. (2017). Narratology Introduction to The Theory Of Narrative. Toronto Buffalo.London: University Of Toronto Press.

Imam al-Ghazali. (2006). Nasihat al-Muluk Nasihat kepada Raja-raja. Penyelenggara. Jelani Harun Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Jelani Harun. (2003). Pemikiran Adab Ketatanegaraan Kesultanan Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

'Ini Syair Tengku Perabu di Negeri Singapura Adanya'. (1994). Dalam Syair Tantangan Singapura Abad Kesembilan Belas. Penyelenggara Muhammad Haji Salleh. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muhammad Haji Salleh. (2019). "Mendenkonstruksi Kuasa Melayu" dalam Jelani Harun dan Rogayah A. Hamid. (ed). (2019). Kedaulatan dan Kekuasaan Melayu dalam Teks Sastera. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rahimah Hamdan & Arba'ie Sujud. (2018). 'Duka Yang Bertakhta': Adab Pemerintah Dalam Dua Karya Kesusasteraan Melayu Tradisional' dalam JMS Vol. 1 Issue 1 (2018): 233-272.

Wan Azmi Ramli. (1997). Strategi dan Taktik Bertindak. Kuala Lumpur: Golden: Books Centre Sdn.Bhd.

Dr Wan Roshazli Wan Razali

memperoleh Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah dari Universiti Sains Malaysia dalam bidang kesusasteraan. Bidang yang ditekuni ialah kesusasteraan Melayu klasik dan bandingan. Menjadi tenaga pengajar sambilan dalam bidang kesusasteraan klasik dan moden di Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh Universiti Sains Malaysia.





PEMBANGUNAN DARI SUDUT PANDANGAN MOHAMED LATIFF MOHAMED

Oleh Liyana Nasyita Shukarman

Apabila kita membicarakan tentang pembangunan, dengan cepat kita akan mengaitkan topik ini dengan pencapaian ekonomi, akumulasi kapital ataupun pemaksimuman kapital dalam sesebuah masyarakat ataupun negara. Namun, apabila difahami dalam bentuk wacana, pembangunan merupakan satu isu yang luas kerana cakupannya tidak tertakluk kepada sudut ekonomi sahaja.

Sejak kemerdekaan, wacana dominan tentang pembangunan di Singapura sering menumpukan perhatian besar kepada kemajuan ekonomi dan fizikal. Namun, kebelakangan ini, terdapat satu penilaian kembali tentang model pembangunan di negara ini. Hal ini dapat dilihat dengan jelas melalui Pilihan Raya Umum 2020 dalam mana terdapat rasa tidak puas hati yang semakin mengembang tentang kos kehidupan, pengangguran, dan jurang pendapatan yang semakin melebar di Singapura.

Walaupun demikian, permasalahan pembangunan sudah dilakukan lebih awal oleh golongan sasterawan Melayu Singapura seperti Mohamed Latiff Mohamed. Seawal 1970-an, Latiff telah menulis karya-karya yang menyoal ideologi dominan di Singapura. Melalui puisi-puisi, cerpen-cerpen dan novel-novelnya, keberpijakan moral Latiff jelas kerana beliau sering menyeru masyarakat untuk menyemak semula kesan-kesan daripada pembangunan ekonomi dan menekankan kepentingan aspek-aspek pembangunan dari segi manusiawi dan sosial.

Esei ini akan membincangkan visi pembangunan Mohamed Latiff untuk masyarakat Melayu khususnya dan Singapura secara amnya melalui karya-karya beliau.

Kesan Pembangunan pada Masyarakat Terpinggir

Mohamed Latiff dengan tuntas mengangkat persoalan pembangunan dalam salah sebuah karya beliau, *Kota Airmata* (2013), yang ditulis pada tahun 1977. Novel ini berlatarkan zaman 1970-an ketika Singapura menjalani penempatan semula (*resettlement*) dari kampung ke rumah pangsa. Dalam novel ini, Mohamed Latiff mempermasalahkan idea pembangunan dan kemajuan. Kedua-dua idea yang sering dikaitkan dengan keselesaan dan perkembangan ini, telah diterima dengan relanya oleh masyarakat dominan dan tidak dipertikaikan. Namun, Mohamed Latiff menggambarkan derita mereka yang terpinggir dari segi sosioekonomi dalam proses pembangunan ini.

Kehidupan perit yang dialami Ani tampak jelas dalam novel ini kerana remaja wanita ini sering mengalami tekanan dan beban yang berterusan untuk mencari sesuap nasi dan membayar yuran sekolah. Keluarga Ani bukan sebuah keluarga nuklear (keluarga yang lengkap) yang dianggap 'normal' mengikut standard negara. Bapanya seorang kaki botol dan menganggur dan adik-beradiknya ada yang dipenjarakan atau sering kali tiada di rumah. Ani hanya mampu bergantung kepada ibunya yang mendapat upah mencuci baju dan teman baiknya, Siti untuk mengadu keperitan hidupnya.

Cerita Ani memberi gambaran sebuah masyarakat yang sedang bergelut dengan sistem kapitalisme di dalam sebuah ekonomi yang berkembang dengan cepat. Dalam proses menyesuaikan diri dan mencuba untuk bertahan dalam sebuah sistem yang mencabar, sering kali Mohamed Latiff menunjukkan betapa ramai, terutama



sekali masyarakat Melayu yang telah disalahalihkan[1] secara sosioekonomi kerana mereka disulitkan oleh struktur dan susunan kapitalisme yang dahsyat.

Di sini, dapat dilihat bahawa masyarakat Melayu diharuskan untuk bertahan dan melalui pembangunan ekonomi supaya mereka tidak 'ketinggalan'. Hal ini boleh dilihat sebagai satu paksaan atau *coercion* dalam ideologi kapitalisme dan pragmatisme negara yang lebih besar (Velayutham, 2007). Hal ini telah digambarkan oleh Mohamed Latiff dengan jelas apabila beliau menujukkan cara masyarakat Melayu dipertanggungjawabkan kerana mereka 'gagal' atau 'tidak boleh' mencapai kemajuan seperti masyarakat lain. Dalam *Kota Airmata*, beliau menyoalkan wacana dominan tentang kemunduran masyarakat Melayu dari segi pembangunan yang lazimnya berteraskan teori defisit budaya (*cultural deficit theory*). Secara umumnya, teori ini menjelaskan bahawa keterbelakangan sesebuah masyarakat itu disebabkan oleh nilai kebudayaan dan perwatakan masyarakat itu sendiri. Hal ini menyebabkan sebab-sebab ideologi dan struktural diketepikan dalam menjelaskan masalah sosioekonomi yang melanda masyarakat Melayu.

Contohnya, guru Ani dengan cepat melabelkan Ani yang sering kali tidak dapat membayar yuran sekolah dan peperiksaan sebagai "masalah orang Melayu": "...Orang-orang kita memang begitu, jika soal pelajaran anak, yuran $4.00 sebulan tak mampu, tetapi jika menonton wayang Hindustan lima kali sebulan boleh... Entahlah saya tak tahu apa hendak cakap lagi, tentang sikap cuai orang kita ni!" (Mohamed Latiff, 2013: 10-11). Namun, keadaan sosioekonomi Ani yang amat terbatas tidak dihiraukan oleh gurunya. Gurunya tidak mempertimbangkan bahawa hanya ibu Ani sehelai sepinggang yang mencari rezeki untuk keluarganya dengan duit upah yang tidak lumayan. Tambahan pula, Ani gagal untuk mendapatkan sebarang biasiswa.

Mohamed Latiff juga mencelikkan kita tentang ketidakpedulian masyarakat terhadap mereka yang terpinggir dari

segi ekonomi dalam sebuah kota seperti Singapura, yang dianggap oleh guru Ani sebagai sebuah negara yang amat maju: "sangka (Cikgu Majid), semua orang-orang kita kaya-raya, semuanya senang-lenang, semuanya mewah seperti hidupnya... manakan día percaya ada orang miskin seperti Ani dalam kota besar begini..." (Mohamed Latiff, 2013: 12).

Cerita Ani dalam *Kota Airmata* sayangnya berakhir dengan tragis. Keperitan hidupnya menjadi lebih rumit apabila dia hamil akibat dirogol oleh seorang yang dia tidak kenali. Oleh sebab malu, tekanan dan kemurungan yang teramat sangat, dia membunuh dirinya. Ani tidak mendapat sokongan utuh dari segi moral ataupun bantuan kewangan daripada orang sekelingnya dan hal ini telah menyebabkannya keruntuhan dirinya.

Sejauh ini, kita dapat melihat cara Mohamed Latiff mengetengahkan kesukaran hidup yang teramat dan kitaran negatif (*vicious cycle*) yang dialami oleh mereka yang disalahalihkan[2] dari segi sosioekonomi terutama sekali kerana idea-idea pembangunan yang berteraskan kapitalisme di negara ini. Perkara yang lebih penting ialah kematian Ani yang tidak diendahkan. Penduduk bandar Singapura digambarkan seolah-olah meneruskan kehidupan seharian mereka setelah membaca laporan berita kematian Ani. Di sini, Mohamed Latiff ingin menekankan sikap masyarakat Singapura yang pada umumnya tidak bersifat empati kerana mereka tidak menyoal sebab Ani, seorang gadis yang muda telah membunuh dirinya – seolah-olah mereka sudah terbiasa dengan berita sebegini.

Kepedulian Mohamed Latiff terhadap hak asasi dan harkat masyarakat terpinggir seperti Ani jelas kerana beliau menyedarkan kita tentang keperitan hidup yang telah disenyapkan oleh naratif pembangunan dan kemajuan yang lebih besar dan dominan. Penulis seperti Mohamed Latiff menyeru masyarakat untuk menumpukan perhatian kepada aspek-aspek manusiawi dalam pembangunan, seperti kebajikan dan keperluan psikologi mereka..Bagi Mohamed Latiff, disebabkan model pembangunan yang dikejarkan, cara kehidupan di Singapura telah melahirkan masyarakat yang tidak berperikemanusiaan (Mohamed Latiff, 2013: 13-14).

Satu lagi karya Mohamed Latiff yang mengkritik model pembangunan di Singapura ialah cerpennya, *Nostalgia yang Hilang* (2004). Cerpen ini menceritakan tentang seorang pemuda Singapura yang disatukan kembali dengan abangnya yang telah bermastautin di London selama 30 tahun. Dalam perbualan dua adik-beradik ini, kita dapat lihat permasalahan Mohamed Latiff tentang takrif pembangunan: "...perubahan dan pembangunan itu baik, tapi ia perlu seimbang dengan perkembangan rohani dan kemantapan kebudayaan sesuatu bangsa...khuatir...kamu akan berada di gaung pembangunan. Tetapi kamu semua berbogel di sana. Tak ada pakaian yang menyaluti tubuh." (Mohamed Latiff, 2004: 28).

Bagi Mohamed Latiff, pembangunan tidak menjanjikan kemajuan. Bagi beliau, sesebuah negara tidak seharusnya hanya menumpukan perhatian kepada pembangunan ekonomi sahaja. Pemindahan masyarakat ke rumah moden, pembinaan pencakar langit dan prasarana hebat tidak bermakna sesebuah negara atau masyarakat itu terbangun dari segi idea dan nilai. Baginya, pembangunan tidak boleh diukur menggunakan aspek-aspek materi sahaja, tetapi pembangunan sepatutnya menjadi gagasan dan ideal yang merangkumi aspek moral dan sifst-sifat luhur dan manusiawi.

Di satu sisi, ketika naratif dominan di Singapura meraikan kemajuan dan pembangunan ekonomi, karya-karya oleh sasterawan tempatan seperti Mohamed Latiff mengingatkan kita tentang jerih payah sesetengah masyarakat yang terhimpit dengan kesusahan di kota yang maju seperti Singapura. Beliau mencelikkan kita tentang kesan-kesan daripada mengejar hal materi dan mengkehadapankan dimensi manusiawi dalam pembangunan.

Melalui tulisannya, beliau juga mengajak kita untuk memikirkan visi-visi pembangunan alternatif, yang juga dihujahkan oleh sarjana-sarjana seperti Walter Mignolo (2012). Mignolo berpendapat bahawa kebanyakan negara yang telah mengutamakan perkembangan dan pembangunan ekonomi telah mengetepikan akibat dan kesan dalam memenuhi matlamat ini.

Ekonomi-eknomi yang berteraskan model kapitalisme Barat "telah mewujudkan ketidaksamarataan ekonomi, peperangan untuk mendapatkan sumber semula jadi dan telah mendorong masyarakat untuk mempercayai bahawa kebahagian hanya boleh dikecapi dengan memperoleh komoditi ataupun barangan." (Mignolo, 2012). Lantas, penting bagi masyarakat untuk memikirkan tentang visi pembangunan yang lebih seimbang dan dapat dikekalkan secara berterusan sepertimana yang dipersoalkan Mohamed Latiff dalam karya-karya beliau.

Kritikan Orientasi Agama dan Representasi Kolektif

Mohamed Latiff juga mengambil berat tentang pembangunan sosial masyarakat Melayu Singapura sepertimana dilihat dalam cerpen-cerpennya, "Nazar" dan "Komputer". Dalam kedua-dua kisah ini, Mohamed Latiff menyeru masyarakat untuk menerima pemodenan supaya dapat terus ke depan.

"Nazar" mengisahkan seorang lelaki yang menghidap barah otak tetapi beliau tidak mahu menjalani pembedahan untuk membuang tumbuhan di dalam otaknya. Anaknya cuba sedaya upaya untuk meyakinkan beliau dengan menjelaskan secara saintifik bahawa pembedahan itu amat diperlukan, tetapi lelaki ini masih enggan.

Rakan baik lelaki ini juga cuba menasihatinya untuk menjalani pembedahan tersebut kerana beliau harus bewrusaha untuk mendapatkan rawatan, namun, rakannya juga gagal meyakinkannya. Keengganan lelaki ini juga boleh disebabkan oleh ayahnya yang merupakan seorang dukun yang berpendapat bahawa pembedahan itu lebih membahayakan: "Jangan bedah. Mereka nak bedahkau macam ikan. Jangan. Nanti kaugila kalau tak mati." (Mohamed Latiff, 2004: 54).



Malah, ayahnya berniat untuk membawanya berjumpa seorang kenalannya di Indonesia yang boleh merawatnya: "...dia banyak mengubat orang yang sakit barah, orang putih pun berubat dengan dia. Tak payah bedah. Dia pegang saja kepala kau, dengan jampinya kalau diizinkan Tuhan, boleh sembuh." (Mohamed Latiff, 2004: 54). Kisah ini berakhir dengan doa yang dipanjatkan oleh pesakit barah ini secara berterusan kerana dia percaya bahawa dia sudah berusaha dengan berdoa dan mengharapkan perubatan tradisional ayahnya.

Dalam cerita ini, Mohamed Latiff menukil satu contoh representasi kolektif yang diamalkan oleh masyarakat Melayu yang berleluasa pada zaman 1970-an hingga 1990-an, yang sudah tentu memberi kesan negatif terhadap kemajuan dan pembangunan. Representasi kolektif merujuk kepada "konsep atau idea yang dihasilkan mengenai objek-objek atau peristiwa-peristiwa yang berbeza daripada pengalaman empiris tanpa melibatkan unsur magis, agama ataupun ghaib." (Alatas, 1972).

Hal ini termasuk mitos, magis, kultus, ritual keagamaan, adat, amalan, kelakuan, peristiwa dan lain lain. Menurut Alatas, representasi kolektif amat berleluasa di Asia Tenggara dan salah satu kesan daripada representasi kolektif sebegini ialah "masyarakat Asia Tenggara akan lamban dalam melahirkan dan mengembangkan sikap saintifik" yang tentunya akan menjejas proses pemodenan dan memberi dampak kepada perkembangan (Alatas, 1972).

Melalui cerpen "Nazar", Mohamed Latiff mengingatkan masyarakat kita bahawa masalah tidak dapat diselesaikan dengan bergantung kepada cara-cara tidak saintifik dan tidak rasional. Beliau juga menegaskan bahawa kepercayaan terhadap agama ataupun tuhan dalam menyelesaikan sesuatu masalah harus dibekali dengan usaha dan inisiatif.

Dalam cerpen "Komputer", Mohamed Latiff mengkehadapankan isu yang menjejas masyarakat Melayu di Singapura iaitu pandangan ataupun orientasi tradisionalisme dalam pemahaman dan amalan agama ketika berhadapan dengan perkembangan teknologi. Berlatarkan zaman 1990-an, "Komputer" mengisahkan seorang pemuda yang hidupnya terkesan dengan pembelian sebuah komputer. Dia mencuba sedaya upaya untuk meyakinkan ayahnya bahawa komputer ini amat penting untuk keperluan kerja sehariannya tetapi ayahnya berkeras hati dan berpendapat bahawa alat moden ini telah membuat pemuda ini "terpukau dengan benda-benda syaitan" (Mohamed Latiff, 2004: 95).

Di sini, kita dapat melihat bahawa orientasi agama Islam tradisionalis yang menganggap perubahan dan pemodenan sebagai satu yang bercanggah dengan Islam. Tradisionalisme menurut Mannheim (1986) merujuk kepada cara pemikiran yang berpaut "kepada cara-cara lama" dan menentang pembaharuan atau inovasi (Mannheim, 1986). Pendapat Mohamed Latiff tentang orientasi agama sebegini dapat dilihat dalam cerpen ini apabila pemuda ini menjelaskan kepada ayahnya bahawa komputer itu sesuatu yang logik sama seperti agama (Mohamed Latiff, 2004: 95).

Lantas, kita dapat melihat Mohamed Latiff mendorong masyarakat untuk benar-benar mempertimbangkan dan memikirkan tentang pengenalan teknologi dalam kehidupan seharian mereka dan tidak hanya menolak pembaharuan ini dengan cepat kerana takut menjadi syirik.

Mempertimbangkan kegunaan teknologi juga bermaksud menggunakan alat-alat teknologi dengan cara yang berguna dan berhemah sepertimana yang ditunjukkan oleh Mohamed Latiff dalam cerpen ini. Pemuda dalam cerita ini akhirnya dalam keadaan yang tertekan kerana dia telah menggunakan internet untuk mencari jangka hayatnya dan ayahnya. Dalam cariannya, dia dimaklumkan oleh sebuah laman web bahawa dia akan hidup tiga bulan lagi dan ayahnya pula lima tahun.

Di sini, Mohamed Latiff mempersendakan kenaifan seperti itu dan mengingatkan pembacanya bahawa walaupun teknologi

mempunyai kemampuan untuk menduga corak kehidupan, seorang itu sepatutnya masih dibimbing oleh kepercayaan terhadap qadak dan qadar. Hal ini supaya kita tidak lalai oleh sebab tarikan teknologi dan menjadi terpisah daripada kenyataan seharian. Lantas, Mohamed Latiff mencadangkan supaya masyarakat Melayu kita menggunakan teknologi dengan seimbang.



Ke depan: Harapan dalam Menentang Ideologi Dominan

Cara penulisan Mohamed Latiff lazimnya sarkastik, sinis, pesimis dan terus terang. Namun, sebagai penulis yang serba boleh, beliau juga menulis banyak karya yang menanamkan semangat keberharapan dalam masyarakat. Hal ini dapat dilihat dalam sajak-sajaknya seperti "Melayu" dan "Melayu Baru" kerana beliau mengajak masyarakat Melayu untuk terus berani menghadapi cabaran. Dalam sajak "Melayu" (2001), Mohamed Latiff menentang dan melawan naratif dominan yang mengatakan bahawa Melayu itu malas:

Melayu itu bukanlah lemah
dan letih

Mengalah pada cinta

Remuk pada takdir

Yang sarat dengan dengki
dan mungkir

Melayu adalah:

Akan menerjang bila
gelanggang terbuka

Menikam berdarah tiada

Hal ini juga sama dalam sajak "Melayu Baru" (2004), yang mana Latiff menyinggung visi Melayu Baru. Bagi Mohamed Latiff, visi ini harus diukur menggunakan kayu ukur yang lebih universal dan bukannya hal-hal materi dan ekonomi, seperti difahamkan dalam projek Melayu Baru di Malaysia, iaitu sebuah projek yang bertujuan untuk mencipta dan mengembangkan kelas pertengahan di sana (Shamsul, 1997).

Melayu baru itu kenal
derita bangsa

Tidak sombong dan
tidak serakah

Rela berkorban darah
dan airmata

Demi bangsa dan anak manusia.

Melayu baru itu sebenarnya
seorang peguam yang berani

Seorang jurutera yang berbudi

Seorang doktor yang
tinggi pekerti

Seorang wakil rakyat
yang bestari

Melayu baru itu seorang ulama
penentang hipokrasi

Seorang wira pejuang tulen
nafas demokrasi

Seorang mukmin yang bersih
hati dan nurani

Dalam sajak ini, Mohamed Latiff juga menekankan kepentingan adanya intelektual yang terdorong oleh ideal-ideal sejagat dalam memimpin masyarakat ke arah kemajuan dan pembangunan.

Topik tentang perlunya golongan intelektual yang berfungsi dalam masyarakat juga digariskan oleh Alatas (1987). Menurut beliau, golongan intelektual yang berfungsi merujuk kepada ahli-ahli intelektual yang mampu (a) mengajukan masalah, (b) menakrifkan masalah, (c) menganalisis masalah dan (d) menyelesaikan masalah. Ketiadaan intelektual yang berfungsi akan bermakna ketiadaan kepimpinan dalam bidang pemikiran. Visi pembangunan juga akan terjejas kerana pokok masalah keterbelakangan sesebuah masyarakat tidak dikenal pasti dengan betul (Alatas, 1987).

Sejauh ini, kita dapat melihat visi pembangunan Mohamed Latiff melalui karya-karyanya dan keberpijakan moralnya dalam menyoalkan kesan-kesan negatif akibat pembangunan ekonomi.

Mohamed Latiff telah menyinggung pelbagai isu mengenai pembangunan sosial dan manusiawi dalam masyarakat Melayu Singapura dan masyarakat Singapura pada umumnya. Walau bagaimanapun teruk kesan pembangunan yang dikejar di sini, Mohamed Latiff tidak berputus asa dan terus membangkitkan harapan dalam masyarakat untuk berdaya tahan dan mengatasi cabaran.

Memperbaiki idea dan definisi kemajuan dan pembangunan kita adalah proses yang rumit dan mencabar tetapi tidak mustahil. Sekiranya dalam masyarakat yang sangat kompetitif ini, bintang selalu melambangkan pencapaian ekonomi dan akademik, pasti ada cara untuk membina sebuah negara yang mana cita-cita dan aspirasi masyarakatnya tidak hanya berlandaskan wang dan harta, tetapi kekayaan nilai moral dan kemanusiaan juga.

[1] Istilah yang saya gunakan dalam kertas ini untuk rujuk kepada 'displacement'.
[2] Istilah yang saya cipta untuk rujuk kepada 'displacement'.

Rujukan

Bearman, P. 1991. The Social Structure of Suicide. *Sociological Forum*, 6(3), 501-524. http://www.jstor.org/stable/684516 [12 April 2021]

Fukuyama, F. 1992. *The End of History and The Last Man*. Harmondsworth: Penguin.

Mohamed Latiff Mohamed. 2013. *Kota Airmata*. Singapura: Cokelat.

Mohamed Latiff Mohamed. 2004. *Nostalgia yang Hilang: Cerpen-cerpen Pilihan 1982-2002*. Kuala Lumpur: Pekan Ilmu Publications Sdn. Bhd.

Mannheim, K. 1986. *Conservatism: a Contribution to the Sociology of Knowledge*. London: Routledge.

Mignolo, W. 2012. *Neither Capitalism nor Communism, but Decolonization: Interview with Walter Mignolo (Part I)*. Dipetik daripada http://criticallegalthinking.com/2012/03/21/neither-capitalism-nor-communism-but-decolonization-an-interview-with-walter-mignolo/ [10 Jun 2021]

Shamsul, A.B. 1997. The Economic Dimension of Malay Nationalism: The Socio-historical Roots of the New Economic Policy and its Contemporary Implications, *The Developing Economies*, 35 (3), 240-261.

Velayutham, S. 2007. *Responding to Globalization: Nation, Culture and Identity in Singapore*. Singapura: ISEAS.

Liyana Nasyita Shukarman

ialah seorang siswazah berkelulusan ijazah Sarjana Muda jurusan Pengajian Melayu dari Universiti Nasional Singapura (NUS). Kini, beliau sedang melanjutkan pengajiannya di peringkat Sarjana di Jabatan Pengajian Melayu NUS juga. Bidang kajian yang diminatinya termasuk isu pembangunan dan hubungan sastera dengan masyarakat. Dahulunya seorang penggiat tarian Melayu tradisional dan kontemporari, beliau minat melestarikan warisan, bahasa dan budaya Melayu dan telah dilantik sebagai Teman Warisan oleh Yayasan Warisan Melayu (MHF) pada tahun 2021.







MEMORI, NALURI DAN NURANI BANGSA DALAM KARYA *ANAK PANGLIMA AWANG*

Hasil Tulisan Harun Aminurrashid

Oleh Muhammad Ilyia Kamsani

Tradisi novel-novel sejarah memang tidak asing lagi dalam ranah kesusasteraan serantau. Salah satu tokoh sastera yang memanfaatkan pendekatan ini merupakan Harun Aminurrashid; juga dikenali sebagai Pak Harun. Salah satu karya mapannya ialah novel *Anak Panglima Awang (APA)* yang diterbitkan pada tahun 1961. Sambungan daripada novel *Panglima Awang* ini mengisahkan tentang perjuangan Tun Mahmud, atau Bujang, anak kepada Panglima Awang, yang ingin mengembalikan kedaulatan masyarakat di Alam Melayu sewaktu zaman penjajahan pihak Peringgi.

Emosi yang terkesan dengan komitmen penulis bertujuan untuk memecahkan stereotaip tentang orang-orang Melayu baik pada mata orang luar mahupun masyarakat Melayu sendiri. Ia dilakukan dengan adunan ceritera yang indah, cermat dan melalui pengisian yang memperlihatkan satu sisi keperibadian orang Melayu yang jarang diangkat lebih-lebih lagi ketika memperkatakan tentang perjuangan bangsa. Makalah ini akan merujuk pada novel *Anak Panglima Awang* dan memerikan perihal yang berikut:

1. Sejarah; 2. Nasionalisme rasional; dan 3. Keadilan sosial

Sejarah sebagai Memori Bangsa

Rakaman sejarah tidak harus disusutkan kepada pendokumentasian tentang fakta-fakta silam dengan tujuan untuk bernostalgia semata. Kesan-kesannya terkadang mengukuhkan kepasifan dan mengaktifkan pengalaman. Hal ini sebegini kerana yang didengar atau dibaca itu boleh mengubah suatu pandangan dunia, persepsi dan perwatakan diri. Seperti yang diterangkan Zinn (1990:35), *"I start, therefore, from the idea of writing history in such a way as to extend human sensibilities, not out of this book into other books, but into the going conflict over how people shall live, and whether they shall live."*

Jelas sekali daripada ketukangan penulis, Pak Harun telah cuba menghidupkan dan mencipta semula bibit-bibit sejarah demi membangkitkan kesedaran kebangsaan. Perihal ini konsisten dalam karya-karya beliau yang lain seperti Wan Derus, Panglima Awang dan Mahmud Shah Melaka. Ini membuktikan bahawa Pak Harun faham akan manfaat sejarah yang bersifat *'social construct'*, demikian terimaginasi satu memori kolektif yang harus dihargai dan difikir-ulang dengan penaakulan kritis sebelum layak diwarisi dan diingati. Beliau sendiri mengakui bahawa novel-novelnya bermaksud untuk *"give a new life to the elements of history. The society knows itself - because only by knowing our history we may know ourselves. Our identity."* (Abdullah, 2006:391).

APA yang berlatarkan keadaan Alam Melayu setelah penaklukan Melaka pada tahun 1511 mencerminkan keadaan genting sosiopolitik dan sosioekonomi di rantau itu. Inilah yang harus diteliti supaya pengisian perjuangan antikolonialisme Tun Mahmud bersama angkatan Panglima Leman dari Aceh itu tidak diromantisasikan. Tambahan, adunan kisah *APA* mengajak kepada pemerian gagasan-gagasan yang lebih besar biar padat terpahat dalam memori bangsa, supaya pembaca tidak menderita daripada *'structural amnesia'* atau *'social amnesia'* iaitu memori yang disingkirkan atas nama konformisme terhadap perkembangan kedinamikan sosial sesebuah masyarakat tanpa pertimbangan semula (Jacoby, 1975). Ia boleh menjurus kepada penilaian sejarah yang bersifat apologetik. Sudah terbukti penulis tidak inginkan sejenis cita emosi bangsa yang mundur.

Maka tidak keterlaluan untuk mengatakan bahawa antara sebab mengapa Pak Harun menghasilkan *APA* adalah supaya bukan saja ia menjadi satu kebanggaan bangsa malah satu misi dan peluang untuk memajukan tugas-tugas pemikiran atas jalan kebenaran dan keadilan demi mencipta suatu tamadun baharu – suatu budaya baharu yang telah dicerdaskan pemikiran yang terkedepan. Tegas Lavrov (1967):

> ***...among the inherited customs of every civilisation is the custom of critical inquiry – and it is this which gives rise to the humane element of history – to the need for development, ...to work of thought... To the extent that the work of thought – the critical attitude toward one's culture – is vigorous in society... Thought is the only factor which humanises social culture.***
>
> (h. 150)

Nasionalisme Rasional sebagai Naluri Bangsa

Termaktub sudah dalam sejarah bahawasanya nasionalisme merupakan landasan utama demi melawan kolonialisme serta dalam mendirikan sebuah negara bangsa. Umumnya, prestasi nasionalisme boleh dibahagikan kepada dua sifat: yang rasional dan yang tidak rasional. Smith (1988) dan Said (1996) mencirikan nasionalisme rasional sebagai sesuatu yang positif seperti, antara lain, mempertahankan maruah bangsa, menentang penjajahan, menggalak kemakmuran bangsa, membela nilai dan hak asasi manusia.

Sebaliknya, nasionalisme tidak rasional pula merujuk kepada perkara-perkara negatif seperti xenofobia, cauvinisme, militerisme termasuk dan juga *ethnic cleansing*. Amat nyata sekali, *APA* berpijak kepada nasionalisme rasional. Perjuangan kebangsaan yang dibayangkan bukanlah sekadar yang mendabik-dabik dada tetapi ingin mengembalikan hak milik kewarganegaraan masyarakat selayaknya. Inilah yang disaksikan Pedro, seorang tawanan perang angkatan Bujang, yang akhirnya tersedar tentang kejahatan pihak penjajah:

> **Hamba telah mengerti sekarang mengapa orang-orang Acheh dan orang-orang Melayu bermati-mati menyerang Peringgi itu, kerana hendak membebaskan Tanah Melaka... dari menjadi pengkalan lanun Peringgi yang mengganas dan merampas kekayaan Alam Melayu.**
>
> (h. 326)

> **...mereka semua marah kepada orang-orang Peringgi yang menjalankan kerja paksa kepada orang-orang di Alam Melayu ini yang... dijadikan hamba tebusan, diseksa kemudian... memaksa orang-orang Melaka menjadi Nasrani...**
>
> (h. 291)

Menurut penulis dalam *APA* lagi, meragut hak orang lain itu pasti sekali mesti dilawan habis-habisan dan harus dilakukan dengan kesedaran dan kebertanggungjawaban bersama:

> **...marilah kita pimpin orang-orang Johor itu mengerti akan nasibnya yang sedang terhimpit oleh kezaliman Peringgi yang memaksa menyerahkan segala kekayaan hasil negeri itu kepada penyamun dari Atas Angin itu.**
>
> (h. 298)

Kesedaran mesti berpunca dengan mewujudkan perpaduan dan rasa kekitaan sesama manusia. Fanon (2004) menjelaskan bahawa ekspresi kehidupan sesebuah bangsa itu merupakan kesedaran kolektif seluruh rakyatnya, tiada yang terkecuali dan bukan di pundak golongan elit atau para pemimpin sahaja. Sifat mementingkan diri sendiri tiada ruangnya:

> **Kami memandang nasib orang-orang kita Melaka dan Johor yang sekarang sedang dirosakkan oleh orang-orang Peringgi itu terasa juga kepada kami... Begitulah rapatnya perhubungan tali persaudaraan kita seAlam Melayu ini.**
>
> (h. 286)

Perbicaraan mengenai nasionalisme saling bersangkut-paut dengan persoalan-persoalan identiti bangsa, agama, budaya dan struktur politik. Dalam *APA*, sisi peribadi Islam itu jelas merakamkan pengisian nasionalisme yang sangat bertoleransi dan bukan seperti sikap ekstremisme dan radikalisme agama yang berkecenderungan terhadap keganasan dan *separatism*. Islam itu kedamaian dan ia berdiri atas *rahmatan lil alamin* – keadilan dan kebaikannya, mencakupi sekalian alam:

> **Hamba fikir orang Nasrani itu tentulah bukan saperti orang Peringgi... hamba percaya orang Nasrani itu sama seperti kita suka bercampur dengan orang-orang kita... orang Nasrani itu ialah Melaka negerinya bukan di Atas Angin sana, sebab itu tentulah ia berfikir seperti kita sayangkan negeri tempat tumpah darahnya.**
>
> (h. 308-309)

Keadilan Sosial sebagai Nurani Bangsa

Nurani tidak boleh berpisah daripada pertimbangan etika yang sarwajagat. Ia merujuk kepada kompas moral dan intuitif seseorang – perasaan yang paling dalam berkenaan salah betulnya sesuatu tindakan atau perbuatan. Begitu juga kalau disebut tentang nurani bangsa, ia merangkumi nilai-nilai murni dan keutamaan kolektif sesebuah masyarakat dalam pembentukan dan pemupukan prinsip kemanusiaannya. Benih-benih perikemanusiaanlah yang wajib disemai menjadi inti sari dalam kehidupan bermasyarakat; dan tidak dapat tidak, keadilan sosial menjadi manifestasi utamanya. Menurut Miller (1979) keadilan sosial merupakan kesamarataan hak dan kebajikan setiap individu dalam berkongsi kesenangan dan kesusahan yang dialami oleh masyarakatnya. Pendirian ini menentang segala jenis diskriminasi. Keharmonian sesama manusia melangkaui ras, etnik, bangsa, budaya, agama, kelas dan lain-lain:

> **Engkau lihat di dalam lancang-lancang kami yang lain itu ada beberapa orang daripada lain-lain bangsa seperti India, Arab, Turki... mereka hidup bergaul dengan bebas dengan mendapat hak yang sama dalam hidup sehari dalam pergerakan kami ini... Kami tidak akan menyeksa kamu, kalau kamu tak mahu menjadi Islam, kamu boleh tetap dengan ugama kamu, janganlah khuatir yang kami akan merosakkan kamu.**
>
> (h. 290-291)

Pegangan sebegini jikalau dijana seawal mula dengan bersungguh-sungguh



tentu suatu hari akan berputik mekar menjadi nilai seperti empati dan sikap bertolak ansur yang membawa kepada kesejahteraan sejagat:

> **Pada mulanya hamba fikir hamba akan dibunuh dengan serta merta, sebab mengikut cakap-cakap orang-orang Peringgi, yang orang Acheh sangat kejam, tidak ada berperi kemanusiaan, mereka kata orang-orang yang tinggal di Alam Meyau ini ganas-ganas... tetapi sekarang mengertilah hamba yang tuan ketua dan orang-orang pengikut tuan ketua adalah manusia yang mempunyai belas kasihan dan bertimbang rasa...**

(h. 292)

Ciri orang Melayu sejati itu sangat menjunjung budi orang-orang yang telah berbakti kepada mereka. Perihal peminggiran punah pada kamus kemanusiaannya:

> **Kamu jangan zalimkan Pedro itu, ia telah membuat jasa kepada kita dengan membuka semua rahsia Peringgi itu kepada kita, ...berilah ia kebebasan dengan penuh.**

(h. 308)

Kebebasan ini termasuklah kebebasan beragama. Malah, menegakkan hak setiap manusia itu merupakan tuntutan dalam Islam:

> **Aku tidak mahu memaksa kamu menganut ugama Islam, kerana dalam ugama aku tidak membenarkan memaksa orang-orang yang bukan Islam menjadi Islam...**

(h. 291)

Kepimpinan juga adalah antara elemen utama dalam mendirikan keadilan sosial. Kepincangan dalam kepimpinan yang berkepentingan sendiri pasti akan memudaratkan masyarakat. Walau bagaimanapun, *APA* mengambil pendirian yang positif kerana keadilan sosial itu merupakan tanggungjawab yang mesti digalas semua pihak meskipun tertindas:

> **Biarkan orang besar-besar itu duduk bersenang di Bentan, asalkan mereka tidak datang mengacau kita dan menghasut orang-orangnya untuk memusuhi kita, aku rasa rakyat yang sedar itu lebih baik daripada orang besar-besar yang lupa dengan tanggungjawabnya sebagai pemimpin rakyat...**

(h. 298)

Kesimpulan

Memang sukar dinafikan bahawa Pak Harun memerikan gagasan-gagasan penting yang saling melengkapi satu sama lain. Beliau memadatkan nilai-nilai dengan penuh yakin dan telaten. Usahanya ini cukup luar biasa kerana inti pati kisah *APA* masih kekal relevan dan bermanfaat sehingga ke hari ini. Para pengamat dapat mengakui bahawa keberadaan *APA* diterbitkan tepat pada waktunya, lebih-lebih lagi di tengah-tengah landskap sosiopolitik dunia masa kini; berjayalah ia bertambah lagi signifikannya dan menampilkan ketuntasan.

Demikian juga, *APA* mampu menyuntik semangat, visi dan misi perjuangan bangsa yang baharu yakni dasar yang menyanggah belenggu-belenggu romantisisme, kemunduran dan populis. Intihanya, para pembaca seperti dibawa berlasykar ke lautan sejarah bersama angkatan Anak Panglima Awang; nasionalisme rasionalnyalah lancang-lancang, belayar dihembus bahana pawana keadilan sosialnya yang kencang.

Rujukan

Abdullah Hussain. (2006). Harun Aminurrashid: Pembangkit Semangat Kebangsaan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Fanon. F. (1963). The wrWtched of the Earth. New York: Grove Press.

Harun Aminurrashid. (1961). Anak Panglima Awang. Singapore: Pustaka Melayu.

Jacoby, R. (1996). Social Amnesia: A Critique of Contemporary Psychology. New Jersey: Tranacction Publishers.

Lavrov, P. (1967). Historical Letters. (J. P. Scanlan, Ed. & Trans.). California: University of California Press.

Miller, D. (1976). Social Justice. Oxford University Press.


Said, E. (1996). Peace and Its Discontents: Essays on Palestine in the Middle East Process. New York: Vintage.

Smith, A. D. (1998). Nationalism and Modernism. London: Routledge.

Zinn, H. (1990). The Ppolitics of History: With a New Introduction (2nd ed.). Illinois: University of Illinois Press.

Muhammad Ilyia Kamsani

merupakan seorang siswazah berkelulusan ijazah Sarjana Muda dalam jurusan Bahasa dan Sastera Melayu dari Universiti Sains Sosial Singapura. Kini, beliau sedang melanjutkan pengajian pada peringkat Sarjana di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Kebangsaan Singapura (NUS). Sebagai seorang aktivis budaya, beliau minat mengkaji dunia keintelektualan yang merangkumi persoalan-persoalan berkenaan bahasa, sastera, warisan dan falsafah sosial. Beliau telah dijemput sebagai panelis dalam beberapa forum seperti siri Sembang Ilmu anjuran Yayasan Warisan Melayu dan Rethinking Humanities and Social Science in the Global Era anjuran Jabatan Melayu NUS. Beliau dilantik menjadi Sahabat Sastera oleh Majlis Bahasa Melayu Singapura pada tahun 2021.



PENULIS TIDAK LAHIR DARIPADA KEKOSONGAN

Oleh Hamed Ismail



Penganugerahan Tun Seri Lanang merakamkan sumbangan penulis yang dianggap berperanan penting dalam perkembangan kesusasteraan Melayu di Singapura. Proses pencapaian itu agak panjang. Ia memberi kesan yang bercampur-baur. Saya tidak pernah memikirkan bahawa suatu masa nanti segala jerih perih saya dalam penulisan mendapat perhatian dan penghargaan masyarakat. Saya masih menganggap bahawa sebagai seorang penulis yang berjaya, saya belum cukup produktif dalam berkarya. Namun, kalau penulisan skrip drama pentas dan televisyen juga dianggap penting dalam melebarkan ruang khazanah sastera, saya dengan penuh takzim dan ikhlas menerimanya. Semoga ia merangsang saya untuk lebih berinovatif dalam melahirkan corak atau genre penulisan yang lebih segar.

Namun, dalam keinginan mencari pembaharuan berkarya, saya juga tidak akan mengetepikan karya sastera yang bersifat konvensional secara mutlak. Percayalah, karya-karya yang bersifat konvensional masih dapat bertahan dan memukau ramai pembaca. Hal ini disebabkan bahawa keperluan asas yang perlu ada dalam sesebuah karya ialah cerita yang menarik. Cerita yang memaparkan tentang perjuangan watak-watak manusia, tidak kira di mana mereka berada asalkan ia mengangkat martabat kemanusiaan yang bersifat sejagat. Karya sastera yang baik harus jelas menampakkan keindahan penukangan penulisnya. Harus kukuh bangunan ceritanya. Harus bergerak alur ceritanya. Harus bermula dari suatu premis yang bersandarkan latar masa, gagasan sosio-politik dan falsafah hidup. Terlalu banyak keharusan yang perlu difikirkan tapi ia bukanlah suatu kemestian.

Penulis Tidak Lahir daripada Kekosongan

Seorang penulis itu tidak lahir daripada kekosongan. Sejak kecil lagi saya sudah dibentuk oleh acuan masa, jenis pendidikan yang diterima (formal dan tidak formal) dan pengalaman hidup semasa tinggal di kampung atau di bandar. Sebelum saya berminat dalam karang-mengarang, secara sedar atau tidak, saya sudah mempunyai kecenderungan menjadi seorang pemerhati yang tajam. Saya sangat suka ambil tahu. Yang demikian, saya juga suka mendengar, menonton dan membaca cerita.

Saya suka mendengar cerita-cerita daripada seorang nenek angkat saya. Nenek angkat saya ini mempunyai keahlian bercerita yang disulami dengan memek muka (emosi) dan gerak badan (lakonan). Cerita-cerita hantunya mengandungi unsur-unsur kelucuan. Kadangkala dia akan bercerita tentang hikayat lama yang panjang dan memerlukan beberapa malam untuk tamat. Namun demikian, cerita yang paling memikat hati saya adalah tentang arwah suaminya yang terkenal sebagai Pak Hassan pawang laut. Pak Hassan sangat disayangi oleh pemilik-pemilik kelong berbangsa Cina yang fasih bercakap bahasa Melayu loghat Riau. Mereka memerlukan khidmat Pak Hassan untuk membina atau memperbaharui tiang-tiang nibung yang sudah reput.

Dengan berbekalkan ilmu 'Panjang Sejengkal' Pak Hassan boleh menyelam dalam laut begitu lama tanpa bantuan tabung oksigen. Anehnya, Pak Hassan meninggal dunia pada waktu senja, ketika laut berjalan surut dan paras air setinggi lutut. Pak Hassan meninggal dunia bagai menepati falsafah hidup, 'Asal laut pulang ke laut'. Hanya selepas bertahun-tahun berlalu, saya berjaya menulis cerita drama tv bersiri berjudul Ombak Melandai Pantai, Tanahnya Tembaga dan Watan; kesemuanya berdasarkan pengalaman Pak Hassan tentang laut dan hidup sebagai nelayan.

Ibu saya yang suka menjahit juga suka bercerita. Ibu saya gemar menceritakan semula cerita-cerita rakyat seperti Bawang Putih Bawang Merah, Batu Belah Batu Bertangkup, Si Tanggang dan sebagainya. Suatu hari, dia menjahit kain-kain perca lalu dijadikan sebuah anak patung kecil. Saya bertanya kenapa wajah anak patung itu tidak ada mulut dan mata. Ibu saya menjawab bahawa jika dia buat anak patung yang lengkap dan sempurna, ia akan meminta nyawa daripada si pembuatnya. Ibu saya pun menyambung cerita tentang seorang anak perempuan yang kesepian yang suka bermain dengan anak patung yang diperbuat daripada perca kain. Suatu hari, ibunya mendapati bahawa anak perempuannya sudah hilang. Yang ada di depan matanya adalah seorang anak perempuan yang mirip patung kain itu. Tiga abad kemudian, saya berjaya menulis skrip drama misteri berjudul, Patung Perca.

Pembacaan Meluas

Ketika umur saya mencecah enam tahun, saya mula menerima pendidikan secara





formal di Sekolah Melayu Siglap. Buku-buku bacaan tingkat permulaan ketika itu ialah *Membaja Akal* dan *Menimbau Akal*. Saya diajar membaca rumi dan jawi. Begitu juga dengan tulisan dan rencana. Selama enam tahun di sekolah rendah aliran Melayu itu saya didedahkan dengan cerita-cerita yang memberi kesan berpanjangan. Antaranya ialah cerita tentang sekumpulan orang buta yang memegang badan gajah. Masing-masing memberi tafsiran yang berbeza-beza tentang tubuh haiwan tersebut. Tanpa saya sedari, saya sudah belajar tentang persepsi atau menilai dari sudut pandangan yang berbeza.

Seterusnya, saya disogokkan membaca cerita Long Dengan Pokok Kacang, Kisah Awang Kenit, Cerita-Cerita Sherlock Holmes, Cerita Sang Lumira (diambil daripada Kalilah Wa-Dimnah), Pelayaran Sinbad, Cerita-Cerita Jenaka, Cerita Sang Kancil, Si Tenggang, Nyawa Di Hujung Pedang dan beberapa cerita lain yang diwajibkan oleh Kementerian Pelajaran pada masa itu (tahun 1955 hingga 1960). Watak-watak lucu dalam cerita jenaka seperti Pak Pandir, Pak Kadok, Lebai Malang dan Mat Jenin sangat meninggalkan kesan kepada saya kerana mereka mempunyai ciri-ciri perwatakan yang luar biasa dan selalu menghadapi masalah. Itulah yang perlu ada dalam sesebuah cerita, iaitu watak utama yang menghadapi konflik.

Subjek bacaan di zaman persekolahan saya merupakan pendedahan awal tentang apa itu kesusasteraan. Pada hari perpisahan, sekolah saya mengadakan sebuah pementasan drama, iaitu Sultan Mahmud Mangkat Dijulang dan pelakon-pelakonnya terdiri daripada murid-murid darjah tujuh. Drama tersebut diarahkan oleh Cikgu Mahmud Lana. Minat saya terhadap drama bermula daripada pengalaman itu. Minat terhadap seni lakonan ini semakin meningkat kerana kampung saya selalu dijadikan lokasi penggambaran oleh syarikat perfileman Cathay Keris Film Production.

Tatkala melangkah ke sekolah menengah dan pra-universiti, pembacaan saya semakin rancak dan bertambah. Buku teks sastera yang pernah saya baca ialah *Darah Kedayan* oleh Harun Aminurrashid, *Mari Berjuang* oleh Abdullah Sidek, *Hikayat Hang Tuah, Pelayaran Abdullah Bin Abdul Kadir Munsyi, Subuh* oleh Atan Long, *Anak Mat Lela Gila* oleh Ishak Haji Muhammad, *Di Bawah Lindungan Kaabah* oleh Hamka dan *Hang Jebat Menderhaka* oleh Ali Aziz.

Selain daripada membaca buku-buku teks sastera, saya juga dinasihatkan oleh guru saya supaya membaca karya-karya lain sebagai tambahan. Mungkin dia mahukan anak-anak muridnya menjadi penulis. Saya pun berusaha membaca beberapa karya tambahan seperti *Badan Piatu Di Rantau Orang* oleh Salmi Manja, *Dua Tiga Kucing Berlari* oleh Kala Dewata, *Daun-daun Berguguran* oleh A. Samad Said dan Salmi Manja, *Bulan Tak Bermadu Di Fatehful Fikri* oleh A Samad Said, *Siti Nurbaya* oleh Marah Roesli, *Atheis* oleh Achdiat K Mihardja, *Belenggu* oleh Armijn Pane, *Senja Di Jakarta* oleh Mochtar Lubis dan banyak lagi.

Tarikan Cerpen

Entah kenapa saya lebih tertarik membaca cerpen. Mungkin ia lebih ringkas, fokus dan selesai membacanya dalam beberapa minit. Sewaktu di sekolah, saya sudah cuba-cuba menulis cerpen. Cerpen saya berjudul, Sudah Jatuh Ditimpa Tangga pernah diterbitkan di majalah tabloid tanpa bayaran. Saya tidak gemar cerpen itu kerana watak dan jalan ceritanya serupa dengan cerpen Awamil Sarkam yang pernah saya baca dulu. Saya dapat membaca novel *Salina* kerana menerima Hadiah Kedua dalam peraduan mengarang cerpen antara sekolah-sekolah.



Cerpen yang berjudul, Jalan Dua Batu lahir setelah membaca cerpen Shahnon Ahmad berjudul, Hendak Serang Tuan D.O. Kebetulan Pak Long saya seorang penulis. Dia selalu mendorong saya supaya jangan berhenti menulis. Beliau menulis cerpen dan sajak yang dikenali dengan nama A. Salam. Saya berasa bangga apabila beliau menunjukkan buku pertama beliau berjudul *Gelanggang Hidup* kepada saya. Saya terus membaca kumpulan cerpen dalam buku tersebut. Beberapa tahun kemudian, saya berjaya menulis cerpen berjudul Pak Long yang mendapat Hadiah Sastera.

Allahyarham Cikgu Masuri S. N pernah mengajar bahasa Melayu semasa saya di pra-universiti. Beliau menasihatkan murid-muridnya supaya membaca sastera dunia. Beliau turut mencadangkan supaya kami membaca karya-karya penulis seperti Ernest Hemingway, John Steinbeck, Ivan Turgenev, Emile Zola, Kawabata dan beberapa penulis lain yang masyhor.

Sebelum saya mempunyai kerja tetap, saya bermain muzik di deretan kedai minum, Batu 14, Sembawang. Selama setahun bekerja di situ, saya disentak oleh ligatnya dunia malam. Saya dapat mencungkil latar hidup beberapa pelayan yang bekerja di kedai minum itu. Mereka memberi saya ilham menghasilkan skrip sandiwara radio berjudul "Sisa-sisa Malam" dan "Patung Bernyawa".

Hanya selepas memasuki dunia pekerjaan, baru saya dapat membaca karya-karya agung yang dicadangkan oleh guru saya dahulu. Saya juga berusaha seberapa mampu untuk membaca karya-karya yang telah memenangi hadiah sama ada di peringkat nasional atau antarabangsa. Namun demikian, secara tidak sedar, beberapa pengarang seperti Tobias Wolf, Jerzy Konsiski, Elie Wiesel, Mulk Raj Anand, Yasunari Kawabata, Andre Malraux, Milan Kundera, Harold Pinter dan Garcia Marquez telah banyak mempengaruhi saya dalam menghasilkan drama pentas *Anjing Untuk Diplomat*, drama televisyen *Asap Peluru Bunga Cinta*, cerpen "Ali Balin Tak Pernah Rasa Sakit", cerpen "Isteriku Jadi Kopiah Putih", novel *Bunga Tanjong* dan beberapa skrip drama yang lain.

Kepentingan Pengalaman Hidup

Pengalaman hidup yang dilalui seorang penulis sangat penting dan berharga. Semua penulis melalui pengalaman hidup yang berbeza-beza. Yang penting, seorang penulis perlu memanfaatkan sepenuhnya ilmu dan pengalaman yang diperolehinya. Proses kepengarangan seseorang penulis sebenarnya tidak berhenti. Ia berterusan. Untuk melahirkan sebuah karya yang baik dan menarik, seseorang itu mesti sudah banyak membaca atau menonton karya-karya yang baik.

Bekerja di unit drama televisyen mendedahkan saya kepada dunia pementasan. Saya sering menonton drama-drama mereka. Penggiat-penggiat drama di Singapura ketika itu sangat mudah diserap oleh cerita-cerita yang dibawa masuk dari Indonesia dan Malaysia. Untuk menambahkan ilmu kepengarangan saya, saya membaca skrip-skrip drama mereka. Saya pergi berkursus tentang teknik penulisan skrip drama televisyen dan filem. Pembimbingnya adalah pakar-pakar dari luar negara. Baru saya mengerti betapa sulitnya hendak melakar cerita, membina plot dan mewujudkan watak-watak yang hidup. Ilmu kepengarangan tidak pernah tuntas. Seorang penulis tidak boleh berhenti menimba ilmu.

Kesimpulannya, adalah mustahil seorang penulis yang baik tetapi tidak gemar membaca. Saya bersyukur kerana dapat mengikuti perkembangan penulisan yang berlaku di Malaysia, Brunei Darussalam dan Indonesia. Saya dapat mengikuti beberapa seminar atau forum sastera yang diadakan, baik di dalam negeri atau di negara-negara tetangga kita. Dengan cara itu, saya dapat bertukar-tukar pengalaman tentang teknik penulisan dan peningkatan mutu penulisan.

Hamed Ismail

merupakan mantan Penyelia Kanan Skrip TV Eaglevision, Mediacorp. Beliau masih memberi khidmat selaku Penasihat Skrip Drama TV. Beliau juga diminta memberikan kursus, ceramah dan mengendalikan bengkel penulisan untuk persatuan dan sekolah-sekolah. Hamed Ismail telah menghasilkan skrip drama radio, drama pentas, dan puluhan skrip drama TV.

Kumpulan puisi beliau yang berjudul *Suara Dalam* (2013) terpilih dalam senarai pendek untuk Hadiah Sastera Singapura. Novel beliau berjudul *Bunga Tanjong* telah memenangi Hadiah Merit, Singapore Literature Prize. Antologi Puisi *Tafsiran Tiga Alam* bersama Samsudin Said dan Hartinah Ahmad telah memenangi Hadiah Persuratan dan Singapore Literature Prize. Beliau juga telah memenangi Hadiah Pena Emas (puisi dan cerpen) dan Hadiah Persuratan (untuk skrip teater, skrip drama televisyen dan cerpen). Pada tahun 2019, beliau telah dianugerahkan Perdana Emas oleh Mediacorp kerana jasa-jasa beliau dalam perkembangan drama televisyen Melayu Singapura. Beliau menerima anugerah Tun Seri Lanang tahun 2020/2021.





SYAIR: PUISI BERIRAMA, DENDANGAN BERANEKA

Oleh Afi Hanafi

Selain puisi pantun yang kekal bermain di lidah masyarakat, syair yang dianggap lebih khusus dalam cara menyampaikannya masih belum pudar sinar. Mutakhir ini, timbul para penggiat yang terdiri daripada golongan sasterawan dan penggiat seni suara yang tampil menyemarakkan pelestarian puisi tradisional Melayu ini.

Biasanya irama 'Selendang Delima' seperti yang didendangkan dalam filem klasik Hang Tuah (lakonan P.Ramlee tahun 1956) dan filem Panca Delima (lakonan Jins Shamsuddin dan Hashimah Yon tahun 1957) yang dianggap ramai sebagai satu-satunya irama bersyair, kini irama-irama seperti 'Perang', 'Siti Zubaidah', 'Narasi' dan lain-lain sudah mula diperkenalkan di sekolah-sekolah dan sebati di pentas-pentas seni budaya. Usaha-usaha menyemarakkan syair di kota singa ini diangkat 'Syairpura', sebuah kumpulan tidak rasmi yang mula menggalas amanah murni ini sejak tahun 2018.

Ciri-Ciri Syair

Bentuk syair dan pantun sudah cukup sebati dengan masyarakat sejak dahulu, namun mungkin masih ada segelintir yang sedikit keliru akan perbezaan antara kedua-duanya. Berikut ialah senarai perbandingan ciri-ciri yang ada pada kedua-dua puisi tradisional ini.

Syair sama seperti pantun yang menitikberatkan kesan bunyi rima di dalam setiap barisnya. Namun bagaimanapun ada beza pada kedudukan rima yang perlu dipatuhi berdasarkan contoh-contoh daripada teks-teks lama. Seperti contoh, bunyi di hujung baris teks syair dikarang dengan pola rima a,a,a,a yang bermaksud setiap baris diakhiri dengan perkataan-perkataan yang memiliki bunyi yang sama seperti dalam teks 'Syair Badang' karangan Cikgu Khaziah Yem yang dikarang untuk kumpulan Syairpura pada tahun 2018 dibawah ini.

Awal Bismillah syair bermula,
selawat Rasul untuk baginda,
mengenang cerita kisah lama,
contoh teladan warisan bangsa.

Di negeri Sayung kisah terjadi,
Badang namanya rajin sekali,
hidup bertuan mengabdi diri,
teroka hutan huma menjadi.

Sungguh ajaib kekuatan badan,
terang sudah kawasan hutan,
tuannya kagum lalu bebaskan,
hidup merdeka Badang budiman.

Berikut pula contoh pantun lazim yang dikarang dengan pola rima a,b,a,b yang bermaksud baris 1 dan baris 3 sama rimanya manakala baris 2 dan baris 4 sama rimanya.

Dua tiga kucing berlari,
mana nak sama si kucing belang;
Dua tiga boleh kucari,
manakan sama awak seorang.

Pulau Pandan jauh ke tengah,
gunung Daik bercabang tiga;
Hancur badan dikandung tanah,
budi yang baik dikenang jua.

Pisang emas bawa belayar,
masak sebiji di atas peti;
Hutang emas boleh dibayar,
hutang budi dibawa mati.

	SYAIR	PANTUN
1	Memilik 4 baris serangkap.	Memilik 2, 4, 6, 8, 10, 12 baris serangkap.
2	Setiap rangkap tidak boleh berdiri dengan sendirinya. Perlu rangkap-rangkap susulan untuk melengkapkan keseluruhan tujuan.	Setiap rangkap boleh berdiri dengan sendirinya.
3	Setiap baris memilik 8 hingga 12 suku kata.	Setiap baris memilik 8 hingga 12 suku kata.
4	Tidak memiliki pembayang, setiap baris adalah *maksud/isi*.	Memiliki pembayang/sampiran pada baris 1 dan 2 dan memiliki *maksud/isi* pada baris 3 dan 4.
5	Memiliki pola rima a,a,a,a di hujung setiap baris.	Memilik pola rima a,b,a,b di hujung setiap baris.

Irama-Irama Syair

Jika pantun boleh dibaca atau dilantunkan seperti ketika orang berbalas pantun di dalam majlis atau juga dinyanyikan seperti dalam lagu masyhur 'Pantun Budi', 'Laksamana Raja Di Laut' dan 'Gurindam Jiwa' yang mana ia mengikut kesesuaian dan tujuan, syair pula mempunyai cara 'menyanyikannya' dengan khusus.

Rata-rata ramai yang mengenali syair dengan lagu atau melodi seperti yang didengarkan dalam filem-filem klasik, jarang sekali ada yang mengetengah lagu syair yang lain. Kini dengan bertambahnya kesedaran dan anak bangsa yang celik akan cabang puisi ini maka 'lagu-lagu' syair atau lebih elok kita sebutkan 'irama-irama' syair semakin digali daripada pelbagai pelosok nusantara dan dihidangkan di bengkel-bengkel pengayaan dan pementasan-pementasan seni budaya.

Berikut ialah senarai sebahagian nama irama/lagu syair:

- Irama Narasi/Irama Sarawak (Malaysia)
- Irama Siti Zubaidah (versi Malaysia)
- Irama Siti Zubaidah (versi Pekanbaru)
- Irama Perang (Pekanbaru, Indonesia)
- Irama Burung (Dumai, Indonesia)
- Irama Rawi (Dumai, Indonesia)
- Irama Batu Belah (Malaysia)
- Irama Tambang Begawan (Brunei Darussalam)
- Irama Tambang Melayu (Ketapang - Kalimantan, Indonesia)

- Irama Dodoi (Malaysia)
- Irama Hiasan (Malaysia)
- Irama Nandung (Indonesia)
- Irama Beghondak (Dumai, Indonesia)
- Irama Berunggai Lanjar (Brunei Darussalam)

Bila dilihat senarai nama irama syair di atas, sudah pasti ia membuka jendela yang lebih luas dalam cara kita melihat syair. Banyaknya nama irama ini juga mencerminkan banyaknya cara dan fleksibiliti dalam mengekspresikan karangan teks syair. Irama-irama di atas ini kesemuanya memiliki melodi dan kesan penyampaian yang cukup berbeza. Ada yang secara amnya bersifat lembut dan disampaikan dengan mendayu-dayu seperti dalam irama Selendang Delima, Perang dan Batu Belah. Ada pula irama yang bersifat keras dan permulaan baris yang menerjah seperti irama Siti Zubaidah versi Pekanbaru. Ada juga irama yang mudah disampaikan seperti irama Hiasan dan Dodoi yang mana kedua-dua irama ini disampaikan dalam melodi pendek yang diulang 2 kali untuk 1 rangkap syair.

Satu-satu irama syair yang didendangkan tidak semestinya sama antara satu pendendang dengan pendendang yang lain. Hal ini adalah kerana penguasaan atau penggunaan ornamentasi serta lenggok suara seorang pendendang menghasilkan kemasan suara yang berbeza daripada pendendang yang lain. Kawalan nafas dan sebutan juga memainkan peranan. Ditambah pula dengan pengaruh nyanyian atau bacaan seperti taranum Al-Quran juga memberi kesan pada penyampaian dendangan syair. Hal ini bermaksud bahawa irama-irama syair yang dihafal tetap bergantung pada ciri-ciri dan pengaruh yang diserap oleh pendendangnya. Hasilnya adalah kelainan mutu seni suara yang menyampaikan tujuan teks syair yang didendangkan.

Syair dalam Bangsawan

Puisi tradisional yang satu ini sering dikaitkan dengan pementasan opera Melayu atau 'Bangsawan' yang mana syair biasanya menjadi pembuka, penyambung dan penutup cerita. Teks syairnya pula didendangkan menggunakan irama 'Selendang Delima' dengan gaya yang sesuai dengan suasana babak atau emosi watak.

Menurut Sasterawan Negara Malaysia, Datuk Zurinah Hassan, irama 'Selendang Delima' barangkali dicipta oleh Tijah Dean Bangsawan seawal tahun 1930. Tahun demi tahun irama ini dipandang ramai sebagai satu-satunya cara atau lagu untuk menyanyikan syair. Apakan tidak, irama ini tersebar luas pada ketika itu melalui rancangan terbitan Radio Malaya iaitu 'Bangsawan di Udara' oleh Tijah Dean Bangsawan yang dipancarkan dari Singapura.

Bengkel Syair di Sekolah-Sekolah Emas

Sejak lebih sedekad yang lalu, sekolah-sekolah yang menjadi pusat Program Elektif Bahasa Melayu Sekolah Menengah (EMAS) dan maktab-maktab rendah telah mendapatkan khidmat para penggiat puisi tradisional setempat bagi mengendalikan bengkel-bengkel pengenalan puisi pantun dan syair kepada para pelajar mereka.



Melalui bengkel-bengkel ini para pelajar diajak mengenali keindahan pantun dan syair serta penggunaannya. Mereka juga diajar mengarang pantun dan syair menggunakan tema-tema terpilih, mengenali perbezaan antara kedua-duanya serta dilatih melantunkan pantun dan mendendangkan syair menggunakan irama-irama berbeza. Para pelajar dilihat tertarik dengan kepadatan dalam keringkasan kata-kata, idea dan ruang berekspresi dalam rangkap-rangkap pantun dan syair. Tidak kurang pula yang memanfaatkan peluang menunjukkan kecekapan berbalas pantun dan kebolehan menyanyikan rangkap-rangkap puisi tradisional yang mereka karang sendiri. Sesekali tema bebas yang diberikan oleh pelatih membuka ruang buat para pelajar berekspresi dan mencurahkan perasaan dalam karangan mereka yang kemudiannya didendangkan menggunakan irama yang sesuai dengan latar teks karangan.

Semarak Syair di Malaysia

Keindahan dendangan syair disulam persaudaraan 5 negara apabila sebuah konsert dengan nama 'Syair Alam Melayu Nusantara' dipentaskan di dewan megah Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur Malaysia pada tahun 2016. Acara itu menjadi bukti kuat akan masih wujudnya kepedulian malah berkembangnya minat dan bakat generasi zaman ini terhadap puisi syair. Tokoh budayawan Roslan Madun dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (Kuala Lumpur) dan Institut Terjemahan & Buku Malaysia menghimpunkan para pendendang syair daripada negara Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia, Singapura dan Thailand bagi mempersembahkan dendangan syair pelbagai irama.

Para pendendang yang ditampilkan dalam pementasan syair yang gah itu ialah Dr Shafa'atussara Silahudin (Malaysia), Zafirah Bahiah Hassan Johor), Nur Amelyana Noor Kamaruzaman (Selangor), Rusmawani Ishak (Negeri Sembilan), Nur Ameera Nabila Azmi (Kedah), Noor Hawadah Ramlie (Brunei Darussalam), Hanafi Idrus (Singapura), Suraya Usman (Patani) Musliha Wardana (Tanjung Pinang), Syahprizal (Medan), Juspebgo Setiawan (Pekanbaru),



Nelly Alie (Dumai), serta Hazwan Haziq (Haziq AF4).

Kesan daripada pementasan Syair Alam Melayu Nusantara ini telah menyemarakkan lagi pertandingan-pertandingan dendangan syair yang dianjurkan secara dalam talian yang melibatkan peserta dan para juri antarabangsa. Saban tahun para peserta pertandingan dilihat semakin berwarna-warni dengan kepelbagaian irama, gaya dan penguasaan lenggok dan bunga suara. Hasil daripada pementasan dan pertandingan ini pastinya telah menyuburkan tanah puisi tradisional ini demi melihat tumbuhnya bakal penyambung warisan bersyair.

Semarak Syair di Singapura

Sejak diwujudkan kumpulan Syairpura pada tahun 2018, beberapa orang yang terdiri daripada sasterawan negara, guru-guru dan penggiat seni budaya setempat sempat dihimpunkan bagi menyumbang karangan syair mereka. Sekumpulan penggiat seni suara tradisional setempat pula berkampung dan dilatih menyampaikan dendangan syair dalam beberapa irama yang cukup asing.

Sebuah persembahan kemudiannya dilangsungkan pada 24 Februari 2018 di auditorium Perpustakaan Daerah Woodlands bagi memperkenalkan kumpulan ini dan usahanya dalam melestarikan dendangan syair pelbagai irama di Singapura. Pada tahun 2019 pula Syairpura diundang untuk membuat persembahan di pusat pertunjukan seni bertaraf antarabangsa Esplanade selama 2 hari di Concourse. Dalam pementasan yang diberi nama 'Syair Di Pesisir', para penggiat Syairpura mendendangkan teks-teks syair menggunakan irama-irama berbeza pada 2 penampilan dengan tema 'Taman Nasihat' dan 2 penampilan lagi dengan tema 'Syair Sejarah Singapura'. Dendangan syair dalam pementasan ini diiring alat harp yang dimainkan oleh Duta Bahasa, Megat Muhammad Firdaus yang memberi kesan menarik pada persembahan.

Seterusnya pada tahun 2020, Syairpura diundang untuk terlibat dalam program sambutan Bulan Bahasa yang ditayangkan di televisyen saluran Suria menampilkan Anis Qurratu'aini mendendangkan syair 'Sejarah Badang' dengan irama Hiasan. Pada tahun itu juga Syairpura terus mendapat undangan menjalankan bengkel-bengkel pengenalan syair secara dalam talian bersama beberapa kumpulan kesenian dan merakam dendangan syair dalam acara Rewang Merenta Syair 2020 anjuran Variasi Performing Arts.

Syairpura turut menganjurkan Sesi Kenalsuai Pendendang Syair Singapura secara dalam talian melalui aplikasi Zoom dan telah mendapat perhatian para pelajar sekolah dan guru-guru yang sangat berminat untuk mempelajari seni dendangan syair. Anggota Syairpura iaitu Puan Siti Zahrah Mahmod, Cikgu Khaziah Yem dan Cik Anis Qurratu'aini Azman turut berkongsi pengalaman mendendangkan irama-irama syair berbeza. Sesi kenal suai ini juga memberi peluang kepada para peserta untuk berkongsi pengalaman mereka berkenaan syair dan juga mencuba irama-irama syair yang diajarkan.

Sebilangan peserta awalnya malu untuk cuba dendangkan irama-irama syair kerana bimbang suara mereka kurang merdu, namun apabila diberi galakan ternyata mereka dapat menghafal irama-irama yang dikongsikan. Soal 'bunga-bunga' atau ornamentasi dalam kemasan suara pastinya bergantung pada perbendaharaan yang ditiru atau diambil daripada lagu-lagu tradisional. Latihan dan mutu suara juga pastinya memberi kesan berbeza kesan berbeza antara pendendang.

Petikan 'Syair Warisan Bangsa' karangan Sasterawan Negara Singapura Tuan Nadiputra.

Bismillah terpohon restu Ilahi,
ungkapan madah nan disentuhi,
dek lemah minda masih mematuhi,
agar tak cemar dek bicara berahi.

Bersantun sulam syair warisan,
warisan bangsa pesan memesan,
usah terkubur tidak bernisan,
pasakkan agama biar berkesan.

Harapan bangsa pemuda satria,
tiang negara pemuda nan mulia,
barisan pelapis amanah belia,
maruah ibunda jangan dipersia.

Petikan 'Syair Singapura Dilanggar Todak' karangan Duta Bahasa Siti Aisyah Mohamed Salim untuk Syairpura.

Dengan nama Rabbul Alamin,
harap rahmat-Nya dapat dijamin,
selawat Rasul dilahir batin,
moga sejarah kelak diyakin.

Akibat cemburu sultan nan murka,
waad Melayu habis didusta,
maka dihukum daei mulia,
aiblah dia tiada terkira.

Bermula tulah pada negara,
todak menyerang segala hamba,
berkubu betis fikrah sang raja,
sayangnya todak berhenti tiada.

Petikan 'Syair Cenderawasih' karangan penggiat seni budaya Muhammad Nazree Nasrul untuk Syairpura.

Cenderawasih burung kayangan,
indah ciptaan tiada tandingan,
oleh Yang Maha Esa Tuhan,
menjadi pujian zaman berzaman.

Cenderawasih sahibul hikayat,
tercipta mulia burung
Nur Muhammad,
dari dagu bertitik keringat,
Bratacandra dibuat berangkat.

Cenderawasih burung sakti,
bulu yang jatuh menjadi bukti,
merah ke laut delima menjadi,
marjan tatkala jatuh ke bumi.



FESTIVAL SYAIR ANTARABANGSA 2018

Dua peserta S'pura 'Juara Harapan'

ISMAWATI ISMAIL
bhgnl@sph.com.sg

PENDEDAHAN sejak kecil lagi kepada dunia sastera Melayu, khususnya kepada irama syair, telah membawa kejayaan kepada dua anak Melayu tempatan.

Memang agak jarang sekali mendengar belia di zaman sekarang mengalunkan syair serta menyintai sastera tradisional ini.

Namun tidak bagi Encik Hanafi Idrus atau lebih dikenali sebagai Afi Hanafi, dan teman sesangkatannya yang juga meminati syair, Cik Anis Qurratu'aini Azman.

Malah mereka berdua juga dinobatkan sebagai Juara Harapan 2 dan 3, dan telah disarungkan selempang 'Biduan Syair' tanda kejayaan bagi sebuah pertandingan berprestij yang berlangsung di Tanjung Pinang, Indonesia pada bulan lalu.

Di acara yang dinamakan Festival Syair Antarabangsa 2018 itu, Encik Afi telah mendendangkan irama *syair Perang*, manakala Cik Anis pula melantunkan irama *Perindu*.

TUBUH KUMPULAN 'SYAIRPURA'

Menurut Encik Afi yang juga merupakan aktivis budaya setempat, syair mempunyai berbagai-bagai irama yang boleh didendangkan.

Di antaranya ialah Narasi, Kapal, Dandan Setia, Batu Belah dan Siti Zubaidah.

Namun yang lebih kerap didendangkan di Singapura adalah irama Selendang Delima.

Maka untuk menarik minat warga muda tempatan untuk mereneka dan menjulang keindahan syair Melayu, Encik Afi, 33 tahun, telah membubuhkan kumpulan pendendang syair Singapura, Syairpura pada tahun 2017.

"Afi membubuhkan Syairpura pada tahun lalu, demi menghidupkan semula puisi warisan syair, dan untuk memperkenalkan irama-irama indah ini yang sebenarnya telah wujud di nusantara sejak dahulu lagi. Bukan irama Selendang Delima sahaja yang perlu kita tahu, banyak lagi irama syair yang merdu yang boleh dipelajari oleh generasi muda seperti irama-irama Perindu, Semandang, Siti Zubaidah dan banyak lagi.

"Alhamdulillah, sambutan yang diterima baik dan memuaskan dan ramai juga aktivis syair mapan dan anggota-anggota baru menyumbangkan karangan mereka untuk kumpulan Syairpura ini, dan diharapkan kumpulan ini akan terus berkembang", ujar Encik Afi.

DAPAT SELEMPANG 'BIDUAN SYAIR'

Menyentuh tentang kemenangannya sebagai Juara Harapan 2 di pertandingan syair tersebut, Encik Afi berasa sungguh teruja dan menguatkan semangatnya untuk terus bergiat dan bergerak ke hadapan demi memperjuangkan puisi tradisional Melayu ini.

"Menerima dan disarungkan selempang 'Biduan Syair' oleh Bapak Toto Sucipto di Kepulauan Riau bulan lalu, saya merasakan penyertaan saya dan Anis sebagai satu pengiktirafan.

"Ini menjadi pemangkin perjalanan seni kami sebagai anak Melayu Singapura yang masih melestarikan khazanah warisan bangsa, di tengah-tengah kota kosmopolitan dan globalisasi ini," jelas Encik Afi yang juga merupakan seorang peniaga dan menghasilkan produk berasaskan kain songket seperti buku dan beg tangan wanita.

Bagi Cik Anis pula, 28 tahun, beliau berasa sungguh beruntung kerana sejak kecil lagi sudah terbiasa mendengar irama syair Melayu 'berlumandang' dalam kehidupannya.

Ini kerana, kedua-dua ibu bapanya, dan kaum kerabat terdekatnya juga merupakan orang seni, dan penggiat bangsawan tersohor di Singapura.

"Sejak kecil lagi saya telah didedahkan dengan dunia syair Melayu, kerana ibu bapa saya, Azman Shariff dan Mahyonis Mahfudz, terlibat dengan bangsawan bersama kumpulan Sriwana.

"Oleh itu, saya sudah terbiasa dengan irama syair, terutamanya irama Selendang Delima. Di samping mengenali dunia syair Melayu ini, saya juga pernah memenangi tempat pertama sewaktu pertandingan syair di sekolah rendah dahulu," kata Cik Anis.

Beliau yang bertugas sebagai seorang penggiat seni secara sepenuh masa, juga bertugas sebagai pengurus pentas bersama Singapore Dance Theatre secara sambilan.

Sejak dua tahun yang lalu, ketika menghadiri Bengkel Syair anjuran Lembaga Perpustakaan Negara (NLB) bersama Encik Roslan Madun, Cik Anis telah mendalami seni syair ini dari Encik Afi sendiri.

Bermula dari situ, Encik Afi telah berkongsi irama-irama syair yang sudah beliau pelajari dari acara Syair Alam Melayu Nusantara pada tahun 2016 yang lalu.

"Afi yang sentiasa memberi sokongan dalam proses mengenal irama dan memberikan saya pendedahan dan peluang dengan acara-acara puisi dan sastera di Singapura. Saya juga merupakan anggota Syairpura, yang Afi tubuhkan. Secara tidak langsung, saya telah dijemput oleh Afi untuk menyertai pertandingan ini, memandangkan Afi sudah melatih saya melalui pengibatan saya dalam kumpulan syair ini," jelas penerima 'Biduan Syair' dan Juara Harapan 3 itu.

Cik Anis juga mengharapkan agar khazanah Melayu dapat terus dikembangkan dan bagi penggiat seni sepertinya, mereka mempunyai tempat yang khusus bagi tujuan rujukan, di negara ini.

"Saya juga berharap pada masa akan datang, atau setidaknya lima tahun lagi, anak-anak Melayu di Singapura ini mempunyai tempat atau ruang rujukan bagi setiap bidang seni yang kita lakukan atau ceburi. Di samping itu, dengan ilmu yang diperoleh, ia boleh memberi nilai tambah pada isi dalam acara-acara kesenian di Singapura ini," ujar Cik Anis lagi.

► *Iamanuati Ismail ialah pemulis sambilan.*

JADI JUARA: Dua warga Singapura, Encik Hanafi Idrus dan Cik Anis Qurratu'aini Azman, memenangi pertandingan dengan gelar Juara Harapan 2 dan Juara Harapan 3 dalam satu festival syair di Tanjung Pinang, Indonesia, baru-baru ini. – Foto ihsan HANAFI IDRUS

Kesimpulan

Ternyata puisi syair yang mungkin disangka sudah dilupakan oleh generasi zaman ini, masih bernyawa malah sedang dirai dan dikembangkan oleh para pencintanya. Pelbagai ragam cara melestarikannya di negara-negara serumpun ini pastinya adalah jaminan bahawa puisi warisan ini terus berdegup sihat.

Semoga dengan usaha-usaha gigih para penggiat seni budaya dan bahasa setempat dalam melestarikan syair di Singapura, akan terus mekarlah puisi tradisional warisan bangsa Melayu ini. Agar ia bukan saja beralun merdu menyeri pentas-pentas budaya, malah lebih dari itu menjadi perakam sejarah, nilai dan peringatan petuah dan amanah zaman berzaman buat generasi mendatang.

Dengarlah syair hamba dendangkan,
barang diwasil Tuhan Al-rahman,
nambat berakhir puisi warisan,
sebagai tamsil buat ristaan.

Sekian lama sudah dinanti,
syair bergema didendang dirai,
Syairpura nama diberi,
di pulau Singa bergema kini.

Wahai tuan puan budiman,
hadirlah mampir bawa dukungan,
puisi warisan kita junjungkan,
si Mudawangsa empunya pesan.

'Syair Syairpura' karangan fakir Afi Hanafi.

Hanafi Idrus

atau lebih dikenali dengan nama Afi Hanafi ialah penggiat muda dalam bidang seni budaya Melayu Singapura. Dilahirkan pada 29 April 1985, beliau aktif memenuhi undangan menjalankan bengkel-bengkel pengenalan pantun, syair dan kraftangan songket sejak sedekad lalu di sekolah-sekolah serata Singapura. Beliau yang merupakan pengasas beberapa kumpulan kesenian iaitu 'Orkestra Sri Temasek', kumpulan koir Melayu 'PermaiSuara' dan kumpulan pendendang syair 'Syairpura' adalah di antara seniman yang diberikan gelaran 'Biduan Syair' oleh Balai Pelestarian Nilai Budaya Kepulauan Riau di Festival Syair Internasional di Tanjung Pinang, Indonesia pada 2018. Afi Hanafi yang juga peniaga barangan kraftangan berasaskan songket mendapat perhatian para penggemar dari dalam dan luar negara kerana kerja tangan yang dihasilkannya.





MUZIK TRADISIONAL MELAYU DI SINGAPURA

Sejak Tahun 2000

Oleh Fadhli Ramlee

Pengenalan

Muzik tradisional Melayu merangkumi pelbagai kategori dari segenap pelusuk nusantara Melayu. Jenis-jenis muzik seperti muzik yang berbentuk ritual (juga dikenali sebagai lagu 'main teri' dalam loghat Kelantan yang mengiringi persembahan Mak Yong), dan juga muzik yang mempunyai pengkhususan untuk sesuatu acara seperti muzik nobat istana dan pelbagai lagi.

Perbincangan dalam makalah ini akan ditumpukan kepada jenis muzik *syncretic* atau muzik Melayu yang mempunyai pengaruh daripada budaya lain. Muzik yang mempunyai pengaruh luar seringkali dibawa oleh pedagang atau penjajah pada suatu masa dahulu. Contohnya, muzik yang berentak asli, inang, zapin, masri dan joget yang dimainkan oleh sebuah kumpulan atau orkes muzik mempunyai keunikan yang tersendiri. Antara keunikan orkes-orkes ini adalah penggunaan alat muzik yang juga dibawa oleh pedagang atau penjajah yang dimainkan mengikut citarasa masyarakat Tanah Melayu. Alat-alat yang dimaksudkan termasuklah akordion, biola dan gambus.

Orkes-orkes ini telah wujud dan mengharungi perubahan sejak zaman berzaman. Dari zaman pentas, iaitu pentas bangsawan, zaman perfileman, televisyen sehingga millenia baharu. Maka, perbincangan makalah ini akan melihat aspek perkembangan muzik di Singapura sejak permulaan millenia baharu.

Keadaan Muzik Tradisional Melayu Sekarang

Daripada pengamatan saya, millenia baharu bermula dengan pelbagai wadah teknologi dan kemudahan. Muzik tradisional Melayu khususnya orkes-orkes Melayu semakin berkembang. Penubuhan orkes-orkes dan kumpulan-kumpulan yang berteraskan muzik tradisional Melayu mengukuhkan persepsi bahawa muzik tradisional Melayu semakin mendapat tempat dalam jiwa anak-anak muda yang ingin memperjuangkan muzik ini. Perkembangan ini membuktikan



bahawa muzik tradisional Melayu akan terus dimainkan dan akan sentiasa mempunyai pelapis pada masa akan datang.

Di Singapura, kita mempunyai lebih kurang sepuluh kumpulan yang memperjuangkan aliran muzik ini. Contohnya kumpulan Sri Mahligai, Orkes Mutiara, Sri Gemilang, Gurindam Sayang, Nobat Kota Singa, Gendang Akustika, Sinar Fusika, Alto Aura, Orkestra Sri Temasek dan Nadi Singapura.

Kumpulan-kumpulan tersebut mempunyai ciri-ciri khas yang tersendiri dalam mempersembahkan muzik tradisional Melayu. Selain daripada mewarnai majlis-majlis perkahwinan, kumpulan-kumpulan ini juga giat menghasilkan karya-karya yang bercorak tradisional. Dengan ini, bukan sahaja kumpulan-kumpulan ini mengekalkan kewujudan mereka, malah merancakkan lagi hasil pengkaryaan baharu bagi santapan generasi akan datang.

Dalam keadaan pandemik, kumpulan-kumpulan ini masih tegar membuat persembahan dalam talian supaya muzik tradisional Melayu tetap dapat dinikmati.

Pengaruh kumpulan Sri Mahligai

Kumpulan Sri Mahligai yang ditubuhkan pada tahun 2000 yang kini diterajui oleh Ariffin Abdullah, mempunyai pengaruh yang besar dalam dunia muzik tradisional Melayu di Singapura. Kewujudan Sri Mahligai selama dua dekad telah mengorak satu perjalanan yang disusuli oleh kumpulan-kumpulan lain.

Sri Mahligai telah menghasilkan dua buah album muzik tradisional Melayu. Album-album tersebut bertajuk 'Jati' pada tahun 2004 dan 'Mutiara' pada 2005. Penghasilan album ini adalah satu langkah yang baik untuk menambahkan dokumentasi karya dan pengekalan seni muzik tradisional Melayu. Langkah tersebut dituruti oleh kumpulan Orkestar Trio yang telah menghasilkan album mereka OST pada tahun 2011 dengan karya-karya kontemporari yang berlandaskan muzik tradisional Melayu.

Melalui persembahan di salah sebuah panggung terulung di Singapura, iaitu Esplanade, Sri Mahligai juga telah berjaya mengadakan konsert. Pada tahun 2005, mereka telah mengadakan persembahan *Sacred or Otherwise* dan pada tahun 2009, mereka mempersembahkan 'Keroncong Rindu'.

Sri Mahligai juga banyak membuat penampilan di kaca televisyen seperti di rancangan-rancangan khas Hari Raya dan juga rancangan Gemilang pada tahun 2007 yang diterbitkan oleh Najip Ali. Penampilan di televisyen amat penting dalam usaha

menyebarkan muzik tradisional Melayu kepada masyarakat umum.

Selain daripada itu, Sri Mahligai juga telah banyak mengiringi kumpulan-kumpulan tarian di Singapura seperti kumpulan Sriwana, Sri Warisan dan banyak lagi. Hal ini dilakukan juga oleh kumpulan-kumpulan yang lain seperti Orkes Mutiara, Nobat Kota Singa, Gendang Akustika dan lain-lain.

Kesimpulannya, Sri Mahligai telah memainkan peranan besar dalam membuka ruang untuk kelangsungan dan pendedahan muzik tradisional Melayu di Singapura dalam millenia baharu ini.

Osman Abdul Hamid

Osman Abdul Hamid, Pengarah Artistik Era Dance Theatre, boleh dianggap sebagai bapa gabungan muzik dan tari, dan juga pemuzik serantau.

Selain bergiat dalam arena tari sebagai pengarah, beliau juga sering menggunakan muzik yang dimainkan secara langsung dalam persembahan-persembahan yang beliau arahkan. Dengan cara ini, beliau telah mengeratkan lagi hubungan pemuzik dan penari. Muzik dan gerak tari tidak dapat dipisahkan kerana kedua-duanya berfungsi sebagai satu unit dalam persembahan tarian.

Salah satu sumbangan Osman Abdul Hamid dalam perkembangan muzik tradisional Melayu adalah melalui persembahan arahan beliau. Beliau sering mencabar pemuzik untuk menghasilkan susunan muzik atau garapan muzik yang baharu dan bersesuaian dengan gerak tari yang beliau hasilkan. Menerusi proses seperti ini, secara tidak langsung ia dapat mendidik para pemuzik untuk berfikir dan menjadi lebih kreatif dalam penghasilan muzik.

Selain daripada itu, beliau juga sering mengundang para pemuzik mapan dari luar negara seperti Indonesia, Malaysia dan Jepun untuk bergabung dengan pemuzik setempat. Langkah seperti ini membuka ruang pengenalan bagi para pemuzik untuk sama-sama menghasilkan karya yang baharu sambil bertukar-tukar pendapat dan ilmu.

Kepakaran Osman Abdul Hamid atau lebih mesra dipanggil Abang Osman, jelas kelihatan dalam acara-acara Gentarasa, Festival Muara, Trimaster dan lain-lain lagi.

Zubir Abdullah

Lagu Zapin Telok Blangah sangat sinonim dengan penggiat-penggiat muzik tradisional Melayu di Singapura.

Walaupun beliau telah bergiat dalam bidang muzik sejak tahun 1980-an, Zubir Abdullah ternyata masih merupakan seorang ikon am millenia baharu di tengah-tengah kewujudan ramai penggiat muzik tradisional Melayu di Singapura.

Ketokohan beliau dalam menghasilkan lagu-lagu berentak tradisional seperti Zapin Telok Blangah yang telah menyerantau sejauh Hawaii, membakar semangat





pemuzik-pemuzik baharu untuk meneliti hasil susunan muzik dan juga meneliti nilai kesusasteraan dalam lirik-lirik lagu beliau.

Susunan muzik yang menarik dan mudah diserap jiwa pendengar ditambahkan pula dengan lirik-lirik yang terdapat dalam lagu beliau yang kaya dengan paparan sejarah Singapura. Lagu seperti Zapin Telok Blangah, Citra Bangsa Di Kampung Gelam dan Laluan Dagang di Tanjong Pagar secara tidak langsung telah sama-sama mengetengah dan menyatukan muzik tradisional Melayu dengan ilmu sejarah.

Zubir Abdullah juga boleh dianggap sebagai bapa muzik tradisional Melayu dalam abad millenia baharu. Hal ini kerana beliau secara aktif berkongsi ilmu kepada pemuzik-pemuzik baharu secara formal mahupun tidak formal. Langkah ini beliau lakukan supaya pada masa akan datang terhasil para pelapis muzik di Singapura.

Festival Gemadah

Dengan tertubuhnya Konsortium Muzik Tradisional Melayu yang dianggotai para pemuzik tradisional daripada pelbagai latar belakang dan kumpulan, sebuah festival yang dikhususkan untuk persembahan muzik tradisional Melayu telah dianjurkan. Festival ini dinamakan Festival Gemadah.

Festival Gemadah yang pertama dianjurkan pada tahun 2018 dengan sokongan Esplanade Teater di Persisiran, mendapat sambutan yang sangat memberangsangkan. Usaha untuk mengadakan festival ini ternyata merupakan sebuah usaha yang baik bagi meningkatkan lagi taraf muzik tradisional Melayu di Singapura.

Sepanjang festival ini, terdapat pelbagai program yang diadakan untuk mempromosikan muzik tradisional Melayu. Selain persembahan, bengkel-bengkel muzik tradisional Melayu dan perkongsian ilmiah daripada tokoh-tokoh muzik telah dikendalikan.

Bengkel-bengkel yang diadakan dapat memberi ruang kepada penggiat-penggiat muzik tradisional untuk berkongsi ilmu dan pengalaman kepada para pemuzik lain dan juga masyarakat awam. Daripada perkongsian-perkongsian seperti ini, kita dapat mendalami muzik tradisional Melayu dengan perspektif yang berbeza. Hal ini adalah kerana keluasan muzik tradisional Melayu yang merangkumi pelbagai pelusuk Nusantara, menghidangkan ilmu muzik yang berbeza-beza seperti dari Malaysia, Indonesia dan Singapura.

Sesi perkongsian ilmiah daripada tokoh-tokoh muzik dan para akademia pula secara tidak langsung membuktikan bahawa muzik tradisional Melayu mempunyai nilai-nilai yang boleh dijadikan bahan kajian dan diangkat sebagai satu mata pelajaran di peringkat institusi tinggi. Muzik tradisional Melayu mengandungi falsafah dan nilai-nilai kesusasteraan yang boleh dibanggakan.

Acara utama Festival Gemadah ialah Rentas dan Gala Gemadah. Semasa acara Rentas, penggubah-penggubah muzik yang terpilih akan melalui proses pencernaan muzik bersama para pemuzik lain. Mereka harus menghasilkan lagu-lagu baharu yang berteraskan landasan muzik tradisional Melayu yang kemudiannya akan dipersembahkan kepada para penonton. Acara Rentas ialah satu gerakan yang baik untuk menambahkan lagi karya-karya baharu di arena muzik tradisional Melayu.

Acara Gala Gemadah yang dipersembahkan di panggung terbuka Esplanade menyajikan lagu-lagu tradisional Melayu yang popular. Gala Gemadah yang menarik ramai penonton telah mampu mempersembahkan muzik tradisional Melayu secara meluas kepada masyarakat umum yang mungkin tidak pernah mendengar muzik tradisional dimainkan secara langsung dalam suasana yang santai.



Fadhli Ramlee

atau nama sebenar Muhammad Fadhli bin Ramli ialah seorang penggiat seni yang telah berkecimpung secara profesional sejak tahun 2003. Beliau aktif dalam pelbagai bidang seperti tarian tradisional Melayu bersama Kirana Seni dan juga seni teater dengan pelbagai kumpulan teater setempat seperti Teater Titisan, Teater Ekamatra, Teater Artistik, Teater 2000 dan Sri Anggerek Bangsawan. Selain sebagai seorang pelakon, beliau juga pernah menulis dan mengarah beberapa karya pentas. Pada tahun 2017 hingga 2019 beliau menjadi pengarah artistik untuk kolektif Projek Ujong Tanjong untuk program semaian seni anjuran Taman Warisan Melayu. Sejak tahun 2006, setelah menubuhkan Orkes Mutiara, beliau juga dikenali sebagai seorang pemuzik tradisional Melayu dan banyak menghasilkan karya muzik dan juga menjadi pengarah muzik untuk persembahan tari dan teater. Beliau juga ialah seorang anggota aktif bersama kumpulan Nadi Singapura dari tahun 2015 hingga sekarang.




MAJLIS BAHASA


MAJLIS BAHASA